



# LAPORAN TAHUNAN FELCRA BERHAD **2022**



# MAKLUMAT KORPORAT FELCRA





# ISI KANDUNGAN

<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
SOROTAN PENCAPAIAN OPERASI 2022	2
LATAR BELAKANG	3
MAKLUMAT KORPORAT	7
OBJEKTIF FELCRA BERHAD	7
STRUKTUR KORPORAT	8
STRUKTUR ORGANISASI	9
<b>KEPIMPINAN FELCRA</b>	<b>11</b>
KEPIMPINAN	12
PERSPEKTIF	17
<b>LAPORAN AUDIT DALAM</b>	<b>29</b>
<b>KENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN</b>	<b>33</b>
<b>POLISI SUMBER MANUSIA</b>	<b>39</b>
<b>TERAS PERNIAGAAN</b>	<b>43</b>
<b>LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM OBLIGASI SOSIAL</b>	<b>51</b>
<b>PELAN TRANSFORMASI FELCRA BERHAD</b>	<b>103</b>
<b>KELESTARIAN</b>	<b>109</b>
VISI & MISI KELESTARIAN	110
1.1 LIMA (5) ELEMEN KELESTARIAN	111
1.2 TUJUH (7) CABARAN UTAMA KELESTARIAN	112
1.3 PEMANTAPAN AGENDA KELESTARIAN 2023	113
1.4 RAKAN STRATEGIK KELESTARIAN	114
<b>RANGKUMAN MENGENAI MSPO</b>	<b>115</b>
2.1 PENGENALAN MSPO	116
2.2 PENSIJILAN MSPO	118
2.3 PENCAPAIAN PENSIJILAN MSPO	120
2.4 KRONOLOGI DAN ROADMAP PENSIJILAN MSPO	121
2.5 PERALIHAN MSPO 1.0 - MSPO 2.0	122
2.6 PRESTASI PENSIJILAN MSPO TAHUN BERAKHIR 2022	124
2.7 PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN	125
2.8 AMALAN PERTANIAN BAIK	127
2.8 (i) PEMBAKARAN SIFAR	127
2.8 (ii) PENGGUNAAN BURUNG HANTU BAGI PENGAWALAN TIKUS	128

<b>ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI</b>	<b>129</b>
3.1 ALAM SEKITAR	130
3.2 LAPORAN PENILAIAN ALAM SEKITAR (EIA)	132
3.3 AUDIT ALAM SEKITAR	133
3.4 LAPORAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMP)	134
3.5 LAPORAN KERJA PENENTUAN ALAM SEKITAR (EMR)	134
3.6 KEMPEN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022	135
3.7 PERANCANGAN TAHUN 2023	135
<b>KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>	<b>137</b>
4.1 AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI LOKASI KERJA YANG TIDAK MENJALANKAN PENSIJILAN MSPO	139
4.2 AKTIVITI BERKAITAN KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS TAHUN 2022	140
4.3 AKTIVITI BERKAITAN KURSUS ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN (OKK) TAHUN 2022	141
4.4 AKTIVITI BERKAITAN LATIHAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022	142
4.5 PENYEDIAAN ORANG YANG KOMPETEN DAN STAF YANG KHUSUS	143

# PENGENALAN


---

## SOROTAN PENCAPAIAN OPERASI 2022

### Jumlah Agihan Keuntungan Sebelum & Selepas Pengkorporatan



**SELEPAS PENGKORPORATAN (1997-2022): RM7.32 BILION**



Rajah 1: Jumlah agihan keuntungan sebelum dan selepas pengkorporatan.

## LATAR BELAKANG

FELCRA telah ditubuhkan pada tahun 1966 untuk memajukan kawasan luar bandar dengan membuka peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan dan meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Pada tahun 1997, Lembaga Penyatuan dan Pemulihian Tanah Persekutuan (FELCRA) telah dikorporatkan dan dikenali sebagai FELCRA Berhad. Statusnya ditukarkan daripada badan berkanun kepada sebuah entiti milik Menteri Kewangan (diperbadankan), di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Kini, FELCRA Berhad turut terlibat dalam beberapa sektor perniagaan secara proaktif seperti perladangan, pembajaan, harta tanah dan pembinaan, pendidikan dan penghasilan makanan termasuk beras, ayam pedaging, santan sawit dan lain-lain.


Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (*Social Enterprise Powerhouse*) dalam sektor pertanian dan agromakanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial para pesertanya serta mengaplikasikan agroteknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.



## Konsep Program Penyatuan & Pemulihan Tanah (P&P)

FELCRA telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun pada 1 Oktober 1996 di bawah Akta (memperbadankan) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara 1966 dengan fungsi untuk menyatu, memulih dan memajukan tanah mengikut persetujuan atau permintaan kerajaan negeri mahupun atas permintaan pemilik-pemilik tanah atau dikenali sebagai peserta. Berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui, individu atau institusi ini akan menyerahkan tanah mereka kepada FELCRA dalam tempoh masa terdekat untuk dimajukan. Sebagai ganjaran, mereka akan menerima pulangan dalam bentuk agihan keuntungan sebanyak tiga (3) kali setahun.

**FELCRA membawa konotasi pemulihan dan penyatuan tanah sebagai fungsi  
pewujudannya. Terdapat dua (2) kategori tanah yang diusahakan oleh FELCRA Berhad**



Ladang-ladang P&P merupakan program obligasi sosial FELCRA Berhad yang dilaksanakan dari awal penubuhan sehingga kini. Projek-projek yang dilaksanakan di bawah program ini bertempat di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar dan kebanyakannya terdiri daripada tanah yang terbiar serta bermasalah. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam melaksanakan program ini antaranya:

- Lot-lot tanah terlalu berselerak sehingga menyukarkan penyediaan infrastruktur ladang dan kawalan musuh tanaman.
- Kawasan-kawasan yang terpinggir adalah kurang membangun serta kekurangan infrastruktur. Jalan-jalan masuk, tebatan bagi banjir dan hujan turut menyukarkan pembangunan untuk dilaksanakan. Selain itu, kos-kos bagi menyediakan infrastruktur juga amat tinggi.
- Sekatan atau isu perundangan yang dikenakan ke atas tanah-tanah yang dibangunkan disebabkan oleh kaveat dan gadaian akibat pinjaman institusi kewangan, proses penukaran nama yang agak sulit, ditambah pula prosedur premium dan cukai.


## **Agihan Keuntungan Boleh Agih Tahunan Projek Penyatuan & Pemulihan Tanah**

Objektif utama pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad adalah untuk mewujudkan asas ekonomi pertanian kepada kumpulan sasar dengan memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar yang mempunyai tanah terbiar, menambah pendapatan pekebun kecil dan meningkatkan taraf hidup.

Inisiatif penyatuan dan pemulihan tanah bermasalah yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad dengan menyatukan tanah-tanah kelompok kecil, memulihkan dan membangunkannya menjadi sebuah estet milik peserta pada kos pengurusan minimum iaitu hanya 6.5% telah merealisasikan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup serta kesejahteraan rakyat luar bandar.

Menjadi kelaziman kepada FELCRA Berhad untuk melaksanakan pembayaran keuntungan boleh agih bagi ladang-ladang yang menguntungkan di bawah Program Penyatuan & Pemulihan Tanah (P&P) sebanyak tiga (3) kali setahun iaitu Interim 1 pada bulan Ogos, Interim 2 pada bulan Disember dan Agihan akhir pada bulan April tahun berikutnya yang lazimnya dibayar bersempena persediaan musim persekolahan dan bayaran akhir bersempena musim perayaan.

### **Prestasi Agihan Keuntungan Boleh Agih Bagi Program Penyatuan & Pemulihan (P&P) FELCRA Berhad 2021**



Pada tahun 2021, jumlah keseluruhan keuntungan boleh agih bagi Program Penyatuan & Pemulihan (P&P) adalah RM478,698,245.24.

Bagi tahun 2022, jumlah keseluruhan keuntungan boleh agih yang telah dibayar meningkat menjadi RM501,556,634.89.

Jumlah agihan tahunan ini telah meningkat sebanyak 5% berbanding tahun 2021.





## MAKLUMAT KORPORAT

### VISI DAN MISI

#### Visi

Menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Ternantap (*Social Enterprise Powerhouse*) dalam sektor pertanian dan makanan

#### Misi

- Melindungi kepentingan peserta dari aspek ekonomi dan sosial
- Memacu teknologi agrokultur
- Memperjuangkan agenda Dasar Jaminan Bekalan Negara

### PROFIL KORPORAT

Pejabat Berdaftar : FELCRA Berhad (432483-U)  
Modal Dibenarkan : RM1 bilion  
Modal Berbayar : RM500 juta  
Tarikh Diperbadankan : 23 Mei 1997

### OBJEKTIF FELCRA BERHAD

- Meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar iaitu masyarakat peserta dan juga warga kerja FELCRA Berhad
- Memperbaik tahap produktiviti melalui kecekapan dan teknologi pengurusan yang terkini
- Mempertingkatkan ekonomi nilai tambah syarikat
- Menyediakan nilai pulangan yang tinggi ke atas ladang-ladang yang dibangunkan

## **STRUKTUR KORPORAT**

---

### **1. AHLI LEMBAGA PENGARAH**

- i. YBhg. Datuk Ahmad Jazlan Bin Yaakub
- ii. YBhg. Dato' Sri Ramlan Bin Dato' Harun
- iii. YBhg. Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman
- iv. YB. Datuk Haji Md Jais Bin Sarday
- v. YBhg. Dato' Sri Ghazali Bin Ibrahim
- vi. YBhg. Tuan Edham Reza Shah Bin Abdul Rahman
- vii. YBhg. Tuan Haji Mohamad Bin Husain
- viii. YBhg. Datuk Yatimah Binti Sarjiman
- ix. YBhg. Datin Hajjah Rahimah Binti Haji Mahamad
- x. YBhg. Datuk Mohd Arrif Bin Abdul Majid
- xi. YBhg. Datin Noor Hasita Binti Mat Isa
- xii. YBhg. Datuk Haji Zawawi Bin Haji Othman

### **2. AHLI MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI**

- i. YBhg. Dato' Mat Roni Bin Zakaria  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan –  
Pengerusi
- ii. YBhg. Dato' Idris Bin Lasim  
Pengurus Besar Kumpulan Operasi  
Ladang & Khidmat Nasihat
- iii. YBhg. Encik Mohamed Ismi Bin  
Abdul Majid  
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
- iv. YBhg. Encik Ali Bin Mohamad  
Ketua Pegawai Eksekutif Perladangan  
Komersial Bersepadu
- v. YBhg. Encik Mohammad Bin Ab Rahman  
Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal  
Peserta dan Komunikasi
- vi. YBhg. Puan Roza Shahnaz Binti Omar  
Ketua Pegawai Strategi & Transformasi  
Kumpulan
- vii. YBhg. Datin Zuraidah Binti Mohamed  
Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan
- viii. YBhg. Encik Zorkarnain Bin Mohamed  
Ketua Pegawai Perolehan Kumpulan
- ix. YBhg. Encik Mohd Faisal Bin Abdull Hamid  
Pemangku Ketua Pegawai Modal Insan
- x. YBhg. Encik Ghazali Bin Md Noor  
Ketua Kumpulan Setiausaha Syarikat

## STRUKTUR ORGANISASI

1. Terdapat 11 buah anak syarikat FELCRA Berhad yang **aktif**, yang melengkapkan rangkaian perniagaan syarikat:

- i. FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd. – 100%
- ii. FELCRA Niaga Sdn. Bhd. - 100%
- iii. Diversatech (M) Sdn. Bhd. – 55%
- iv. FELCRA Processing & Engineering Sdn. Bhd. – 100%
- v. FELCRA Properties Sdn. Bhd. – 100%
- vi. FELCRA Bina Sdn. Bhd. – 100%
- vii. FELCRA Training & Consultancy Sdn. Bhd. – 100%
- viii. FELCRA Education Services Sdn. Bhd. – 100%
- ix. FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd. – 53%
- x. FELCRA Food Industries Sdn. Bhd. – 100%
- xi. Permodalan FELCRA Sdn. Bhd. – 100%

2. Anak-anak syarikat yang **tidak aktif**:

- i. FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd. – 100%
- ii. FELCRA Livestock & Agri Product Sdn. Bhd. – 100%
- iii. FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd. – 100%
- iv. FELCRA Banggi Development Sdn. Bhd. - 70%

3. Rangkaian anak syarikat usahasama dalam bidang perladangan:

- i. FELCRA Daya Khas Plantation Sdn. Bhd. – 92%
- ii. FELCRA Balingian Plantation Sdn. Bhd. – 80%
- iii. FELCRA Gedong Plantation Sdn. Bhd. – 87.5%
- iv. FELCRA Sundar Awat-Awat Plantation Sdn. Bhd. – 70%
- v. FELCRA Ever Herald Sdn. Bhd. – 70%
- vi. FELCRA Pelita Jemoreng Sdn. Bhd. – 60%



4. Rangkaian anak syarikat usahasama dalam bidang perkilangan:

- i. FELCRA Venture Sri Aman Sdn. Bhd. – 40%
- ii. FELCRA Jayaputra Sdn. Bhd. – 36%
- iii. FELCRA Jaya Samaraham Sdn. Bhd. – 30%
- iv. Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd. – 8.75%

Berdasarkan Pelan Transformasi FELCRA Berhad 1.0, perniagaan anak-anak syarikat komersial yang bertindan telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk distrukturkan semula. Bagi memberikan tumpuan sepenuhnya kepada bisnes benih padi dan benih sawit, teras perniagaan FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd. telah digabungkan dengan FELCRA Niaga Sdn. Bhd. Perkhidmatan urus kendali ladang yang dilaksanakan oleh FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd. telah dimansuhkan dan diuruskan sepenuhnya kini oleh FELCRA Berhad. Selain itu, syarikat bersekutu iaitu Sinergi Perdana Sdn. Bhd. telah dijual keseluruhan pegangan saham milik FELCRA sebanyak 33.33% kepada RISDA pada tahun 2022.



# **KEPIMPINAN FELCRA**

---

---

## KEPIMPINAN

---

### PROFIL AHLI LEMBAGA PENGARAH



#### YBHG. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB

YBhg. Datuk Haji Ahmad Jazlan Bin Yaakub berumur 58 tahun dan berasal dari Kelantan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of West Scotland, United Kingdom, serta Diploma Pascasiswazah dalam Pentadbiran Perniagaan (PGDBA) dan Diploma Profesional dalam Keusahawanan (Tahap 4) dari London Examinations Board (LEB).

Antara 2015 hingga 2018, beliau memikul tanggungjawab sebagai Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Beliau mengetuai Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai Pengurus antara 2020 hingga 2021, serta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) sebagai Pengurusnya antara 2015 hingga 2016. Antara 2013 hingga 2015 pula, beliau memikul tanggungjawab sebagai Pengurus Majlis Sukan Negeri Kelantan. Beliau juga mengetuai Persatuan Bola Sepak Negeri Kelantan (KAFA) sebagai Presidennya antara 2004 hingga 2007.

YBhg. Datuk Haji Ahmad Bin Jazlan Yaakub memainkan peranan proaktif dalam usaha sosial dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Mulai 2018, beliau bertugas sebagai Penolong Kanan Pesuruhjaya Kehormat, Jabatan Penjara Malaysia sehingga kini. Sejak 2017 sehingga kini pula, beliau memegang jawatan sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat RELA Malaysia (RELA) selain menjadi Timbalan Menteri Mentor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) antara 2017 dan 2018. Dalam pada itu, dari 2016 sehingga kini, beliau turut memikul tanggungjawab sebagai Kehormat Penolong Pesuruhjaya Pertahanan Awam (APM). Di samping itu, YBhg. Datuk Haji Ahmad Jazlan Bin Yaakub telah dianugerahkan Darjah Panglima Jasa Negara (P.J.N.) pada tahun 2010, yang membawa gelaran Datuk atas jasa beliau kepada negara. Pada 2017, beliau dianugerahkan Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M.), yang membawa gelaran Datuk Wira atas usaha beliau membawa pembangunan kesejahteraan luar bandar ke negeri Melaka. Pada tahun yang sama, beliau telah dianugerahkan Darjah Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (D.J.M.K.), yang membawa gelaran Dato' atas jasa beliau menerusi pembangunan pelbagai sektor khususnya belia dan sukan bagi negeri Kelantan.



### **YBHG. DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN**

**YBhg. Dato' Sri Ramlan Bin Dato' Harun berumur 58 tahun telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah FELCRA Berhad pada 27 Oktober 2021 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.**

Beliau menerima pendidikan awal di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan dianugerahkan Diploma dalam Pentadbiran Awam. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) serta dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains Perumahan, Bangunan dan Perancangan. Terbaharu, beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Tanah dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Berpengalaman luas selama 30 tahun dalam sektor pengurusan pentadbiran awam. Antara pelantikan penting beliau: Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Dalam Negeri; Setiausaha Kanan Bahagian Pembangunan, Kementerian Kesihatan Malaysia; Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sosial, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi; serta Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada masa ini, beliau berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.



### **YBHG. DATO' SHAHROL ANUWAR BIN SARMAN**

Pada waktu ini, beliau menjawat posisi sebagai Pengarah di Bahagian Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang kewangan seawal tahun 2007 sebagai Senior Private Secretary(PTD Gred M52) di Kementerian Perbendaharaan. Selain itu, beliau juga pernah mewakili Malaysia di Brunei Darussalam, Fiji, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Nepal, Singapura, Thailand, Tonga dan Vietnam dari 2012 sehingga 2014. Dalam pada itu, beliau turut mendapat pengiktirafan dunia semasa beliau bertugas sebagai Penasihat Kanan kepada Pengarah Eksekutif The World Bank Group, Washington DC, Amerika Syarikat. Beliau memiliki lebih dari 30 tahun pengalaman kerjaya dalam pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk multinasional, institusi kewangan dan amalan audit. Beliau turut berpengalaman luas dalam pengurusan umum, kewangan, komersial, pembangunan perniagaan, serta audit dalaman dan luaran.



### **YB. DATUK HAJI MD JAIS BIN SARDAY**

Beliau pernah memegang jawatan sebagai EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, selain memiliki pengalaman yang luas dalam bidang politik, bahkan terus diberikan kepercayaan memegang beberapa jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Johor dan merupakan EXCO paling kanan dalam pentadbiran negeri. Selain itu, beliau juga pernah menggalas pelbagai jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri Johor. Antaranya, EXCO Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta EXCO Belia dan Sukan Negeri Johor. Sepanjang kerjayanya, beliau turut memegang beberapa jawatan dalam Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.



### **YBHG. DATO' SRI GHAZALI BIN IBRAHIM**

Beliau telah bertugas di jabatan kerajaan selama hampir 15 tahun sebelum menceburи bidang politik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah. Kerjaya beliau dalam bidang politik terus berkembang apabila diberikan kepercayaan oleh rakyat menjadi Ahli Parlimen Padang Terap, Kedah. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau bersama masyarakat, beliau telah meletakkan sepenuh komitmennya demi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.



### **YBHG. TUAN EDHAM REZA SHAH BIN ABDUL RAHMAN**

Beliau ialah salah seorang pengamal terkemuka dalam sektor perbankan, nasihat korporat, hal ehwal kewangan dan takaful Islam. Dalam pada itu, beliau juga mempunyai pengalaman yang luas sebagai penasihat bagi beberapa buah institusi kewangan dan bank pelaburan termasuk institusi kewangan pembangunan dalam dan luar negara. Beliau turut mempunyai pengalaman dalam bidang perkhidmatan nasihat syariah dan ekonomi Islam serta pembangunan pelbagai latihan korporat berhubung pembiayaan rentas sempadan untuk melindungi kepentingan rakyat Malaysia dan pelanggan di luar negara serta mengenali pelbagai struktur dan rangka kerja undang-undang di luar negara. Sepanjang pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang kewangan Islam dan takaful, beliau telah menjadi penasihat kepada beberapa buah institusi kewangan terkemuka seperti Maybank Islamic Berhad, SME Bank, MBSB Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad, EXIM Bank Berhad, Bank Perindustrian dan Komersial China dan beberapa buah bank Labuan dan asing yang terkenal. Pada tahun 2020, beliau telah dipilih untuk mewakili Malaysia oleh Suruhanjaya Fulbright, Amerika Syarikat untuk menyertai Program Pertukaran Profesional Fulbright 2020-2021.



### **YBHG. TUAN HAJI MOHAMAD HUSAIN**

Beliau merupakan seorang yang berpengalaman dalam bidang perladangan di mana beliau pernah bertugas sebagai Pengurus Ladang selama hampir 26 tahun. Antara jasanya sebagai Pengurus dapat dilihat menerusi tugasnya sebagai Pengurus Ladang di Ladang Kelapa Sawit Murni Sdn. Bhd., Tawau, Sabah dari 1999 hingga 2008; Pengurus Ladang Sawit di Aprica Sdn. Bhd., Tawau, Sabah dari 1982 hingga 1999; Pengurus Imam Restoran Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat pemborong barang am di Kuala Lumpur dari 1979 hingga 1981.



### **YBHG. DATUK YATIMAH BINTI SARJIMAN**

**YBhg. Datuk Yatimah Sarjiman yang berusia 56 tahun telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad pada 1 Mei 2019. Beliau merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.**

Beliau menerima pendidikan di Idaho State University, Amerika Syarikat dan telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dalam Sistem Maklumat Perakaunan merangkap Sistem Maklumat Komputer pada tahun 1987. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran bagi mendapatkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Perakaunan dan Kewangan merangkap Perniagaan Antarabangsa pada tahun 1989.

Pengalaman dan sumbangannya sudah menjangkau lebih 30 tahun dalam pelbagai bidang. Antaranya, perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar awam mengenai pengurusan dan organisasi sumber manusia, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan wilayah. Dalam pada itu, beliau juga memiliki kepakaran dalam pentadbiran sosial, hubungan antarabangsa dan daya tahan hal ehwal luar. Di FELCRA Berhad, beliau menaburkan sumbangan dan kepakarannya meliputi pembangunan dan pengurusan luar bandar, struktur perindustrian antarabangsa, industri perladangan dan wanita.



### **YBHG. DATIN HAJAH RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**

Beliau merupakan seorang pesara politik yang masih bergiat dalam aktiviti kemasyarakatan terutama bagi masyarakat luar bandar. Sepanjang kerjayanya beliau banyak berkhidmat serta memberikan sumbangan bagi meningkatkan taraf hidup warga luar bandar terutama golongan wanita.



### **YBHG. DATUK MOHD ARRIF BIN ABDUL MAJID**

Beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang sangat gigih menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan dan hartanah. Selain itu, beliau turut mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran kerajaan dan politik.



### **YBHG. DATIN NOOR HASITA BINTI MAT ISA**

Beliau merupakan seorang Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah yang berpengalaman dalam bidang pentadbiran kerajaan dan perbandaran. Pengalaman beliau selama hampir 15 tahun dalam bidang politik dan pembangunan luar bandar dimanfaatkan sebaiknya.



### **YBHG. DATUK HAJI ZAWAWI BIN HAJI OTHMAN**

Beliau merupakan seorang ahli politik yang begitu komited dalam membangunkan masyarakat luar bandar dengan meningkatkan taraf hidup serta ekonomi mereka. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengurus KESEDAR Perkilangan, malah beliau ialah mantan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, Semerak.

### **YBHG. DATUK AFANDI BIN NORDIN**

*(Alt Director kepada YBhg. Dato' Sri Ramlan Bin Dato' Harun)*

Beliau mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang pengurusan sumber manusia, pentadbiran am dan urus tadbir kerajaan dengan pengalaman melebihi 15 tahun di kementerian dan agensi kerajaan. Kini, beliau menggalas peranan sebagai Setiausaha Bahagian Penyelaras dan Pemantauan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Bahagian yang diketuai beliau ini bertanggungjawab untuk memantau pengurusan serta pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi dan kerajaan, selain melaksanakan pengurusan bajet yang efisien serta menjalankan penilaian terhadap hasil (*outcome*) program atau projek yang dilaksanakan.

## **PERSPEKTIF**

### **KENYATAAN PENGERUSI**

Kerajaan menyasarkan pembangunan kawasan luar bandar dengan prasarana fizikal dan membekalkan kemudahan asas kepada penduduk secara meluas. Aspirasi pembangunan luar bandar tersebut membolehkan proses pemodenan terus berkembang sehingga berjaya membentuk demografi perbandaran yang dapat kita lihat dan nikmati hari ini. Kawasan-kawasan luar bandar projek berpetempatan FELCRA ini dahulunya merupakan kawasan terpencil, namun kini berjaya dibangunkan dengan terbinanya kompleks perumahan, masjid, sekolah serta dijalankan pelbagai aktiviti ekonomi. Pembangunan yang dijalankan berjaya mengurangkan senario penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar. Berikutan kepelbagaian yang boleh didapati kini, banyak aktiviti serta sumber ekonomi dapat dinikmati oleh generasi muda di luar bandar pada masa ini. Tambahan pula, kerajaan kini kian giat merangka pelbagai usaha bagi menarik pelabur-pelabur luar untuk melabur di kawasan luar bandar menerusi penglibatan aktif sektor swasta.

Sering kali saya menegaskan ahli pasukan saya bahawa dalam kesibukan mengejar transformasi kemodenan, jangan sesekali kawasan luar bandar dipinggirkan dan diketepikan.

Kawasan dan penduduk luar bandar harus diberikan perhatian dan dimajukan seiring dengan arus pemodenan di kawasan bandar. Tumpuan harus diberikan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur asas, menaik taraf ameniti sosial sedia ada, menyelaras aktiviti tambahan untuk memperkuuh ekonomi dan aktiviti keusahawanan, pembangunan modal insan peserta serta daya saing generasi kedua.

Saya melihat FELCRA Berhad sebagai pemegang amanah yang berjaya dalam mengimplementasikan aspirasi kerajaan untuk membangunkan tanah-tanah terbiar dan kurang berdaya maju menjadi tanah yang mempunyai nilai komersial. Kejayaan FELCRA Berhad dalam menyatakan, sekali gus memulihkan tanah pertanian yang bermasalah sebagai sebuah ladang dan estet yang besar seharusnya dijadikan model dan contoh kepada kawasan pertanian kecil lain di seluruh negara.

Oleh yang demikian, beraspirasikan kejayaan inisiatif ini, saya sangat berbangga dengan prestasi yang dicapai serta menggalakkan kolaborasi yang lebih banyak dengan syarikat swasta lain demi mengembangkan syarikat terutama dalam teknologi pertanian.



**YBhg. Datuk Ahmad Jazlan Bin Yaakub**  
Pengerusi FELCRA Berhad

## KENYATAAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Prestasi harga komoditi sawit dan getah merupakan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian syarikat tahun ini. Sehingga Disember 2022, purata harga komoditi sawit sepanjang tahun ini hampir mencecah RM1,200 iaitu naik sebanyak RM550 atau 79.17% berbanding bulan yang sama tahun lepas yang mencatatkan RM3,100 per hektar.

Walaupun prestasi jualan dan permintaan terhadap minyak sawit mentah Malaysia disaingi oleh Indonesia, namun saya amat yakin bahawa dengan adanya bantuan dan usaha kerajaan, masalah ini akan dapat diatasi. Bagi getah pula, sehingga April 2022, purata harga getah adalah RM6.19 iaitu naik sebanyak hampir RM0.70 atau 11.7% berbanding tahun lepas.

Selain itu, faktor kedua yang mempengaruhi prestasi projek-projek bagi Program Penyatuan & Pemulihan Tanah (P&P) adalah purata pendapatan ladang per hektar. Sehingga April 2022, jumlah purata pendapatan ladang per hektar adalah hampir RM4,900 iaitu memperkenalkan kenaikan sebanyak 56.9% berbanding RM3,100 per hektar yang dicapai pada tahun 2021.

Oleh itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua *enforcement task force* saya yang telah menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang, malah komitmen yang diberikan juga sangat membanggakan. Usaha bersama antara kita semua amat penting dalam merapatkan jurang pembangunan, di samping memperkasakan kemajuan masyarakat luar bandar agar menerima akses kepada infrastruktur yang sama dengan masyarakat di bandar.

Dalam usaha bersama ini, FELCRA Berhad harus terus memastikan para peserta kekal sebagai nadi utama usaha-usaha syarikat. Kerjasama rapat antara Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), agensi-agensi lain di bawah KKDw, pucuk pimpinan tempatan serta pihak berkuasa dan agensi kerajaan tempatan amatlah penting dalam memastikan setiap usaha berjalan lancar dan mencapai kejayaan yang maksimum, terutamanya dalam memastikan kesejahteraan peserta FELCRA tercapai dan terbaik.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memberikan keyakinan serta sokongan terhadap FELCRA Berhad untuk menjadi peneraju dan pemangkin kemajuan dan kesejahteraan luar bandar melalui usaha-usaha pemerkasaan program sosioekonomi demi mewujudkan suasana kehidupan luar bandar yang lebih kondusif, inklusif dan mampan.



**YBhg. Dato' Mat Roni Bin Zakaria**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FELCRA Berhad

## KENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

### 1. AHLI LEMBAGA PENGARAH

#### Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Piagam Lembaga Pengarah (*Board Charter*) secara umumnya tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah syarikat MKD perlu mengetahui, memahami dan menghayati hak, kuasa dan tanggungjawab sebagai Lembaga Pengarah yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965, M&A syarikat MKD, *Malaysian Code of Corporate Governance* dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah lantikan MKD ini.

Lembaga Pengarah secara khususnya bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan semua peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 dan undang-undang berkaitan industri yang mengawal operasi syarikat MKD dipatuhi sepenuhnya.
- ii. Memastikan syarikat MKD beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Lembaga Pengarah dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk memastikan syarikat MKD melaksanakan mandat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat cadangan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti yang berada di luar mandat atau objektif penubuhan syarikat MKD berkenaan, kelulusan MKD melalui Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (BSPK), Kementerian Kewangan (MOF) perlu diperoleh terlebih dahulu.
- iii. Menubuhkan jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah yang bersesuaian seperti berikut:
  - a) Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (JARI) yang antara fungsinya adalah seperti berikut:
    - Memastikan Unit Audit Dalam dan Integriti ditubuhkan yang bertanggungjawab kepada JARI
    - Memastikan pengauditan berkala dan perancangan pelan audit dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam sebagai langkah kawalan dan pemantauan terhadap aspek pengurusan kewangan dan operasi syarikat
    - Mengusulkan isu audit yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) atau kelemahan yang diketengahkan oleh Jabatan Audit Negara dengan memastikan pihak pengurusan melaksanakan tindakan pembetulan dan penyelesaian segera ke atas isu berkenaan serta menetapkan dan memantau pematuhan tarikh serta tempoh masa tindakan penyelesaian

- Sekiranya isu audit yang dibangkitkan dibawa ke perhatian *Putrajaya Inquisition* atau Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (*Public Accounts Committee*), Pengerusi JARI bertanggungjawab untuk hadir bersama-sama pihak pengurusan bagi memberikan penjelasan
- Memastikan pemantauan, penyeliaan dan penilaian keseluruhan pengurusan risiko syarikat, sekali gus memastikan langkah-langkah pencegahan dilaksanakan segera.

b) Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran yang antara fungsinya adalah seperti berikut:

- Meneliti cadangan pelantikan atau pelantikan semula serta tempoh perkhidmatan Pengerusi, ALP dan pengurusan kanan syarikat termasuk Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif (MD/CEO)
- Kesemua cadangan ini perlu dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah bagi tujuan perakuan sebelum dikemukakan untuk kelulusan MKD kecuali bagi pelantikan pengurusan kanan
- Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan pelarasan struktur gaji, kenaikan gaji tahunan MD/CEO dan staf, semakan Perjanjian Bersama Kesatuan Pekerja (*Collective Agreement*) dan pembayaran bonus. Kesemua cadangan ini perlu dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah bagi tujuan perakuan sebelum dikemukakan untuk kelulusan MKD kecuali kenaikan gaji tahunan staf

c) Jawatankuasa Perolehan yang antara fungsinya adalah seperti berikut:

- Memastikan Manual Perolehan diwujudkan dan dikemas kini serta diperakukan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah
- Mempertimbangkan dan memutuskan tender mengikut had nilai kuasa perolehan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah

d) Jawatankuasa Pelaburan yang antara fungsinya adalah seperti berikut:

- Meneliti dan mempertimbangkan cadangan pelaburan yang dikemukakan pihak pengurusan
- Memantau perancangan dan aktiviti pelaburan agar mengikut bajet yang ditetapkan
- Memastikan penilaian risiko dibuat ke atas setiap cadangan pelaburan

e) Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang bersesuaian:

- Memastikan Pengerusi tidak menganggotai jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah yang boleh menimbulkan konflik kepentingan
- Memastikan MD/CEO tidak menganggotai JARI untuk mengelakkan percanggahan kepentingan dan mengamalkan tadbir urus terbaik
- Memastikan kewujudan atau penggubalan polisi syarikat yang jelas, had kuasa (*Limit of Authority - LOA*) yang kemas dan teratur serta *Standard of Procedure (SOP)* yang sentiasa relevan tanpa menjasaskan kawalan, selaras dengan amalan terbaik industri
- Memastikan semua keputusan Lembaga Pengarah yang telah diluluskan oleh MKD dilaksanakan mengikut jangka masa yang ditetapkan di mana-mana yang berkaitan
- Memastikan segala perbincangan di peringkat mesyuarat Lembaga Pengarah dicatatkan dengan tepat dalam minit mesyuarat termasuk jika terdapat bantahan
- Memastikan Lembaga Pengarah tidak menyalahgunakan kuasa dalam penentuan elaun, kemudahan dan faedah kepada ALP serta melaksanakan tanggungjawab secara bermoral dan beretika
- Lembaga Pengarah perlu merujuk MKD mengenai perkara atau hal yang kurang jelas (*grey areas*) berkaitan aktiviti, dasar dan hala tuju syarikat serta mendapatkan kelulusan MKD jika perlu

iv. Komposisi Lembaga Pengarah

Bagi memastikan komposisi dan keanggotaan Lembaga Pengarah yang cekap dan mantap, Lembaga Pengarah boleh:

- Mengenal pasti kebolehan serta ciri-ciri personaliti yang diperlukan dalam komposisi Lembaga Pengarah dan mengesyorkan sistem penggantian ALP yang teratur kepada MKD, tertakluk kepada M&A syarikat, garis panduan pelantikan Pengerusi, ALP dan MD/CEO
- Lembaga Pengarah Syarikat MKD haruslah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai pelbagai kemahiran seperti dalam bidang perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran dan pengurusan, malah bijak membina hubungan sosial di tempat kerja serta kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan dengan operasi syarikat MKD, selain dilantik atas kapasiti personaliti mereka tersendiri bagi menyumbang kepada Lembaga Pengarah yang dinamik, cekap dan berkesan
- Setiap tahun, ALP perlu menilai prestasi Lembaga Pengarah secara kolektif dan ALP lain (*peer rating*) secara individu termasuk Pengerusi. Penilaian prestasi ini wajar diambil kira dalam pertimbangan pelantikan semula ALP sedia ada

v. Peranan, tugas dan tanggungjawab Pengerusi:

Pengerusi Lembaga Pengarah bertanggungjawab mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah dan sentiasa memastikan Lembaga Pengarah berfungsi dengan berkesan. Pengerusi secara amnya mempunyai peranan, tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

- Memastikan struktur Lembaga Pengarah yang jelas untuk kelancaran fungsi dan peranan Lembaga Pengarah
- Berdaya kepimpinan dan berwibawa dalam mewakili syarikat di mata awam serta memahami pandangan dan keutamaan pihak berkepentingan (*stakeholders*)
- Memastikan pengurusan menyediakan maklumat yang tepat, terkini dan jelas supaya setiap semua ALP mendapat penerangan sewajarnya berkaitan isu dan perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat bagi membantu ALP membuat keputusan
- Memastikan setiap resolusi Lembaga Pengarah yang substantif dan memerlukan perbincangan mendalam dikemukakan untuk pengundian secara fizikal manakala Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah (*Directors' Circular Resolution*) hanya dihadkan kepada perkara-perkara yang tidak kompleks dan tidak memerlukan perbincangan mendalam
- Memastikan segala keputusan Lembaga Pengarah dilaksanakan secara efektif dari segi keutamaan, kecekapan, keberkesan dan kewangan
- Memastikan penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan setiap ALP secara individu dilaksanakan
- Menjadi peneraju dalam mengenal pasti dan memenuhi keperluan latihan serta pembangunan Lembaga Pengarah
- Memastikan batas tanggungjawab antara Lembaga Pengarah dan pengurusan difahami dengan jelas dan dihormati serta hubungan antara Lembaga Pengarah dan pengurusan dijalin secara profesional dan membina
- Berperanan sebagai wakil syarikat selain MD/CEO bagi pasaran domestik dan antarabangsa
- Menetapkan agenda bagi mesyuarat Lembaga Pengarah sebagaimana yang dirundingkan bersama MD/CEO dan Setiausaha Syarikat
- Menetapkan tempoh masa yang bersesuaian dan sewajarnya bagi membincangkan perkara yang kompleks atau kontroversi dan boleh mengaturkan mesyuarat atau perbincangan tidak rasmi terlebih dahulu, jika perlu, sebagai persediaan sebelum Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan
- Bertindak sebagai fasilitator semasa mesyuarat berlangsung untuk memastikan:
  - Tiada ahli yang mendominasi mesyuarat

- Perbincangan penuh dilakukan dan mampu membantu MD/CEO dalam menentukan keseragaman dasar dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan
- Peluang kepada ALP untuk melontarkan pelbagai pendapat bagi menggalakkan perdebatan dan proses membuat keputusan yang bermaklumat (*informed decision making*)
- Memastikan komunikasi yang berkesan dengan pemegang saham (*stakeholders*) dan semua pihak berkepentingan
- Membina dan mengekalkan hubungan kerja yang efektif dengan pengurusan serta memudahkan komunikasi lebih berkesan antara ALP dengan pengurusan sama ada dalam atau luar mesyuarat Lembaga Pengarah

vi. Peranan, tugas dan tanggungjawab pegawai kerajaan yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)

- a) ALP yang baru dilantik wajar memastikan MD/CEO atau pihak pengurusan memberikan taklimat terperinci mengenai aktiviti syarikat dan prosedur serta tatacara yang berkuat kuasa dalam syarikat sebelum memulakan peranan sebagai ALP
- b) ALP bertanggungjawab untuk memahami tugas dan tanggungjawab fidusiari (sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965) sebagai Pengarah Syarikat
- c) Walau bagaimanapun, sebagai ALP yang dilantik oleh kerajaan, Pengarah juga perlu mengambil kira kepentingan kerajaan dalam membuat keputusan. Sekiranya terdapat percanggahan kepentingan atau konflik yang tidak dapat dielakkan, ALP sewajarnya mengutamakan kepentingan syarikat. ALP boleh mengisyiharkan percanggahan kepentingan atau konflik tersebut dan mengecualikan diri (*abstain*) daripada mengundi
- d) Setiap ALP perlu memainkan peranan masing-masing secara berkesan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:
  - Mengetahui dan memahami aktiviti teras syarikat dengan jelas
  - Mengetahui, memahami dan mempraktikkan *care*, *skill* dan *diligence* dalam memberikan nasihat, pendapat dan pandangan serta membuat keputusan
  - Mengguna pakai garis panduan seperti dalam Lampiran 1, di samping perlu sentiasa membaca, memahami dan melengkapkan diri dengan maklumat terkini berkaitan perkembangan industri di mana syarikat beroperasi serta sebarang perubahan dalam garis panduan atau perundangan yang berkaitan

- Menghadiri lebih daripada 50% (75% bagi Institusi Kewangan Pembangunan - DFI) mesyuarat Lembaga Pengarah, mesyuarat jawatankuasa yang dianggotainya dan mesyuarat penting lain bagi memastikan semua peranan, tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kegagalan menghadiri tiga mesyuarat Lembaga Pengarah secara berturut-turut boleh mengakibatkan keahlian digugurkan
- Memperkasakan diri dengan menghadiri latihan dan kursus dari semasa ke semasa serta melengkapkan diri dengan maklumat terkini bagi memantapkan peranannya sebagai ALP. Setiap ALP yang baru pertama kali dilantik perlulah menghadiri kursus asas atau *Onboarding Program* dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh lantikan sebagai ALP syarikat MKD di mana perbelanjaan menghadiri kursus ini ditanggung oleh syarikat. Kegagalan menghadiri kursus berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan perkhidmatan sebagai ALP syarikat MKD ditamatkan mulai tarikh enam (6) bulan berakhir
- Membuat pengisytiharan sekiranya terdapat kepentingan dalam syarikat atau perolehan/cadangan projek sama ada kepunyaan sendiri atau ahli keluarga (isteri/suami atau anak-anak). Sekiranya wujud percanggahan kepentingan dalam sesebuah projek atau perolehan, maka ALP tersebut perlu mengecualikan diri (*abstain*) daripada menyertai perbincangan dan membuat sebarang keputusan mengenainya
- Melindungi maklumat yang dikategorikan sebagai rahsia atau sulit (*trade secret*) daripada didedahkan kepada umum, terutama yang boleh memberi kesan kepada nilai syarikat MKD, mempengaruhi keputusan kerajaan berhubung syarikat MKD tersebut atau di mana kerajaan melalui MKD mempunyai kepentingan yang sah
- Tidak menyalahgunakan kuasa, hak dan harta yang telah dipertanggungjawabkan sebagai ALP syarikat dan perlu sentiasa mengikuti peraturan dan kelayakan yang telah ditetapkan. ALP juga dilarang daripada menyalah guna sebarang maklumat yang diperoleh semasa memegang jawatan sebagai Pengarah serta ditegah daripada melakukan perkara yang mungkin menjelaskan kepentingan syarikat
- Memastikan syarikat mematuhi dasar semasa kerajaan mengenai pengurusan korporat syarikat MKD seperti di Bahagian 3 Garis Panduan ini oleh syarikat MKD
- Memastikan syarikat mendapatkan kelulusan MKD bagi perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan pemegang saham berdasarkan obligasi yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, M&A Syarikat dan Arahan-arahan MKD

- Jika terdapat percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) antara syarikat dan kerajaan sama ada sebagai pemegang saham atau pembuat dasar negara, pegawai kerajaan berkenaan perlu menggunakan budi bicara untuk menyampaikan pendirian pemegang saham (MKD)
- Digalakkan menganggotai Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti syarikat MKD, jika terdapat sebarang tanda penyelewengan termasuk amalan memanipulasi akaun dan penyalahgunaan kuasa, perkara ini hendaklah dibawa kepada perhatian mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tindakan ke atas pengurusan serta dilaporkan kepada MKD dengan segera
- Memastikan mekanisme kawalan diwujudkan bagi syarikat MKD yang menerima bantuan kewangan daripada kerajaan (seperti geran, subsidi, pinjaman, jaminan dan lain-lain), agar penggunaannya mengikut tujuan penyaluran yang diluluskan, memantau pengeluaran dan pematuhan jadual bayaran balik serta membuat laporan kepada MKD sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan
- Mengetahui, memahami dan memastikan syarikat MKD berkenaan mematuhi hak, kuasa dan keistimewaan pemegang saham khas seperti yang diperuntukkan dalam M&A syarikat bagi syarikat di mana MKD memiliki pegangan saham khas (*golden share*)
- Menyediakan Laporan Mesyuarat Lembaga Pengarah sebagaimana yang digariskan pada para 4.1 Bahagian 4 Garis Panduan ini
- Meletak jawatan dalam semua Lembaga Pengarah syarikat MKD yang dianggotai apabila:
  - Pegawai kerajaan berkenaan telah bersara atau meletakkan jawatan sebagai penjawat awam
  - Pegawai kerajaan berkenaan telah bertukar ke kementerian atau agensi lain

## **2. JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**

### **I. Jawatankuasa Lembaga Perolehan**

No.	Nama Ahli Jawatankuasa	Jawatan
1.	Dato' Sri Ramlan Bin Harun (Pengerusi)	Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)
2.	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman (Ahli)	Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik Kementerian Kewangan Malaysia
3.	Dato' Sri Ghazali Bin Ibrahim (Ahli)	Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad
4.	Datin Rahimah Binti Hj Mahamad (Ahli)	Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad
5.	Tuan Haji Mohamad Bin Husain (Ahli)	Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad

### **II. Jawatankuasa Pemberian Tender Ibu Pejabat**

No.	Nama Ahli Jawatankuasa	Jawatan
1.	Dato' Mat Roni Bin Zakaria (Pengerusi)	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
2.	Encik Mohamed Ismi Bin Abdul Majid (Ahli)	Pengurus Besar Kumpulan Kewangan
3.	Encik Mohammad Bin Ab Rahman (Ahli)	Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Peserta & Komunikasi
4.	Dato' Idris Bin Lasim (Ahli)	Pengurus Besar Kumpulan Perladangan
5.	Encik Zulkhairi Bin Abdul Rahim (Ahli)	Pengurus Besar Kumpulan Khidmat Pengurusan
6.	Tuan Haji Ir. Mazlan Bin Ahmad (Ahli)	Pengurus Besar Kumpulan Perkilangan & Pemasaran
7.	Encik Muhammad Eizaaz Bin Dato' Haji Muhamad Redzuan (Ahli)	Pengurus Besar Kumpulan Transformasi & Perancangan Korporat

### **III. Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Ganjaran**

No.	Nama Ahli Jawatankuasa	Jawatan
1.	Dato' Sri Ghazali Bin Ibrahim	Pengerusi
2.	Dato' Sri Ramlan Bin Harun	Ahli
3.	Datuk Yatimah Binti Sarjiman	Ahli
4.	Datin Rahimah Binti Haji Mahamad	Ahli
5.	Datin Hajah Noor Hasita Binti Mat Isa	Ahli
6.	Datuk Mohd Arrif Bin Abdul Majid	Ahli

### **IV. Jawatankuasa Lembaga Penasihat Transformasi**

No.	Nama Ahli Jawatankuasa	Jawatan
1.	Dato' Sri Ghazali Bin Ibrahim	Pengerusi
2.	Dato' Sri Ramlan Bin Harun	Ahli
3.	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman	Ahli
4.	Encik Edham Reza Shah Bin Abdul Rahman	Ahli
5.	Datuk Md Jais Bin Sarday	Ahli
6.	Datuk Mohd Arrif Bin Abdul Majid	Ahli

#### 4. HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG SAHAM (RELATIONSHIP WITH SHAREHOLDERS)

Hubungan dengan pemegang saham tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 (Akta 777) yang dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017. Keterangan ringkas berkaitan pematuhan adalah seperti berikut:

Perkara	Seksyen	Keterangan	Penalti Maksimum (RM)
Serah Simpan Penyata Tahunan	68 (1)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat berkewajipan menyerah simpan Penyata Tahunan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh ulang tahun syarikat diperbadankan.</li> </ul>	50,000
Penyediaan Penyata Kewangan Beraudit	248 (1)	<p>Pengarah syarikat hendaklah menyediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penyata Kewangan Beraudit pertama dalam tempoh lapan belas (18) bulan dari tarikh syarikat diperbadankan.</li> <li>Penyata Kewangan Beraudit berikutnya dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kewangan berakhir.</li> </ul>	500,000
Pengedaran ( <i>circulation</i> ) Penyata Kewangan Beraudit	258	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diedarkan selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh MAT.</li> </ul>	50,000
Serah Simpan Penyata Kewangan Beraudit	259 (1)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyata Kewangan Beraudit perlu diserah simpan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh MAT.</li> </ul>	50,000
Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)	340 (2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>MAT pertama: hendaklah diadakan dalam tempoh lapan belas (18) bulan dari tarikh syarikat diperbadankan.</li> <li>MAT selanjutnya: hendaklah diadakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kewangan berakhir DAN tidak melebihi tempoh lima belas (15) bulan dari tarikh MAT yang terdahulu.</li> </ul>	20,000

# **LAPORAN AUDIT DALAM**

---

## **LAPORAN AUDIT DALAM**

### **I. TUJUAN PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT RISIKO FELCRA BERHAD (JKARFB)**

Antara tujuan penubuhan JKARFB:

1. Memastikan aktiviti syarikat dan/atau Anak-anak syarikat (kumpulan) dijalankan dengan bertanggungjawab dan berintegriti untuk menjaga hak dan kepentingan para pemegang saham
2. Membantu Lembaga Pengarah FELCRA Berhad memenuhi tanggungjawab fidusiarinya berhubung dengan perakaunan, kewangan dan aset korporat serta amalan penyediaan laporan yang sempurna mengenainya
3. Memberikan khidmat nasihat mengenai amalan tadbir urus korporat, kawalan dalaman serta pengurusan risiko yang baik

### **II. PENGUATKUASAAN**

Mandat untuk penubuhan JKARFB:

1. Akta Syarikat 2016
2. Merujuk perkara *Committees – item 118.* (1) *Constitution of FELCRA Berhad incorporated on the 23rd May 1997 menyatakan “The directors may delegate any of their powers to committees consisting of such member or members of their body as they think fit and may from time to time revoke such delegation.”*
3. Merujuk perkara 2.2 c.i. Pekeliling/Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang dikeluarkan oleh Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan bertarikh 14 Disember 2014 yang menyatakan Lembaga Pengarah secara khususnya bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah yang bersesuaian seperti Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti, serta apa-apa jua garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan dari masa ke masa.

### **III. BIDANG TUGAS & TANGGUNGJAWAB JKARFB**

Antara bidang tugas dan tanggungjawab JKARFB adalah

1. Mengkaji dan menasihati syarikat berhubung dengan pernyata kewangan berkala dan/ atau tahunan syarikat dan/atau anak-anak syarikat (kumpulan) sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah FELCRA Berhad
2. Memastikan fungsi Audit Dalam ditubuhkan dan bertanggungjawab terus kepada JKARFB
3. Meluluskan Piagam Audit Dalam dan memastikan fungsi Audit Dalam mempunyai sumber secukupnya serta kedudukan sewajarnya dalam syarikat dan/atau anak-anak syarikat (kumpulan)
4. Mengkaji dan meluluskan perancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Audit Dalam
5. Mengkaji laporan-laporan Audit Dalam dan maklum balas pengurusan serta memastikan tindakan yang sewajarnya diambil berhubung dengan penemuan-penemuan audit tersebut
6. Menilai proses yang mantap untuk mengenal pasti, mengurus dan memantau risiko kritikal, memantau pelaksanaan proses tersebut dan memastikan ia terus ditambah baik berdasarkan keperluan, sesuai dengan perubahan persekitaran perniagaan syarikat sebagaimana yang dibentangkan oleh pihak pengurusan
7. Memantau pengendalian dan menyemak hasil penilaian risiko seluruh Kumpulan, termasuk pengenalpastian dan pelaporan risiko-risiko yang kritikal

### **IV. FUNGSI AUDIT DALAM**

1. Fungsi Audit Dalam adalah untuk menyediakan perkhidmatan bebas dan objektif untuk menambah nilai dan menambah baik operasi Kumpulan FELCRA Berhad (FB).
2. Misi Audit Dalaman adalah untuk meningkatkan dan melindungi nilai organisasi dengan memberikan jaminan berdasarkan risiko dan secara objektif dan juga khidmat nasihat yang bersesuaian.
3. Audit Dalam membantu organisasi mencapai objektifnya dengan membawa pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalam syarikat.

---

## **PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN**

---

### **ANALISIS PASARAN SEMASA**

Ekonomi Malaysia merekodkan prestasi memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7% untuk tahun 2022, melebihi anggaran 6.5% - 7.0% yang dibuat pada bulan Oktober 2022. Prestasi pertumbuhan ini juga jauh melebihi pertumbuhan ekonomi 3.1% yang dicapai tahun 2021.

Merujuk data yang dikeluarkan oleh Kementerian Ekonomi dalam *Laporan The Malaysian Economy In Figures* 2022 didapati bahawa nilai eksport Malaysia dalam tahun 2022 adalah sebanyak RM1,290.2 bilion. Sektor perladangan merupakan penyumbang kedua terbesar eksport negara selepas sektor pengeluaran serta sektor minyak dan gas. Data yang sama menunjukkan industri kelapa sawit telah menyumbangkan sebanyak 6.3% diikuti oleh getah sebanyak 0.3%. Data ini menunjukkan kemajuan yang ketara dan perkembangan yang amat pesat dalam industri kelapa sawit sejak beberapa dekad yang lalu.

Selama lebih satu abad, industri perladangan kekal bertahan sebagai komponen penting bagi ekonomi Malaysia dengan penguasaan berterusan dalam pasaran global untuk pengeluaran dan eksport minyak sawit selepas Indonesia.

Berdasarkan data yang dikeluarkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bagi tahun 2022, hasil eksport minyak sawit dijangka meningkat sebanyak 11.8% kepada RM72.25 bilion daripada RM64.62 bilion yang dicatatkan pada 2021. Harga minyak sawit mentah (MSM) pula diunjurkan pada purata RM4,250 satu tan dengan pengeluaran sebanyak 19 juta tan.

Industri perladangan di Malaysia turut diancam dengan kekurangan tenaga buruh untuk bekerja di sektor-sektor perladangan. Walaupun terdapat usaha yang bersepadu untuk mempromosikan dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan belia sektor ini, kebanyakan golongan muda tidak berminat untuk berkhidmat dalam industri ini, malah memilih untuk bekerja di sektor perkilangan dan runcit. Kekurangan tenaga buruh merupakan isu yang dihadapi oleh pemain industri minyak sawit yang telah menjaskan pengeluaran hasil komoditi negara sehingga mencecah berbilion ringgit.

# **KENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

---

## **KENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

### **Pengurusan Risiko Tanggungjawab Bersama**

Pandemik COVID-19 bukan sahaja telah menjelaskan kehidupan sehari-hari kita dengan sangat ketara, malahan terhadap ekonomi, baik di peringkat domestik maupun global. Terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh organisasi akibat daripada ketidaktentuan landskap risiko semasa. Dengan perubahan kepada situasi sosial dan alam sekitar, ketidaktentuan keadaan geopolitik dunia dan transformasi teknologi, keperluan untuk kecekapan operasi dan proses di FELCRA Berhad perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dengan ketidakpastian ini, pengurusan risiko yang proaktif serta berkesan adalah amat signifikan bagi mengurangkan kesan yang boleh menjelaskan operasi dan kestabilan kewangan FELCRA Berhad. Justeru, FELCRA Berhad mengakui cabaran yang dihadapi dan mengiktiraf pengurusan risiko sebagai satu elemen penting dalam pengoperasian harianya. FELCRA Berhad sentiasa menggalakkan dan memupuk budaya pengurusan risiko dalam organisasi berlandaskan rangka kerja dan struktur tadbir urus risiko yang baik. FELCRA Berhad terus komited dalam melaksanakan amalan dan tadbir urus risiko yang baik sepanjang melaksanakan aktiviti yang telah ditetapkan.

### **Pengukuhan Tadbir Urus Risiko**

Rangka kerja tadbir urus risiko dapat menjelaskan struktur dan susun cara pengurusan risiko dalam FELCRA Berhad. Ia menerangkan tanggungjawab dan pengurusan risiko di setiap cawangan, bahagian, wilayah dan ibu pejabat FELCRA Berhad secara menyeluruh serta memastikan keberkesanan penyeliaan yang dijalankan. Dalam struktur tadbir urus ini, Lembaga Pengarah FELCRA Berhad bertanggungjawab secara keseluruhan dalam hal penyeliaan dan tadbir urus risiko di FELCRA Berhad. Melalui Jawatankuasa Audit & Risiko FELCRA Berhad, Lembaga Pengarah berfungsi mengawasi kesemua aktiviti pengurusan risiko, pelaksanaan rangka kerja, memberi arahan strategik dan mempertimbangkan cadangan Bahagian Risiko & Tadbir Urus, selain memantau segala kecukupan infrastruktur, sistem dan sumber agar fungsi pengurusan risiko yang lebih bebas, efektif dan berkesan dapat dilaksanakan.

### **Fungsi Jawatankuasa Audit & Risiko FELCRA Berhad**

- i. Memupuk budaya kesedaran risiko melalui penyampaian taklimat khusus mengenai pengurusan risiko kepada staf-staf di FELCRA Berhad untuk membina keupayaan dan kesedaran sebagai asas kepada amalan pengurusan risiko yang baik
- ii. Memperluas pelaporan risiko kepada bahagian yang terlibat untuk mendapat pandangan menyeluruh mengenai pengurusan risiko dan strategi mitigasi yang diambil
- iii. Memperkuuh kesinambungan dan daya ketahanan beroperasi melalui perancangan krisis serta pengenalan dan persediaan fungsi untuk beroperasi di tempat alternatif

## **Model Tadbir Urus Risiko FELCRA Berhad**

FELCRA Berhad mengamalkan tadbir urus risiko berlandaskan model Tiga Barisan Pertahanan (*Three Lines of Defence – 3LoD*) yang ditakrifkan seperti berikut:

- i. Barisan Pertahanan Pertama: Terdiri daripada semua cawangan, bahagian, wilayah dan ibu pejabat FELCRA Berhad yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko operasi harian. Barisan Pertahanan Pertama ini juga perlu memastikan kawalan risiko yang mencukupi serta berkesan dalam operasi dan persekitaran mereka
- ii. Barisan Pertahanan Kedua: Terdiri daripada Bahagian Risiko & Tadbir Urus yang berfungsi secara bebas dalam menjalankan aktiviti pengawasan dan kawalan selia. Bahagian Risiko & Tadbir Urus berfungsi dalam membangunkan rangka kerja dan metodologi pengurusan risiko, melaksanakan penilaian risiko secara bebas, memantau pelaksanaan aktiviti pengurusan risiko serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit & Risiko
- iii. Barisan Pertahanan Ketiga: Kumpulan Audit Dalam pula berperanan sebagai Barisan Pertahanan Ketiga yang akan menyediakan jaminan secara bebas kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit & Risiko serta pengurusan terhadap kecukupan kawalan dalaman, pematuhan terhadap polisi dan proses pengurusan risiko

## **Pelaksanaan Pengurusan Risiko Operasi**

Risiko operasi adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakcukupan dan kegagalan dalam proses dan prosedur, ditambah pula dengan sistem yang tidak cekap ataupun disebabkan oleh peristiwa luaran yang menjadi punca terjejasnya reputasi dan kestabilan kewangan organisasi.

Bahagian Risiko & Tadbir Urus berterusan memantau dan melaporkan risiko utama bersama pelan mitigasi kepada Jawatankuasa Audit & Risiko. Bagi terus memupuk budaya dan akauntabiliti terhadap risiko, pemilik perniagaan di bahagian masing masing turut dilibatkan dalam sesi perbincangan.

Ketepatan dan kesempurnaan maklumat risiko yang dilaporkan dalam profil risiko akan disemak dan disahkan oleh pemilik risiko masing-masing setiap empat (4) kali setahun.

## **Pengintegrasian Organisasi Melalui Amalan Pengurusan Risiko Secara Menyeluru**

FELCRA Berhad mengamalkan pendekatan *Enterprise Risk Management* (ERM) dalam pengintegrasian pengurusan risiko secara menyeluruh dalam organisasi. Pendekatan ini merupakan sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik berdasarkan polisi, rangka kerja dan proses "ISO 31000:2018 Risk Management Principles & Guidelines". Struktur tadbir urus yang komprehensif serta mandat dan sokongan daripada Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan adalah penting bagi memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang efektif. Ia perlu selaras dengan hala tuju strategik organisasi serta disokong oleh fungsi pengawasan dan kawal selia yang bersesuaian.

FELCRA Berhad melaksanakan pengurusan risiko dengan membangunkan pelan yang bersesuaian dan memastikan peranan pihak berkuasa, tanggungjawab dan akauntabiliti yang berkaitan dengan pengurusan risiko ditugaskan dan dimaklumkan kepada seluruh peringkat organisasi.

Konteks risiko yang diuruskan dalam FELCRA Berhad dan fokus utama akauntabiliti turut termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- i. Strategik - Akauntabiliti dalam menguruskan risiko strategik terletak pada Pengurusan bagi ramalan yang lebih baik dan seterusnya bertindak balas terhadap perubahan permintaan ke atas FELCRA Berhad tepat pada masanya. Selain itu, pendedahan yang berkaitan dengan strategi perniagaan organisasi termasuk penetapan dan keputusan strategi serta pelaksanaan yang dapat memberikan kesan kepada kemampuan FELCRA Berhad bagi mencapai objektif dalam jangka masa panjang.
- ii. Operasi - Akauntabiliti untuk menguruskan risiko operasi terletak pada Ketua Jabatan. Faedah mengurus risiko operasi dengan cekap termasuk mengekalkan standard kualiti unggul, selain mengenal pasti isu bermasalah di peringkat awal bagi pengurusan risiko yang cekap dan berkesan. Pendedahan yang timbul daripada proses dalaman yang tidak mencukupi atau kegagalan dalam aktiviti operasi teras dan sokongan seperti proses atau prosedur perniagaan, pematuhan operasi, kesinambungan perniagaan, kualiti perkhidmatan, hubungan pelanggan dan pembekal serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- iii. Projek - Penaja projek bertanggungjawab dalam pencapaian hasil dan keputusan projek. Risiko ini dikaitkan dengan kegagalan untuk merancang dengan teliti dan mengatur usaha bagi mencapai objektif projek tertentu yang membawa kepada kos atau masa yang berlebihan dan kegagalan projek. Pelan projek termasuk mentakrifkan matlamat dan objektif projek, menentukan tugas atau pencapaian matlamat, sumber yang diperlukan berserta belanjawan berkaitan, ulasan prestasi vendor atau kontraktor dan jangka masa untuk menyelesaikan projek berkenaan.

### **Membina Organisasi yang Berdaya Tahan Melalui Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)**

FELCRA Berhad komited dalam melaksanakan BCM untuk memastikan organisasi kekal berdaya tahan dan mapan bagi melindungi manfaat semua pihak yang berkepentingan. Lembaga Pengarah FELCRA Berhad dan pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan amalan BCM yang menyeluruh dalam organisasi. Amalan ini merangkumi sebahagian daripada tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang mampan. BCM yang efektif membolehkan FELCRA Berhad:

- i. Memulih serta meneruskan fungsi operasi kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan, selain meminimumkan kos kerosakan dan gangguan operasi akibat sesuatu bencana
- ii. Meningkatkan keupayaan dalam membuat keputusan semasa krisis, dan menjamin operasi kritikal di peringkat bahagian dan pejabat dapat dipulihkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, selepas bencana atau krisis

- iii. Melindungi anggota, harta, aset dan reputasi secara proaktif dari sebarang ancaman yang boleh mengganggu gugat operasi

Siri taklimat berkenaan Pembangunan Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) bersama bahagian yang telibat di FELCRA Berhad telah diadakan bagi memastikan strategi pemulihan sentiasa dikemas kini dan relevan. Strategi Pemulihan BCM telah dibangunkan untuk membolehkan FELCRA Berhad mengkaji dan memastikan pendekatan pemulihan BCM sentiasa efektif.

Dalam memastikan ketersediaan berterusan bagi menghadapi bencana, Ujian Latihan Simulasi telah dilaksanakan oleh FELCRA Berhad sebagai sebahagian daripada serahan Projek Pemulihan Bencana Sistem FIIS SAP FELCRA. Tujuan pelaksanaan Ujian Latihan Simulasi ini adalah untuk menguji strategi dan cara penyelesaian pemulihan bencana yang telah ditetapkan oleh piawaian FELCRA Berhad. Dengan kejayaan melaksanakan dan menyelesaikan ujian latihan simulasi ini, secara tidak langsung Pasukan Pemulihan Bencana FELCRA mempunyai tahap keupayaan dan kecekapan mengurus pemulihan bencana yang baik.

### **Inisiatif Pengurusan Risiko**

FELCRA Berhad telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memperkuuh pelaksanaan Program Pengurusan Risiko seperti berikut:

- i. Menyediakan profil risiko bagi empat (4) Bahagian terlibat di FELCRA Berhad termasuklah Bahagian Perladangan Penyatuan dan Pemulihan (P&P), Bahagian Estet Komersial, Bahagian Perkilangan dan Bahagian Peserta. Profil risiko ini membantu mendaftarkan semua risiko yang dikenal pasti oleh organisasi dan menganalisis serta menilai setiap risiko yang diutamakan. Ia bertujuan untuk meningkatkan visi strategik organisasi yang menjadi standard pencapaian, mengenal pasti peluang, ancaman untuk organisasi dan persekitaran semasa serta membangunkan bidang untuk penambahbaikan
- ii. Menyediakan Polisi Pengurusan Risiko Enterprise (ERM) untuk mewujudkan pendekatan berdasarkan prinsip formal, sistematik dan bersepadan bagi mengenal pasti, mengurus dan memantau risiko dalam FELCRA Berhad
- iii. Menyediakan Kerangka Pengurusan Risiko FELCRA Berhad untuk mewujudkan hala tuju Bahagian Risiko & Tadbir Urus, selain memupuk serta menyepakuk budaya pengurusan risiko di FELCRA Berhad. Selain itu, ia juga bertujuan untuk merangka pencapaian secara berperingkat bagi mencapai visi dan misi bahagian dan FELCRA
- iv. Menyediakan Prosedur Pengurusan Risiko FELCRA Berhad sebagai satu pendekatan berstruktur untuk menyelaraskan strategi, proses, manusia, teknologi dan pengetahuan dengan tujuan menilai dan mengurus risiko yang dihadapi oleh organisasi

- v. Menyediakan Kerangka BCM bagi mewujudkan hala tuju amalan BCM di seluruh FELCRA Berhad
- vi. Menyediakan Polisi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) berkaitan risiko yang dikenal pasti serta ancaman dan kelemahan yang boleh memberikan kesan, seterusnya menjelaskan operasi berterusan FELCRA Berhad
- vii. Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) sebagai satu garis panduan yang jelas dan terperinci dalam memastikan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan kesinambungan perniagaan dilaksanakan secara konsisten, terkawal dan profesional. Selain itu, ia juga memastikan FELCRA Berhad mampu menguruskan sebarang kejadian risiko dan meminimumkan sebarang gangguan atau ancaman ke atas kesinambungan operasi FELCRA Berhad
- viii. Menyediakan Garis Panduan (GP) Pengurusan Krisis sebagai panduan pelaksanaan pengurusan ke atas sesuatu krisis yang berlaku di FELCRA Berhad dengan berkesan dan sistematik seterusnya memastikan impak terhadap kesinambungan perniagaan dan kos kerosakan operasi perniagaan akibat daripada sesuatu krisis yang berlaku adalah pada tahap yang minimum
- ix. Menyediakan garis panduan, arahan dan khidmat nasihat berkaitan Covid-19 kepada seluruh staf di FELCRA Berhad
- x. Mengadakan program kesedaran risiko menerusi:
  - Taklimat pengurusan risiko semasa Kursus Induksi Umum kepada staf FELCRA Berhad
  - Penyediaan Siri Buletin Risiko & Tadbir Urus
  - Penyediaan Artikel Risiko
  - Penerangan kepada anak-anak syarikat FELCRA Berhad dan peringkat wilayah

# **POLISI SUMBER MANUSIA**

---

## POLISI SUMBER MANUSIA

### **Human Resource (HR) Digital Web Based – Penambahbaikan Kualiti Sistem Penyampaian Perkhidmatan**

Selaras dengan agenda syarikat ke arah Transformasi 2.0, Kumpulan Khidmat Pengurusan telah mengambil inisiatif untuk menambah baik sistem perkhidmatan dan komunikasi secara berperingkat dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap staf. Antara penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan:

- Kualiti sistem penyampaian perkhidmatan
- Sasaran bagi pembangunan sistem-sistem di bawah *HR-Web Based* bagi Mycuti, Myclaim, Mylapor Diri, Mypinjaman, Myprofile.
- Pembangunan sistem pengurusan aset (*Asset Management System*)



Laman web **e-HR Lapor Diri**

### **Melahirkan Staf yang Kompeten dan Berkemahiran Tinggi**

Pembangunan modal insan penting untuk dilaksanakan demi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti tinggi, berkemahiran dan berpengetahuan. Langkah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi adalah dengan memperluas akses kepada program-program yang berkualiti seperti berikut:

- Memantapkan kemahiran staf melalui program-program mengikut keperluan industri - kerjasama dengan pemain utama industri dan institusi kemahiran
- Sasaran terhadap bilangan kursus atau program kepada staf
- Bajet latihan yang diperuntukkan adalah mencukupi
- Penambahbaikan dasar dan polisi latihan

## **Budaya Kerja Berprestasi Tinggi**

Penambahbaikan polisi mahupun kaedah adalah penting bagi memenuhi keperluan dan kepentingan staf. Oleh yang demikian, kefahaman terhadap keperluan tenaga kerja dapat membantu dalam penggubalan polisi yang sesuai seterusnya menjadi pemangkin dalam melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi, setia dan efisien. Antara penambahbaikan yang bakal digubal adalah seperti berikut :

- Polisi Baharu – *Reward & Punishment*
- Penambahbaikan Sistem KPI sedia ada

## **Kebajikan Staf**

Bagi memantapkan lagi tahap keberkesanan modal insan, Bahagian Operasi Sumber Manusia mencadangkan beberapa pendekatan untuk menjamin kebajikan tenaga kerja di FELCRA Berhad, antaranya:

- Penambahbaikan terma dan syarat perkhidmatan FELCRA.
- Menimbangkan kenaikan pangkat secara khas untuk penyandang bagi staf yang berkhidmat melebihi lima belas (15) tahun pada jawatan/gred yang sama (tertakluk kepada kelulusan pengurusan)
- *Work-life balance* (sukan, aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR), program antara agensi)
- Program naziran ke peringkat kawasan/estet FELCRA Berhad
- Kajian *flexible working arrangement* (FWA) sekiranya relevan untuk dilaksanakan

## **Mendekatkan Jurang Kemahiran Staf Lama dan Baharu**

Jurang-jurang umur yang berbeza dalam sesebuah organisasi akan lebih memahami antara satu sama lain melalui pembelajaran yang sama. Tindakan ini dapat membantu dalam membentuk suasana kerja yang harmoni dalam kalangan tenaga kerja yang mempunyai pelbagai latar belakang antaranya:

- Memastikan setiap staf mendapat peluang penyertaan yang adil lagi saksama dalam mengikuti latihan/kursus yang bersesuaian dengan keperluan dan kompetensi jawatan
- Menggalakkan staf meningkatkan kepakaran melalui pembelajaran berterusan dengan memberikan peluang latihan jangka sederhana dan jangka panjang untuk pembangunan kerjaya

## **Mewujudkan Suasana Kerja yang Kondusif**

Dalam memastikan kelancaran proses kerja, FELCRA Berhad menyediakan suasana dan ruang kerja yang kondusif seperti mana cadangan berikut:

- Ruang dan kemudahan fasiliti yang lengkap dan bersesuaian
- Mewujudkan sistem pengurusan aset yang sistematik

## **Pelan Penggantian/*Succession Planning/Talent Pool***

Perancangan untuk penggantian bukan semata-mata untuk mengisi jawatan kritikal, bahkan ia boleh disifatkan sebagai satu kaedah strategik untuk meletakkan seseorang pada tempatnya atau "*the right person for the right job*". Oleh yang demikian, Syarikat perlu menyediakan program-program yang mampu mencungkil kebolehan "*subject matter expert*" bagi setiap organisasi sepertimana berikut:

- Pembangunan kepimpinan masa hadapan – mengenal pasti dan melatih pemimpin yang berbakat
- *Talent Pool*
- Pelaksanaan *succession planning* akan memberikan fokus kepada kumpulan bisnes teras syarikat

## **Perancangan Sumber Manusia yang Progresif dan Dinamik**

Perancangan sumber manusia merupakan proses mengkaji keperluan tenaga kerja dalam sesebuah syarikat bagi menentukan strategi seterusnya untuk memenuhi keperluan dalam organisasi. Semakan dan penambahbaikan Skim Perkhidmatan FELCRA Berhad, antaranya:

- *Manpower planning*
- Memastikan pengambilan dan pelantikan adalah bersesuaian serta selari dengan visi dan matlamat syarikat
- Memastikan program kenaikan pangkat (pengurusan kerjaya staf) adalah selaras dengan keperluan syarikat
- Penambahbaikan polisi pengambilan
- Penambahbaikan polisi kenaikan pangkat
- Penambahbaikan polisi pertukaran

## **Kesaksamaan Jantina dalam Amalan Pekerjaan**

### **Statistik Jantina dalam FELCRA**

<b>Kumpulan perkhidmatan</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>jumlah</b>	<b>%</b>
PENGURUSAN TERTINGGI	9	-	9	59.45
PENGURUSAN	340	238	578	40.55
<b>JUMLAH</b>	<b>349</b>	<b>238</b>	<b>587</b>	<b>100.00</b>

# **TERAS PERNIAGAAN**

---

# TERAS PERNIAGAAN

## 1. PERLADANGAN




Rajah 2

### Prestasi Operasi

Selaras dengan aspirasi kerajaan membangunkan kawasan luar bandar, FELCRA Berhad terus bergerak ke hadapan dengan kejayaan membangunkan 202,251 hektar ladang Penyatuan dan Pemulihan Tanah (P&P) yang akan dinikmati pembangunannya oleh 108,122 orang peserta di seluruh Malaysia.

Prestasi harga komoditi sawit dan getah merupakan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian syarikat tahun ini. Sehingga Disember 2022, purata harga komoditi sawit 2022 adalah RM5,130 iaitu naik sebanyak RM709 atau 16% berbanding tahun 2021 yang mencatat RM4,421 per metrik. Selain itu, faktor kedua yang mempengaruhi prestasi projek-projek Penyatuan dan Pemulihan Tanah (P&P) ini adalah purata pendapatan ladang per hektar. Sehingga April 2022, jumlah purata pendapatan ladang per hektar adalah hampir RM4,900 iaitu kenaikan sebanyak 56.9% berbanding RM3,100 per hektar yang dicapai pada tahun 2021.




Carta 1



Carta 2


Bagi projek-projek di bawah Program Penyatuan & Pemulihan Tanah (P&P), pencapaian prestasi hasil pada tahun 2021 telah mencecah sebanyak 13.32 metrik tan per hektar berbanding pencapaian tahun 2020 sebanyak 14.65 metrik tan per hektar. Prestasi hasil 2021 dan 2020 ini, mencatatkan

penurunan sebanyak 1.33 metrik tan per hektar atau 9.98%. Walau bagaimanapun pada tahun 2022, prestasi hasil telah mencapai 15.12 metrik tan per hektar iaitu terdapat peningkatan sebanyak 1.80 metrik tan per hektar atau 11.90% berbanding dengan tahun sebelumnya.




Carta 3

Bagi pencapaian estet, prestasi hasil pada tahun 2021 telah mencecah sebanyak 13.41 metrik tan per hektar berbanding pencapaian tahun 2020 sebanyak 14.64 metrik tan per hektar. Prestasi hasil 2021 dan 2020 ini mencatatkan penurunan sebanyak 1.23 metrik tan per hektar atau 9.17%. Walau bagaimanapun pada tahun 2022, prestasi hasil telah mencecah 13.84 metrik tan per hektar iaitu terdapat peningkatan sebanyak 0.43 metrik tan per hektar atau 3.11% berbanding dengan tahun sebelumnya.




Carta 4

Pencapaian prestasi hasil getah pada tahun 2021 telah mencapai sebanyak 734 kilogram per hektar berbanding pencapaian tahun 2020 sebanyak 994 kilogram per hektar. Prestasi hasil 2021 dan 2020 mencatatkan penurunan sebanyak 260 kilogram per hektar atau 35.42%. Manakala pada tahun 2022, prestasi hasil telah mencapai 583 kilogram per hektar iaitu penurunan sebanyak 151 kilogram per hektar atau 25.90% berbanding dengan tahun sebelumnya.



Carta 5

Pencapaian prestasi hasil padi pada tahun 2021 telah mencecah sebanyak 8.15 metrik tan per hektar berbanding pencapaian tahun 2020 sebanyak 9.43 metrik tan per hektar. Prestasi hasil 2021 dan 2020 mencatatkan penurunan sebanyak 1.28 metrik tan per hektar atau 15.71%. Walau bagaimanapun pada tahun 2022, prestasi hasil telah mencecah 9.77 metrik tan per hektar iaitu terdapat peningkatan sebanyak 1.62 metrik tan per hektar atau 16.58% berbanding dengan tahun sebelumnya.



Carta 6

## Penggunaan teknologi digital, tingkat produktiviti sektor perladangan

FELCRA Berhad mengambil langkah ke hadapan dengan mengaplikasikan teknologi dan digitalisasi dalam perladangan bertujuan meningkatkan produktiviti dan kecekapan produktiviti ladang syarikat. Sistem kecekapan pengurusan operasi ladang FELCRA telah menggunakan pelbagai jenis perkhidmatan ICT seperti aplikasi ERP (*Enterprise Resource Planning*) dan aplikasi perladangan LPD (*Lintramax Mill Director*). Kajian juga telah dijalankan untuk memajukan dan memodenkan aktiviti dalam perladangan melalui Inisiatif *smart plantation* dan *precision farming* yang akan menggunakan *Internet of Thing* (IoT) seperti drone, sensor, geo fencing, satellite, artificial intelligence (AI), robotics (mekanisasi, software defined data centre) dan mobile architecture.



Ladang-ladang FELCRA Berhad telah mengadaptasi elemen IR4.0 yang dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi melalui penganalisan, penstrukturkan data serta aplikasi pendigitalan yang lebih moden dan berteknologi tinggi. Bagi tahun operasi 2022, FELCRA Berhad telah memperoleh peruntukan berjumlah RM7.7 juta di dalam *Rolling Plan 2022* bagi pertanian digital. Peruntukan ini akan diselaraskan bagi penggunaan drone, *digital mapping*, *IOT UGV* dan *dashboards*.

## Melihat ke hadapan

Peningkatan jumlah populasi dunia telah mempengaruhi permintaan terhadap pengeluaran dan penggunaan industri makanan dunia. Industri minyak sawit dunia didominasi oleh dua negara utama iaitu Malaysia dan Indonesia, yang mana kedua-dua buah negara ini merupakan negara pengeksport minyak sawit utama di dunia.

Dalam Pelan Transformasi FELCRA Berhad, pengkomersialan bisnes baharu telah dijalankan dengan melaksanakan pembangunan industri beras dan padi dengan mengeluarkan produk Beras Super Spesial Tempatan yang dikeluarkan oleh Estet Padi Felcra Seberang Perak di kawasan seluas 3,766 hektar.

FELCRA Berhad mensasarkan untuk muncul sebagai salah sebuah konglomerat yang berjiwa rakyat di mana tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata, sebaliknya mengimbangi antara kepentingan komersial dengan tanggungjawab sosial.

## 2. PERKILANGAN

Secara keseluruhannya, FELCRA Berhad sehingga kini mempunyai sembilan (9) buah kilang pemprosesan sawit yang beroperasi di seluruh Malaysia iaitu lima (5) buah kilang beroperasi secara milikan penuh seperti mana berikut:

- i. Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak, Perak
- ii. Kilang Sawit FELCRA Berhad Nasaruddin, Perak
- iii. Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran, Pahang
- iv. Kilang Sawit FELCRA Berhad Bukit Kepon, Johor
- v. Kilang Sawit FELCRA Berhad Sungai Melikai, Johor.

Kilang-kilang ini diletakkan di bawah pengurusan Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran.

Selain itu, FELCRA Berhad turut menjalankan kerjasama strategik dengan pihak swasta dalam bidang perniagaan menerusi usahasama operasi kilang di tiga (3) buah lokasi iaitu Kilang Sawit FELCRA Berhad Jaya Putra, Pahang, Kilang Sawit FELCRA Berhad Samarahan, Sarawak dan Kilang Sawit Sri Aman, Sarawak.

Bukan itu sahaja, subsidiari milik penuh FELCRA Berhad iaitu FELCRA Processing & Engineering Sdn. Bhd (FPESB) yang menjalankan aktiviti kejuruteraan, perkilangan dan OEM turut memiliki sebuah kilang pemprosesan sawit iaitu kilang Sawit FELCRA Processing di Teluk Intan, Perak.

Keseluruhan kilang-kilang sawit tersebut mampu memproses sebanyak 1,350,000 metrik tan buah tandan segar (BTS) setahun. Sumber bekalan BTS tersebut diperolehi daripada estet kelapa sawit milik FELCRA Berhad serta hasil jualan daripada ladang-ladang yang berhampiran.

### Aplikasi Inisiatif Hijau

Aktiviti perkilangan tidak terhad kepada pemprosesan sawit sahaja, sebaliknya ia turut melaksanakan aktiviti *green initiative* yang menjurus ke arah melestarikan alam





sekitar melalui aktiviti *pallet fibre*, *zero discharge*, *solid removal oil recovery system* (SRORS), biogas dan *PFOE (Palm Fibre Oil Extraction)*.

*Pallet Fibre* dihasilkan daripada tandan kosong lalu digunakan sebagai bahan bakar yang mesra alam sekitar, selain menjadi tanaman cendawan yang akan dieksport ke negara China. Penghasilan pellet ini dapat membantu menyelesaikan masalah tandan kosong yang dihasilkan oleh kilang sawit. Setiap tandan kosong yang dihasilkan selepas peroses pengambilan minyak sawit mentah akan diperoses menjadi pallet yang kemudian boleh digunakan sebagai bahan bakar mesra alam dan boleh diperbaharu. Projek ini dibuat dengan kerjasama pihak ketiga. Kilang pallet fiber ini terletak di kilang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak, Nasaruddin dan Maran.



Projek *Zero Discharge* pula merujuk kaedah pemprosesan pengolahan *Palm Oil Mill Effluent* (POME) yang biasanya dirawat sebelum air dilepaskan ke sungai. Melalui projek ini POME akan diolah untuk menghasilkan produk sampingan terdiri daripada serbuk potassium, cecair metanol dan cecair etanol serta wap air. Produk sampingan ini boleh menjana pendapatan kepada FELCRA Berhad. Projek ini dijalankan secara usahasama dengan pihak ketiga. Projek ini menggunakan teknologi dan kepakaran tempatan serta dijangka akan menyelesaikan masalah pencemaran air daripada kilang sawit. Projek ini dalam proses pembangunan dan dijangka bermula bulan Sept 2023.

Seterusnya, *Solid removal oil recovery system* (SRORS) merupakan teknik pemprosesan yang minyak keladak dapat dikumpul (ditapis '*purify*'), seterusnya dapat dijual untuk memberi nilai tambah kepada kilang sawit FELCRA Berhad. Projek ini juga dapat membantu pelepasan *effluent* yang lebih baik daripada kilang sawit. Projek SRORS ini sedang berjalan di kilang sawit FELCRA Berhad Bukit Kepong dan kilang sawit FELCRA Berhad Sungai Melikai yang masih dalam pembinaan.

Projek biogas adalah projek penjanaan tenaga elektrik daripada sisa buangan industri sawit. Biogass dihasilkan daripada tandan kosong dan *effluent* kilang sawit yang mereput dengan bantuan mikroorganisma lalu menghasilalkan gas butana. Gas-gas ini dikumpul dan dibakar melalui turbin untuk menjana kuasa elektrik. Kemudian, bekalan elektrik dijual kepada pihak TNB melalui grid nasional. Projek ini dijalankan bersama pihak ketiga dan seterusnya memberikan pulangan yang baik kepada kedua-dua pihak. Walaupun projek ini rumit, namun ia tetap diteruskan demi kebaikan syarikat, negara dan alam sekitar. Projek ini dijangka diteruskan pada suku ketiga tahun 2023 di kilang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak dan kilang sawit FELCRA Berhad Nasaruddin.

Loji Pengekstrakan Minyak Sawit *PFOE* (*Plam Fibre Oil Extraction*) merupakan sebuah loji yang direka bentuk dan dilengkapi untuk mengekstrak sisa minyak daripada gentian ditekan sawit melalui pelarut. Pelarut gred makanan yang dikenali sebagai 'hexane' digunakan untuk mengekstrak baki 5% – 6% sisa minyak sawit mentah (MSM) yang terdapat dalam gentian ditekan sawit, dengan itu meningkatkan kadar pengekstrakan minyak (OER) sebanyak 0.5%.

### Perbandingan Prestasi 2022 Vs 2021

PERKARA	TAHUN	BKT. KEPONG	NASARUDDIN	MARAN	SEB. PERAK	SG. MELIKAI	KUMPULAN
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
PEROLEHAN	2022	47,219,114.95	33,283,462.10	9,719,527.17	32,426,520.48	75,513,826.66	1,308,162,451.36
	2021	43,574,011.24	76,664,494.91	1,221,127.51	62,791,024.83	42,127,340.43	1,176,377,998.92
KOS OPERASI	2022	39,607,163.02	26,995,335.53	08,247,312.69	20,144,559.00	269,944,114.06	1,264,938,484.30
	2021	33,463,224.16	72,499,684.48	44,733,298.57	50,963,966.26	237,306,948.13	1,138,967,121.60
JUALAN CPO	2022	210,304,983.40	99,683,033.83	66,343,469.88	187,658,102.80	233,825,015.55	1,097,814,605.46
	2021	04,252,967.02	50,557,437.58	09,944,124.99	219,971,500.80	04,269,853.19	988,995,883.58

Jadual 1: Perbandingan prestasi tahun 2022 dengan tahun 2021.

### Prestasi Operasi

Bagi tahun 2022, kelima-lima kilang pemprosesan sawit milik penuh FELCRA Berhad telah mencatatkan perolehan sebanyak RM1.31 bilion berbanding RM1.18 bilion bagi tahun 2021. Peningkatan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:-

- i) Peningkatan harga purata MPOB CPO bagi tahun 2022 kepada RM5,897 metrik tan per hektar berbanding RM4,466 pada tahun 2021.
- ii) Peningkatan harga purata MPOB PK bagi tahun 2022 kepada RM3,093 metrik tan per hektar berbanding RM2,865 pada tahun 2021.

Manakala bagi kos operasi pula, bagi tahun 2022 telah mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM1.26 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM125.97 juta berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipengaruhi oleh kenaikan harga purata belian BTS kepada RM1,017 metrik tan per hektar berbanding RM903 metrik tan per hektar pada tahun 2021 selaras dengan kenaikan harga CPO dan PK di pasaran.

Jualan Crude Palm Oil (CPO) bagi tahun 2022 adalah lebih tinggi iaitu peningkatan sebanyak RM108.82 juta atau 11% berbanding tahun sebelumnya.

# LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM OBLIGASI SOSIAL

---

## LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM OBLIGASI SOSIAL



Tanggungjawab sosial korporat FELCRA Berhad dilaksanakan dengan dua (2) fokus utama:

1. Memberikan penekanan terhadap pembangunan fizikal iaitu infrastruktur dan kemudahan asas
2. Memfokuskan pembangunan modal insan dari sudut kepimpinan dan peningkatan kemahiran yang mana kedua-dua fokus ini akan menyumbang impak kepada peningkatan taraf kehidupan masyarakat luar bandar

Walaupun FELCRA Berhad telah dikorporatkan melebihi 26 tahun, namun obligasi sosial kekal menjadi '*Raison D'Etre*' kewujudan FELCRA Berhad iaitu menyeimbangi aktiviti berasaskan keuntungan dengan tanggungjawab terhadap masyarakat seperti yang termaktub dalam Perjanjian Pengkorporatan FELCRA Berhad dengan kerajaan Malaysia pada 18 April 2003. Artikel 5, para 5.1 yang menyatakan, "*The Company shall continue to provide social obligation as the Authority used to provide the Participants before Vesting Date...*"

Berdasarkan perjanjian berkenaan, FELCRA Berhad bertanggungjawab melaksanakan program obligasi sosial dengan mengamalkan pendekatan secara sinergi dan berimbang dengan program komersial syarikat yang berasaskan keuntungan. Sehingga tahun operasi 31 Disember 2022, jumlah peserta FELCRA Berhad adalah seramai **106,835** orang. Perincian bilangan peserta mengikut negeri adalah seperti berikut:

### **Luas Ladang P&P, Luas Pegangan Peserta dan Bilangan Peserta**

**Luas Ladang (P&P)**  
**202,251.039 Hektar**

**Luas Pegangan Peserta**  
**141,164.68 Hektar**


**Bilangan Peserta**  
**106,835 Orang**

#### **Wilayah Utara**

(Perlis, Kedah & P. Pinang)

11,359.693 Hektar

3,716 Orang Peserta



#### **Wilayah Timur**

(Kelantan & Terengganu)

24,802.258 Hektar

8,556 Orang Peserta

#### **Wilayah Pahang**

51,031.327 Hektar

24,733 Orang Peserta

#### **Wilayah Johor**

25,698.931 Hektar

11,340 Orang Peserta

#### **Wilayah Tengah**

(Selangor, N.Sembilan & Melaka)


18,550.527 Hektar

24,536 Orang Peserta

#### **Wilayah Sabah**

7,089.119 Hektar

2,366 Orang Peserta



#### **Wilayah Sarawak**

31,475.971 Hektar

12,299 Orang Peserta

Rajah 3: Luas Ladang P&P, Luas Pegangan Peserta dan Bilangan Peserta.

## **SKOP DAN OBJEKTIF PELAKSANAAN PROGRAM OBLIGASI SOSIAL**

Skop dan program obligasi sosial yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad adalah selaras dengan tuntutan falsafah pembangunan luar bandar kini yang merangkumi pengurusan khidmat peserta, pembangunan desa, pembangunan ekonomi, pembangunan institusi serta pengurusan ukur dan tanah. Perkhidmatan bagi melaksanakan obligasi sosial disediakan oleh FELCRA Berhad demi memenuhi keperluan, faedah dan kebajikan kumpulan sasar dalam usaha meningkatkan kualiti hidup yang lebih sempurna selaras dengan hasrat wawasan negara.

Pada tahun 2022, FELCRA Berhad sebagaimana tahun-tahun operasi sebelumnya telah memperuntukkan RM4.3 juta bagi pelaksanaan aktiviti obligasi sosial seperti yang termaktub dalam Perjanjian Pengkorporatan FELCRA. Selain menggunakan peruntukan tahunan secara tetap, terdapat juga peruntukan sumber kerajaan iaitu peruntukan pembangunan RMKe-12 sebanyak RM25.8 juta dan Wang Amanah sebanyak RM2.905 juta. FELCRA juga telah melaksanakan tanggungjawab kepada PPRT sebanyak RM11.8 juta. Daripada jumlah peruntukan obligasi sosial, Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi telah melaksanakan tujuh (7) skop, 16 program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2022.

Penekanan terhadap aktiviti membangunkan insan adalah untuk melahirkan masyarakat peserta yang bersyukur, berilmu, sejahtera, berwawasan dan bertanggungjawab dalam pembangunan masyarakat. Berasaskan Program Penyatuan & Pemulihan Tanah (P&P) secara komersial, FELCRA Berhad akan menyumbangkan nilai pembangunan ekonomi dan sosial kepada penduduk luar bandar dalam bentuk pulangan keuntungan yang berterusan atas penyertaan mereka sebagai peserta FELCRA.

Keuntungan daripada projek ladang ini diagihkan mengikut tahunan secara interim sebanyak tiga (3) kali setahun berdasarkan keuntungan semasa projek ladang. Bagi tahun 2022, agihan keuntungan sehingga 31 Disember 2022 adalah RM491,484,007.31.

**Prestasi Agihan Keuntungan Boleh Agih Bagi  
Program Penyatuan dan Pemulihan (P&P) FELCRA Berhad 2022**

Tahun	Jumlah Agihan (RM: Juta)	5% atau RM22,958.389.65
2022	501,556,634.92	 
2021	478,598,245.24	

Jadual 2: Prestasi agihan keuntungan boleh agih bagi Program Penyatuan dan Pemulihan (P&P) Felcra berhad bagi tahun 2022.

## SUMBER PEMBIAYAAN PROGRAM PENGURUSAN OBLIGASI SOSIAL FELCRA BERHAD

### Peruntukan Obligasi Sosial FELCRA Berhad

Seperti yang telah termaktub dalam perjanjian pengkorporatan, FELCRA akan memperuntukkan sebanyak RM4.3 juta secara tahunan untuk melaksanakan enam belas (16) program obligasi sosial utama mengikut enam (6) skop seperti jadual di bawah:

SKOP	BAHAGIAN	PERKARA	PERUNTUKAN 2022 (RM)
1	<b>Pengurusan &amp; Perhubungan Peserta</b>	Pembangunan Ameniti Sosial	660,000.00
		Khidmat Peserta	800,000.00
		Pembangunan JKKP	350,000.00
2	<b>Pengurusan Keusahawanan</b>	Pembangunan Industri Desa	190,000.00
		Program Ternakan dan Tanaman	100,000.00
		Pemasaran Produk	200,000.00
		Pembangunan Usahawan	550,000.00
		Program Pelancongan Desa/ Homestay	150,000.00
3	<b>Pengurusan Pembangunan Institusi</b>	Koperasi	200,000.00
		Pembangunan Wanita	300,000.00
		Latihan Kemahiran	160,000.00
		Pembangunan Rohani	100,000.00
		Pembangunan Remaja/ Belia	250,000.00
4	<b>Pengurusan Informasi Peserta &amp; Data</b>	Pembangunan Informasi Peserta	100,000.00
5	<b>Pengurusan Tanah &amp; Ukur</b>	Pemilihan dan Penempatan Peserta	100,000.00
6	<b>Pengurusan Sumber Sosio Ekonomi Peserta</b>	Pembangunan Sumber Sosioekonomi Peserta	90,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>4,300,000.00</b>	

Jadual 3: Enam belas (16) program obligasi sosial utama mengikut enam (6) skop.

Pembangunan Ameniti Sosial RM660,000.00		Pelancongan Desa ( <i>Homestay</i> ) RM150,000.00		Khidmat Peserta RM800,000.00		Pembangunan Wanita RM300,000.00	
Pemasaran Produk RM200,000.00		Ternakan & Tanaman RM100,000.00		Pembangunan JKKP RM350,000.00		Pembangunan Rohani RM100,000.00	
Industri Desa RM190,000.00		Pembangunan Usahawan RM550,000.00		Pembangunan Tanah & Ukur RM100,000.00		Pembangunan Sosio Ekonomi RM90,000.00	
Koperasi RM200,000.00		Pembangunan Informasi Peserta RM100,000.00		Latihan Kemahiran RM160,000.00		Pembangunan Remaja/Belia RM250,000.00	

Rajah 4: Peruntukan obligasi sosial FELCRA Berhad.

## **Peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Rolling Plan Kedua (2)**

Jumlah peruntukan daripada RMKe-12 yang telah diterima pada tahun 2022 adalah sebanyak RM **25,846,000** bagi 16 projek seperti di bawah.

### **Peruntukan Wang Amanah**

Selain geran daripada peruntukan Pembangunan RMKe-12, FELCRA juga menerima peruntukan Wang Amanah yang disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebagai pelaksana dan pembayar.



Jadual 4: Peruntukan Wang Amanah mengikut program.

## **PENGURUSAN AKTIVITI OBLIGASI SOSIAL FELCRA**

### **Pengurusan dan Perhubungan Peserta**

Di bawah skop Pengurusan dan Perhubungan Peserta, terdapat tiga (3) program utama yang dilaksanakan:

#### **i. Pembangunan Ameniti Sosial**

Objektif dan matlamat program pelengkapkan kampung ini adalah bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang berkualiti di kawasan luar bandar ke arah mewujudkan persekitaran yang memberikan kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih sempurna. Skop program ini melibatkan dua (2) perkara utama:

##### a) Pelengkapkan Kampung – Ameniti Sosial

Melalui program pembangunan ameniti sosial ini, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan sedia ada dalam memastikan kemudahan ini sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Di samping itu, pengindahan dan keceriaan kampung juga adalah salah satu aktiviti pembangunan ameniti sosial yang memberikan impak kepada masyarakat setempat dari segi keselesaan dan kesejahteraan.

Sehingga Disember 2022, sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan ameniti sosial ini. Dalam RMKe-12 bagi *Rolling Plan* kedua (2) Tahun 2022, sebanyak enam puluh sembilan (69) projek di lapan (8) Wilayah telah disalurkan dengan peruntukan berjumlah RM 7,440,000.00. Rujuk jadual berikut:

BIL.	NEGERI	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Johor	10	1,500,000.00
2.	Kedah	6	700,000.00
3.	Kelantan	3	190,000.00
4.	Melaka	6	455,000.00
5.	Negeri Sembilan	5	545,000.00
6.	Pahang	11	1,000,000.00
7.	Perak	6	1,000,000.00
8.	Perlis	1	300,000.00
9.	Sabah	7	440,000.00
10.	Sarawak	10	1,000,000.00
11.	Terengganu	4	310,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>69</b>	<b>7,440,000.00</b>

Jadual 5: Pelaksanaan Program Ameniti Sosial.



Projek Bina Baharu Taman Permainan  
Batu 3 1/2, Paloh.



b) Baik pulih Rumah dan Peralatan Peserta B40

Program Baik Pulih Rumah dan Peralatan Peserta mendapat kelulusan berjumlah RM 3 juta dalam peruntukan kerajaan (RP2) tahun 2022, RMKe-12. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan nilai kebajikan dan kehidupan peserta FELCRA Berhad. Kaedah pelaksanaan program ialah membaik pulih kediaman dan menyumbangkan peralatan kepada peserta B40 akibat bencana seperti banjir, kebakaran dan ribut di kawasan petempatan atau perkampungan FELCRA Berhad.

Pada tahun 2022, Yayasan FELCRA merupakan pengurus kendali Program Baik Pulih Rumah dan Peralatan Peserta B40. Sehingga Disember 2022, peruntukan RM3 juta tersebut telah dibelanjakan bagi membaik pulih kediaman peserta serta sumbangan peralatan kepada peserta B40 di kawasan petempatan atau perkampungan pelbagai negeri.



## ii. Khidmat Peserta

Program berkaitan khidmat peserta telah dibangunkan bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan untuk mengekalkan keharmonian dalam kalangan Peserta FELCRA. Sejumlah RM600,000 telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti penganjuran Majlis Agihan Keuntungan Boleh Agih, Program Maulidur Rasul, Majlis Sambutan Hari Raya, Program Tautan kasih Ramadhan dan sebagainya.

Selain itu, FELCRA Berhad turut melaksanakan aktiviti meningkatkan kesejahteraan rakyat kepada golongan berpendapatan rendah melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin atau PPRT. Melalui program ini, sebanyak 38 buah projek (ladang) yang diurus tadbir oleh FELCRA Berhad telah diperuntukkan faedahnya kepada peserta projek PPRT dengan kerjasama Kerajaan Negeri selaku pemilik tanah yang dimajukan oleh FELCRA Berhad. Keuntungan projek berkenaan diagihkan kepada peserta PPRT.

Dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri, sebanyak 38 buah projek FELCRA Berhad dengan keluasan 13,450 hektar telah diperuntukkan untuk faedah golongan PPRT. Bagi tempoh operasi sehingga Disember 2022, sebanyak **RM11,798,250** telah diagihkan kepada peserta-peserta PPRT. Di samping itu, sehingga Disember 2022, seramai 3,386 orang warga PPRT telah terpilih untuk menyertai program pembangunan oleh FELCRA Berhad. Jumlah keuntungan yang telah diagih dalam tempoh yang sama adalah sebanyak **RM607,546,930.41**. Berikut merupakan Jadual Keuntungan Boleh Agih PPRT Tahun 2022.:

NEGERI	BIL. LADANG	KELUASAN LADANG (HEKTAR)	BIL. PPRT (ORANG)	KEUNTUNGAN BOLEH AGIH (RM)
Johor	8	1,567	944	3,412,250.00
Perak	14	9,843	2,047	7,492,200.00
Timur	16	2,040	395	893,800.00
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>	<b>13,450</b>	<b>3,386</b>	<b>11,798,250.00</b>

Jadual 6: Keuntungan Boleh Agih PPRT mengikut negeri.

## iii. Pembangunan Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP)

Jawatankuasa ini merupakan badan penghubung antara pengurusan FELCRA Berhad dengan peserta yang diiktiraf dalam FELCRA Berhad. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini FELCRA Berhad secara telus kepada semua warga peserta. Tanggungjawab utama jawatankuasa ini ialah melaksanakan aktiviti berkaitan hal ehwal kemasyarakatan dan pelaksanaan program ekonomi.

Keahlianjawatankuasa ini terbuka kepada semua peserta yang hadir dalam mesyuarat agung. Mesyuarat agung akan bersidang setiap dua (2) tahun sekali manakala mesyuarat bulanan bagi AJKKP akan berlangsung duan (2) bulan sekali. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengurus Kawasan (staf FELCRA) manakala Setiausaha dilantik dalam kalangan *Social Engager* (SE). Sehingga tahun operasi Disember 2022, sebanyak 466 JKPP telah ditubuhkan. Bagi projek-projek yang bersaiz kecil, keanggotaan JKPP yang ada digabungkan bagi memudahkan pengurusan. Status kedudukan JKPP sebagaimana di bawah:

NEGERI	BIL. PROJEK	BIL. PESERTA (ORANG)	JUMLAH JKPP
Perlis	2	459	2
Kedah	48	1,798	16
Pulau Pinang	9	778	2
Perak	136	13,855	82
Selangor	20	2,124	8
Negeri Sembilan	126	11,654	44
Melaka	46	4,806	12
Johor	117	8,498	56
Pahang	204	20,202	95
Terengganu	82	5,324	53
Kelantan	23	1,549	9
Sabah	31	1,745	31
Sarawak	93	8,890	56
<b>JUMLAH</b>	<b>937</b>	<b>81,682</b>	<b>466</b>

Jadual 7: Status JKPP sehingga disember 2022.

Sehingga tahun operasi 2022, JKPP telah diberikan pendedahan dan kemahiran Pengurusan Tabung JKPP melalui kursus-kursus yang telah dilaksanakan di lima (5) wilayah iaitu Tengah, Sabah, Pahang, Johor dan Utara yang melibatkan penyertaan peserta dalam kalangan Bendahari Tabung, *Social Engager* (SE) kawasan dan wilayah.

Kursus Tabung JKPP dikendalikan oleh konsultan yang telah dilantik bertujuan memberikan pendedahan kepada para peserta berkaitan pengurusan tabung mengikut Manual Pengurusan Tabung Kebajikan Peserta serta kaedah pengendalian dokumentasi yang lebih berstruktur.


## Pengurusan Keusahawanan

Skop pembangunan usahawan dalam kalangan warga peserta ialah melahirkan usahawan dan memperkasakan usahawan sedia ada serta menambah bilangan usahawan cemerlang bagi meningkatkan pendapatan tambahan kepada Peserta. Antara tujuan pembangunan usawahan ini:

- Membentuk minda komuniti keusahawanan ke arah membudayakan digitalisasi dan perniagaan
- Menyediakan perkhidmatan dan pembangunan produk usahawan serta mengenalpasti peserta yang berpotensi menjadi usahawan
- Menyediakan peluang peningkatan kemahiran teknousahawan dalam bidang keusahawanan

Sehingga kini seramai 1,183 orang usahawan telah berdaftar dengan FELCRA Berhad sepermulaan di bawah:

### Bilangan Usahawan Mengikut Negeri



Rajah 5: Bilangan usahawan mengikut negeri.

Terdapat lima (5) program yang dilaksanakan di bawah Pengurusan Keusahawanan:

### i. Pembangunan Industri Desa

Program ini memberi bantuan sokongan bernilai RM5,000 kepada usahawan bimbingan FELCRA Berhad untuk membaik pulih premis dan pembekalan mesin atau peralatan. Nilai geran yang diperuntukkan untuk program ini ialah sebanyak RM160,000 kepada 32 orang usahawan. Perinciannya mengikut wilayah adalah seperti di bawah:

BIL.	WILAYAH	PERUNTUKAN (RM)	BIL. USAHAWAN (ORANG)
<b>BAIK PULIH PREMIS PERNIAGAAN</b>			
1.	Utara	10,000.00	2
2.	Perak	10,000.00	2
3.	Tengah	10,000.00	2
4.	Pahang	10,000.00	2
5.	Timur	5,000.00	1
6.	Sabah	10,000.00	2
7.	Sarawak	10,000.00	2
<b>JUMLAH</b>		<b>65,000.00</b>	<b>13</b>
<b>PEMBEKALAN MESIN / PERALATAN</b>			
1.	Utara	10,000.00	2
2.	Perak	10,000.00	2
3.	Tengah	10,000.00	2
4.	Johor	20,000.00	4
5.	Pahang	10,000.00	2
6.	Timur	15,000.00	3
7.	Sabah	10,000.00	2
8.	Sarawak	10,000.00	2
<b>JUMLAH</b>		<b>95,000.00</b>	<b>19</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>160,000.00</b>	<b>13</b>

Jadual 8: Perincian peruntukan pembangunan industri desa mengikut wilayah.

## ii. Program Pelengkapan Kampung – Premis Perniagaan

Sumber peruntukan bagi program ini adalah daripada geran Wang Pembangunan Kerajaan. Program ini membantu usahawan dengan menyediakan premis perniagaan yang kondusif dan mampu meningkatkan pendapatan usahawan.

Skop program adalah seperti berikut:

- [ Menaik taraf, membaik pulih dan membina premis perniagaan ke arah ruang perniagaan yang lebih kondusif agar dapat meningkatkan produktiviti dan jualan serta keuntungan perniagaan.
- [ Menyasarkan premis perniagaan yang mengikut spesifikasi pensijilan-pensijilan yang diiktiraf agar produk-produk usahawan dapat dipasarkan dalam pasaran di dalam dan luar negara.
- [ Membekalkan mesin dan peralatan mengikut bidang perniagaan yang dilaksanakan untuk membantu melancarkan proses pengeluaran produk. Program ini bertujuan untuk membantu usahawan dalam melancarkan proses produktiviti mereka dengan menyediakan premis yang selesa serta mesin dan peralatan yang mencukupi dan lagi berteknologi tinggi; membantu usahawan untuk mendapatkan pensijilan-pensijilan yang diiktiraf agar produk mereka diyakini pengguna dan berdaya saing di pasaran; serta membantu meningkatkan pendapatan usahawan bimbingan FELCRA Berhad, memajukan perniagaan seterusnya meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat.

Menaik taraf  
Premis perniagaan  
usahawan FELCRA  
Berhad kawasan  
Telupid, Sabah.



Program-program ini akan memberikan impak terhadap usahawan melalui:

-  Usahawan dapat memohon pensijilan-pensijilan yang diiktiraf agar produk-produk usahawan bimbingan FELCRA Berhad dapat menembusi dan dipasarkan di pasar raya dalam dan luar negara.
-  Produktiviti perniagaan usahawan dapat ditingkatkan melalui pembekalan mesin dan peralatan.
-  Perniagaan usahawan dapat berkembang lebih maju, seterusnya meningkatkan jualan dan pendapatan dengan adanya pensijilan halal dan MeSTI.
-  Perniagaan yang semakin maju membolehkan usahawan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.

Pada tahun 2022, seramai 70 orang usahawan bimbingan FELCRA Berhad menerima bantuan premis perniagaan dengan jumlah peruntukan geran bernilai RM2,000,000. Perincian pecahan peruntukan dan bilangan projek mengikut negeri adalah seperti manajadual di bawah:

BIL.	NEGERI	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK
1.	Perlis	100,000	3
2.	Kedah	200,000	6
3.	Perak	200,000	9
4.	Selangor	60,000	2
5.	N. Sembilan	130,000	3
6.	Melaka	110,000	3
7.	Johor	400,000	10
8.	Kelantan	45,000	2
9.	Terengganu	140,000	5
10.	Pahang	300,000	15
11.	Sabah	200,000	7
12.	Sarawak	115,000	5
<b>JUMLAH</b>		<b>2,000,000</b>	<b>70</b>

Jadual 9: Bilangan usahawan bimbingan FELCRA yang menerima bantuan premis perniagaan tahun 2022.



Gambar tapak sebelum, semasa dan selepas bagi projek binaan premis perniagaan kedai menjual kek dan kuih raya (bakeri) di FB Bukit Sedanan, Melaka.

### iii. Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB)

Sumber peruntukan program ini adalah daripada geran Wang Amanah. Program ini ialah program pemberian geran yang dikendalikan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menerusi agensi-agensi di bawahnya yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat luar bandar melalui program keusahawanan.

Objektif program ini adalah untuk menyediakan geran kepada usahawan bagi membantu menampung kos operasi dan keperluan modal pusingan bagi meneruskan kelangsungan perniagaan terutamanya selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021 yang telah menjaskannya ramai peniaga kecil dan luar bandar khususnya FELCRA Berhad telah menerima peruntukan geran sebanyak RM250,000.00 daripada KKDw pada tahun 2022. Seramai 50 orang usahawan bimbingan FELCRA Berhad telah diluluskan dengan nilai geran RM5,000 setiap orang. Perincian pecahan peruntukan dan bilangan projek mengikut negeri adalah seperti berikut:



BIL.	NEGERI	PERUNTUKAN (RM)	BIL. USAHAWAN (ORANG)
1.	Perlis	5,000	1
2.	Kedah	15,000	3
3.	Perak	30,000	6
4.	N. Sembilan	20,000	4
5.	Melaka	20,000	4
6.	Johor	30,000	6
7.	Pahang	58,075	12
8.	Kelantan	5,000	1
9.	Terengganu	40,000	8
10.	Sabah	11,925	2
11.	Sarawak	15,000	3
<b>JUMLAH</b>		<b>250,000.00</b>	<b>50</b>

Jadual 10: Bilangan penerima peruntukan SPKLB.

#### iv. Penyertaan dalam Ekspo dan Karnival Promosi

- **Program Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) Tahun 2022**

Program Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) ialah sebuah program anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (UD). Program ini menyediakan pelbagai aktiviti menarik dan bermanfaat yang disasarkan kepada masyarakat luar bandar yang terdiri daripada berbilang kaum, agama dan peringkat umur dari segenap lapisan masyarakat. Antara pengisian program yang diadakan ialah program keusahawanan, program pendidikan, aktiviti pameran, aktiviti jualan serta cabutan bertuah.

Selain itu, tujuan utama program ini juga adalah bagi membantu usahawan luar bandar dengan menyediakan platform untuk mempamer, mempromosi dan menjual produk perniagaan mereka secara langsung kepada orang awam yang hadir. Seterusnya, para usahawan luar bandar yang terdiri daripada agensi-agensi di bawah naungan KKDW juga berpeluang untuk bekerjasama dengan pemain-pemain industri dalam program *Business Matching* yang membolehkan usahawan mengembangkan perniagaan mereka dengan memasarkan produk-produk ke pasar raya dan platform dalam talian seperti DesaMall.

Program Mini KUD pada tahun 2022 telah diadakan di beberapa buah lokasi dengan jumlah keseluruhan penyertaan seramai 48 orang. Perincianya adalah seperti berikut jadual di bawah:

BIL	LOKASI	TARIKH	BIL. USAHAWAN (ORANG)
1.	Pontian, Johor	3 – 5 Mac	4
2.	Lipis, Pahang	30 Jun – 3 Julai	12
3.	Limbang, Sarawak	30 September – 2 Oktober	12
4.	Padang Terap, Kedah	27 – 29 Oktober	12
5.	Bera, Pahang	12 – 13 November	8
<b>JUMLAH</b>			<b>48</b>

Jadual 11: Senarai program KUD.

FELCRA Berhad telah dilantik sebagai agensi pelaksana dan pembayar bagi tiga (3) Mini KUD iaitu Mini KUD @ Pontian, Mini KUD @ Padang Terap dan Mini KUD @ Bera.

Bagi Mini KUD @ Pontian, FELCRA Berhad telah dilantik sebagai agensi pelaksana dan pembayar jawatankuasa persiapan tempat dengan nilai sebanyak RM230,000. Manakala bagi Mini KUD @ Padang Terap, FELCRA Berhad telah dilantik dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00 dan peruntukan tambahan bernilai RM200,000.00. Untuk Mini KUD @ Bera

pula, FELCRA Berhad sekali lagi dilantik menjadi agensi pelaksana dan pembayar dengan peruntukan disalurkan bernilai RM330,000.00.



Mini KUD @ Lipis, Pahang.



Mini KUD @ Limbang, Sarawak.



Mini KUD @ Padang Terap, Kedah.



Mini KUD @ Bera, Pahang.

- **Karnival Keusahawanan Anjuran Agensi Kerajaan & FELCRA Berhad**

Selain karnival, usahawan bimbingan FELCRA Berhad turut terlibat secara aktif dengan menyertai karnival keusahawanan anjuran agensi kerajaan dan FELCRA Berhad.

Antara karnival keusahawanan lain yang berlangsung pada tahun 2022 ialah Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia ataupun *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism* (MAHA) anjuran kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Karnival Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad anjuran FELCRA Berhad.

- **Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA)**

MAHA yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah diadakan dari 4 hingga 14 Ogos 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang. Dua (2) orang usahawan bimbingan FELCRA Berhad telah terpilih untuk menyertai acara ini dengan penglibatan di pavilion KKDW sepanjang tempoh empat (4) hari. Usahawan berpeluang untuk menjual dan mempromosikan hasil produk mereka sepanjang program tersebut berlangsung.



Usahawan FELCRA Berhad yang terpilih menyertai program MAHA 2022.

- **Karnival Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)**

Karnival Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan di setiap negeri bagi seluruh negara. Usahawan bimbingan FELCRA Berhad telah terpilih untuk menyertai karnival ini di tujuh (7) buah lokasi atau negeri.

Setiap penyertaan usahawan bimbingan FELCRA Berhad dipilih sendiri oleh pihak urus setia iaitu JPM berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh urus setia. Perincian penyertaan usahawan dalam JAKM adalah seperti mana berikut:

Bil.	Lokasi	Tarikh	Bil. Usahawan (orang)
1.	JAKM Johor	3 – 5 Mac 2022	1
2.	JAKM Sabah	20 – 22 Mei 2022	3
3.	JAKM Terengganu	2 – 4 Jun 2022	1
4.	JAKM Kedah	2 – 4 Sep 2022	4
5.	JAKM N. Sembilan	7 – 9 Okt 2022	1
6.	JAKM Melaka	14 – 16 Okt 2022	3
7.	JAKM Pahang	28 – 30 Okt 2022	1
<b>JUMLAH</b>			<b>14</b>

Jadual 11: Senarai usahawan yang menyertai JAKM.

- **Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad anjuran FELCRA Berhad**

Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad ialah karnival anjuran FELCRA Berhad yang dilaksanakan di beberapa buah lokasi sekitar negeri Kelantan dan Terengganu. Perincian penyertaan usahawan dalam karnival ini adalah seperti mana di bawah:

Bil.	Lokasi	Tarikh	Bil. Usahawan (orang)
1.	Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad Parlimen Machang, Kg Temangan, Kelantan	22 – 23 Julai 2022	13
2.	Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad Parlimen Machang, Bukit Bakar, Kelantan	26 – 27 Ogos 2022	11
3.	Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad DUN Telemong, Hulu Terengganu, Terengganu	1 – 2 September 2022	16
4.	Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad Parlimen Machang, Kg Tok Bok, Kelantan	29 – 31 Oktober 2022	11
<b>JUMLAH</b>			<b>51</b>

Jadual 13: Senarai Mini Karnival.



Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad Parlimen Machang, Kg Temangan, Kelantan pada 22-23 Julai 2022.

#### v. Program Ternakan dan Tanaman

Demi menyahut aspirasi kerajaan dalam agenda keterjaminan keselamatan makanan negara, FELCRA telah mengembangkan produk-produk keusahawanan peserta kepada ternakan dan tanaman dengan menyediakan platform, latihan serta peluang berkolaborasi bersama agensi pelaksana yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan. Program-program yang telah dilaksanakan:

- **Tanaman Fertigasi**

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM1 juta dalam **Rolling Plan Kedua** (2) di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) untuk pelaksanaan Program Pembangunan Peneroka Bagi Memperolehi Hasil Baharu untuk membiayai perlaksanaan program tanaman kontan menggunakan sistem fertigasi. Bermula dari tahun 2020, sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan, warga peserta digalakkan untuk menceburi bidang keusahawanan dalam tanaman menggunakan sistem fertigasi. Sistem fertigasi merujuk kaedah tanaman yang menyediakan baja dan air kepada tumbuhan dalam bentuk larutan meresapi zon akar melalui **sistem pengairan titis**.

Sehingga kini, Bahagian Pengurusan Keusahawanan telah berjaya membangunkan **35 buah lokasi** penanaman fertigasi dengan 35,000 polibeg tanaman sayuran kontan (cili, terung, halia, timun) menerusi kolaborasi bersama Persatuan Peladang Kawasan Kuala Langat. Bagi tahun operasi 2022 sahaja, sebanyak sepuluh (10) buah lokasi tanaman fertigasi yang dilaksanakan pada tahun 2022 itu telah mampu memberikan pulangan pendapatan seperti mana berikut:

## Lampiran

Bil.	Kawasan	Negeri	Pengusaha	Tanaman	Penghasilan (Kg)	Pendapatan (RM)
1.	Pulau Belantik	Kedah	WADIRA	Halia	1,800	11,700
2.	Nasaruddin (Belia)	Perak	WADIRA	Halia	800	5,600
3.	Seri Gala	Perak	Persatuan Belia	Halia	500	2,250
4.	Bukit Sedanan	Melaka	WADIRA	Cili Merah	1,500	9,000
5.	Lakai	Negeri Sembilan	Persatuan Belia	Cili Merah	2,400	31,200
6.	Tembeling Tengah	Pahang	WADIRA	Timun	1,400	4,200
7.	Rumpun Makmur	Pahang	Persatuan Belia	Cili Merah	2,000	26,000
8.	Berangan Mek Nab	Kelantan	JKKP	Terung	2,200	15,400
9.	Keruak	Terengganu	WADIRA	Cili Merah	1,100	5,500
10.	Sekijang	Johor	WADIRA	Halia	950	5,700
11.	Sri Mahkota	Johor	WADIRA	Cili Merah	-	-
<b>JUMLAH</b>					<b>14,650</b>	<b>116,550</b>

Jadual 14: Senarai lokasi tanaman fertigasi tahun 2022.

- **Ternakan Kelulut**

Ternakan Kelulut mula diperkenalkan di FELCRA pada tahun 2015. Pembangunan projek ternakan kelulut disalurkan di Wilayah Utara, Johor, Timur, Pahang dan Perak. Ia memberikan manfaat kepada peserta FELCRA sekaligus menjana pendapatan tambahan buat mereka.

Jalinan kerjasama yang padu antara pihak FELCRA dengan SIRIM pula merangkumi empat (4) aspek iaitu kajian, latihan, teknologi *Kelulut Integrated Information System* (KIIS) dan teknologi *Smart Pump*.

BIL.	PROJEK	KAWASAN	NILAI PERUNTUKAN (RM)
1.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Weng	Weng	200,000
2.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Belimbang Tolak	Bukit Tampoi	100,000
3.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Lekir	Lekir	100,000
4.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Seberang Perak	Seberang Perak	100,000
5.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Sekijang	Sekijang	100,000
6.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Sungai Ara	Sungai Ara	100,000
7.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Sri Bandi	Sri Bandi	100,000
8.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Keruak	Keruak	100,000
9.	Landskap Taman Kelulut di FELCRA Salong	Pahang Tenggara	100,000
<b>JUMLAH</b>			<b>1,000,000</b>

Jadual 15: Senarai projek perternakan kelulut.

- **Tanaman Herba**

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM1 juta dalam ***Rolling Plan kedua (2)*** di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), Bahagian Pengurusan Keusahawanan melalui FELCRA Berhad telah memperolehi geran pembangunan untuk pelaksanaan Program Tanaman Berasaskan Herba di empat (4) buah lokasi:

- i. FELCRA Kawasan Bayai, Negeri Sembilan
- ii. FELCRA Seberang Perak, Perak
- iii. FELCRA Nasaruddin (Belia), Perak
- iv. FELCRA Lubuk Sireh, Perlis

Empat (4) buah Koperasi Peserta Rancangan (KPR) telah dilantik sebagai pelaksana program tanaman herba. Manakala Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pula telah dilantik sebagai Konsultan bagi tempoh selama lapan belas (18) bulan bagi memberikan khidmat berkenaan rundingan tanaman herba yang melibatkan empat (4) buah lokasi sepetimana jadual di bawah:

BIL.	NEGERI	PROJEK
1.	Negeri Sembilan	Projek pembesaran tanaman herba (sedia ada) di FELCRA Kawasan Bayai, Negeri Sembilan
2.	Perak	Projek tanaman herba (baharu) di FELCRA Seberang Perak, Perak
3.	Perak	Projek tanaman herba (baharu) di FELCRA Nasaruddin (Belia), Perak
4.	Perlis	Projek tanaman herba (baharu) di FELCRA Lubuk Sireh, Perlis

Jadual 16: Senarai program tanaman berasaskan herba mengikut negeri.



Aktiviti Penanaman Serai di Projek FELCRA Seberang Perak, Perak.

#### vi. Program Pemasaran Produk Peserta

FELCRA Berhad sentiasa membimbing komuniti usahawan dalam memperluas teknik atau strategi pemasaran produk demi menjamin kestabilan jualan produk. Program yang direncana dan disusun atur dengan teknik dan strategi pemasaran yang sesuai dapat menjamin pemasaran produk usahawan secara sistematik dan berkesan. Program pemasaran usahawan telah dibangunkan bertujuan untuk membantu warga usahawan peserta bagi membangunkan produk serta memposisikan produk mereka di pasaran.

Sehingga kini, pelbagai program perhubungan usahawan dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak luar yang berkemahiran dalam bidang khas sepertimana jadual di bawah:

BIL.	NAMA PROGRAM	PIHAK BERKEPENTINGAN
1.	Program Pendigitalan Usahawan KPLB	E-Lokal Sdn. Bhd., Maybank QR, Bank Simpanan Nasional, Food Panda, Mesinkira, Maxis, Celcom, Lazada
2.	Program Agropertanian-Fertigasi	PPK Kuala Langat
3.	Program Ekspo Jualan Produk Usahawan Wilayah Sarawak	Merdeka Mall, Kuching
4.	Program Ekspo Jualan Produk Usahawan Wilayah Sabah	Imago Mall, Kota Kinabalu
5.	Program Ekspo Jualan Produk Usahawan Zon Selatan, Utara & Timur	Mydin Mall Tunjong
6.	Kursus Pemasaran Produk WADIRA	Iana Miricle Training & Consultancy Centre

Jadual: Senarai Program Pemasaran Produk Peserta



En. Mohammad Bin Ab Rahman, PBK Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi menyerahkan sijil kepada usahawan semasa Ekspo Jualan Produk Usahawan Bimbingan FELCRA Berhad Wilayah Timur.

Sejumlah RM790,000 telah disalurkan menerusi sumber peruntukan Kumpulan Hal Ehwal Peserta & Komunikasi (HEPK) dan menggunakan sumber *Rolling Plan* Kedua (2) di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12). Pecahan peruntukan adalah sepetimana jadual berikut:

BIL.	PROGRAM	SUMBER	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Program Pendigitalan Usahawan KPLB	Wang Amanah	50,000
2.	Agro Pertanian	RP-2	440,000
3.	Ekspo Jualan Produk – Sarawak & Sabah	RP-2	160,000
4.	Ekspo Jualan Produk – Zon Utara, Selatan & Timur	HEPK	140,000
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>790,000</b>

Jadual 17: Senarai program pemasaran produk peserta.

Jumlah peruntukan yang telah di belanjakan bagi program pemasaran ini adalah berjumlah RM 112,001.70 dengan sumber peruntukan HEPK dan Wang Amanah dengan sasaran kepada komuniti usahawan yang terbaik. Pecahan peruntukan adalah sepetimana jadual berikut;

BIL.	PROGRAM	SUMBER	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Program Pemasaran Produk Usahawan ke Outlet	HEPK	21,875.80
2.	Program "Road to Miri"	HEPK	9,985.90
3.	Program Desamall@KPLB	Wang Amanah	50,000
4.	Program Pengenalan Aplikasi e-Desa Usahawan Bimbingan FELCRA Berhad Wilayah Utara, Timur, Pahang, Selatan, Perak dan Johor.	HEPK	30,140
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>112,001.70</b>

Jadual 18: Senarai program pemasaran usahawan.

BIL.	NAMA PROGRAM	TEKNIK PEMASARAN
1.	Program Pemasaran Produk Usahawan Ke Outlet	Penghantaran produk ke jaringan <i>Outlet</i> Lesong Mart, Jaringan Sabasun Hyper Runcit, Agro Bazaar, Muslim One Stop Center.
2.	Program "Road To Miri"	Penghantaran produk ke Siti Payung Outlet di Miri, Sarawak
3.	Program Desamall@KPLB	Pemasaran secara dalam talian melalui platform Desamall@KPLB
4.	Program Pengenalan Aplikasi e-Desa Usahawan Bimbingan FELCRA Berhad Wilayah Utara, Timur, Pahang, Selatan, Perak dan Johor	Pemasaran secara dalam talian melalui aplikasi e-Desa.

Jadual 19: Perincian program pemasaran produk peserta.



Antara produk peserta yang menyertai program pemasaran usahawan.

## vii. Pembangunan Usahawan

### a) Direktori Usahawan

Direktori data dan informasi perniagaan usahawan bimbingan FELCRA Berhad merupakan koleksi sumber informasi produk dan perkhidmatan yang komprehensif dibangunkan bertujuan memudahkan perekodan dan capaian maklumat. Sehingga tahun operasi 2022, seramai 1,183 orang usahawan telah berdaftar dengan FELCRA Berhad. Usahawan-usahawan tersebut dicerakinkan mengikut kluster berikut:

BIL	WILAYAH	KLUSTER			JUMLAH
		START-UP	PICO + NANO	MIKRO + KECIL	
1.	Johor	102	52	15	169
2.	Pahang	130	41	15	186
3.	Perak	130	45	3	178
4.	Sabah	29	19	1	49
5.	Sarawak	135	41	4	180
6.	Tengah	134	18	1	153
7.	Timur	84	45	7	136
8.	Utara	94	36	2	132
<b>JUMLAH</b>		<b>838</b>	<b>297</b>	<b>48</b>	<b>1,183</b>

Jadual 20: Bilangan usahawan mengikut kategori dan negeri.

### b) Program Bantuan Papan Tanda

Usahawan-usahawan FELCRA Berhad yang berkelayakan akan diberikan bantuan papan tanda bagi premis-premis perniagaan. Matlamat bantuan ini dilaksanakan:

- Mengiktiraf kewujudan premis-premis perniagaan usahawan bimbingan FELCRA Berhad di kawasan masing-masing.
- Program bantuan papan tanda ini akan memberikan impak positif dan motivasi yang baik kepada para usahawan terlibat untuk meningkatkan tahap kesedaran dan keberadaan usahawan kepada pelanggan berpotensi.
- Memudahkan para pelanggan dan orang ramai untuk menghubungi dan mengenal pasti lokasi premis perniagaan usahawan melalui maklumat yang tertera pada papan tanda tersebut. Bagi tahun operasi 2022, seramai 90 orang usahawan bimbingan FELCRA Berhad telah menerima bantuan papan tanda dua (2) tiang ini.



Papan tanda yang dibekalkan kepada usahawan di FB Kawan Weng, Kedah.

c) Penganjuran Majlis Anugerah Kecemerlangan Usahawan Peserta (Akup) 2021

Majlis Anugerah Kecemerlangan Usahawan Peserta 2021 (AKUP) telah dianjurkan dengan jayanya pada 25 Julai 2022 bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mahadhir Bin Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar. Ia dianjurkan bagi memperakui dan mengiktiraf kecemerlangan usahawan dalam kalangan warga peserta dan anak peserta dalam meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan ekonomi komuniti peserta. Ia juga merupakan inisiatif bagi menghargai komitmen untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai usaha menambah pendapatan. Sebanyak lima (5) kategori telah dipertandingkan iaitu Anugerah Khas, Anugerah Fertigasi, Anugerah Mikro + Kecil, Anugerah Pico + Nano dan Anugerah Start – Up dengan jumlah pemenang seramai 77 orang. Majlis ini dibiayai sepenuhnya melalui sumber peruntukan **Geran Kerajaan RMKe-12 (RP2)** Program Modal Insan Tahun 2022 yang disalurkan ke FELCRA Berhad.

Pemenang bagi setiap kategori akan menerima hadiah dalam bentuk **Geran Pengembangan Perniagaan**, sijil penyertaan dan plak penghargaan. Manakala bagi setiap pemenang saguhati bagi semua kategori akan menerima hadiah wang tunai serta sijil penyertaan dan plak penghargaan. Kategori pemenang adalah seperti jadual tersebut:

BIL.	WILAYAH	BILANGAN PEMENANG	HADIAH (GERAN) RM
1.	Johor	2	30,000
2.	Pahang	3	75,000
3.	Perak	4	85,000
4.	Sarawak	2	25,000
5.	Tengah	4	45,000
6.	Timur	1	15,000
7.	Utara	4	75,000
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>20</b>	<b>350,000</b>

Jadual: Bilangan Pemenang Hadiah (Geran Pengembangan Perniagaan).

BIL.	WILAYAH	BILANGAN PEMENANG	HADIAH (TUNAI) RM
1.	Johor	10	42,000
2.	Pahang	9	38,000
3.	Perak	5	20,000
4.	Sarawak	8	49,000
5.	Tengah	8	34,000
6.	Timur	7	29,000
7.	Utara	4	17,000
8.	Sabah	7	29,000
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>20</b>	<b>258,000</b>

Jadual 21: Bilangan Pemenang Hadiah Tunai.



Majlis Anugerah Kecemerlangan Usahawan Peserta (AKUP) 2021 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.  
Disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Kemajuan Luar Bandar.

### viii. Program Pelancongan Desa/Inap Desa

Aktiviti pelancongan desa FELCRA Berhad memfokuskan aktiviti pelancongan luar bandar di kawasan-kawasan petempatan FELCRA Berhad yang mempunyai potensi komersial. *Homestay* dirujuk sebagai tuan rumah menyediakan bilik berasingan untuk pelancong menginap bersama di dalam satu unit rumah. Manakala inap desa bermaksud rumah orang awam yang menyediakan ruang atau bilik untuk disewakan kepada pelancong.

Sehingga tahun operasi 2022, terdapat 13 buah *homestay* di bawah bimbingan FELCRA Berhad. Senarai *homestay* adalah sepetimana jadual di bawah:

BIL.	NEGERI	HOMESTAY
1.	Kedah	Homestay Belimbing Tolak
		Homestay Bukit Tampoi
		Homestay Weng
2.	Perak	Homestay Seberang Perak
3.	Johor	Homestay Bukit Kepong
		Homestay Sg. Ara
4.	Pahang	Homestay Salong
		Homestay Rumpun Makmur
		Homestay Kuala Medang
		Homestay Sri Makmur
5.	Terengganu	Homestay Sri Bandi
		Homestay Keruak
6.	Sarawak	Homestay Islam Kg Belimbang

Jadual 22: Senarai *Homestay* FELCRA Berhad.

Bagi program pelancongan desa melalui inap desa, terdapat 13 buah lokasi (inap desa) yang berpotensi:

BIL.	NEGERI	INAP DESA
1.	Perlis	Inap Desa WADIRA Lubuk Sireh
2.	Perak	Inap Desa Rosiha
		Inap Desa Noormala

3.	Pahang	Inap Desa Salong
		Homestay Desa Murni
		Inap Desa Rumpun Makmur
4.	Johor	Homestay D'Mawai
		Homestay Sekijang
5.	Terengganu	Kampungstay Seri Bandi
		Homestay Koperasi Panchor Merah
		Roomstay & Homestay Kopflin
6.	Kelantan	Homestay Koperasi Bukit Tandak
7.	Sabah	Chalet Atas Air Bambangan

Jadual 23: Senarai Inap Desa FELCRA Berhad.

Bilangan pelancong yang menginap di homestay dan inap desa adalah seperti di Jadual

Tahun	2022		2021	
	Lokasi	Domestik	Antarabangsa	Domestik
<i>Homestay &amp; Inap Desa</i>	1,218	4	1,016	3
<b>Jumlah</b>	<b>1,222</b>			<b>1,019</b>

Jadual 24: Bilangan Pelancong Menginap di Homestay dan Inap Desa.

Jadual menunjukkan terdapat peningkatan bilangan pelancong yang menginap pada tahun 2022 berbanding 2021. Angka ini juga menunjukkan permintaan terhadap homestay dan inap desa yang masih relevan perlu diselenggara serta ditambah baik dari masa ke masa.

Program inap desa yang telah dibangunkan oleh FELCRA Berhad merupakan satu inisiatif medium peningkatan pendapatan untuk warga peserta di lokasi petempatan. Inisiatif ini bersesuaian dengan persekitaran lokasi petempatan yang masih mengekalkan cara tradisional, aktiviti luar bandar yang jarang dapat dinikmati oleh masyarakat bandar serta pemeliharaan budaya dan tempat menarik untuk dijadikan sebagai sektor pelancongan luar bandar. Pelancong-pelancong berpeluang untuk menikmati keindahan kehidupan luar bandar yang dapat mengukir pelbagai kenangan.

Pada tahun 2022, Bahagian Venture Baru telah menerima sejumlah RM1,726,000 geran peruntukan dalam RMKe-12 bagi *Rolling Plan* Kedua (2) Tahun 2022 bagi melaksanakan program kelestarian dan kemampanan infrastruktur pelancongan desa di enam (6) buah negeri serta *Program Community Engagement* iaitu *Program Pemerkasaan Kerjaya Generasi Kedua* di Bidang Automotif sebanyak RM960,000.

*Pemerkasaan Kerjaya Generasi Kedua* di Bidang Automotif memfokuskan program untuk membina kerjaya generasi kedua dalam bidang automotif menerusi pembaikan premis bengkel dan pembelian peralatan seperti mana jadual di bawah:

BIL.	NEGERI	NAMA USAHAWAN	KAWASAN	KETERANGAN KEPERLUAN	PERUNTUKAN (RM)
1.	Kelantan	Nik Ibrahim Bin Ab Latif	Bukit Tandak	Pembelian peralatan <i>welding</i>	25,000
2.	Terengganu	Wan Ja'afar Bin Wan Nawang	Keruak	Pembelian peralatan mekanik dan pembinaan bengkel baharu	52,000
3.	Terengganu	Muhammad Zaman Bin Ghani	Kg. Wa	Pembelian peralatan mekanik dan pembinaan papan tanda kedai	43,000
4.	Sarawak	Addruce Fakharuddeen Bin Sapian	Samarahan	Pembelian peralatan mekanik dan pembinaan bengkel baharu	60,000
5.	Sarawak	Nur Muhammad Fathuddin Fathullah Bin Arip	Batang Iupar	Pembelian peralatan mekanik, <i>welding</i> , papan tanda dan menaik taraf bengkel	60,000
6.	Johor	Mohd Firdaus Bin Mohamad	Sungai Ara	Membekalkan peralatan bengkel dan baik pulih bengkel	60,000

7.	Johor	Azmi Bin Hashim	Sungai Sepuluh	Membekalkan peralatan bengkel dan baik pulih bengkel	60,000
8.	Perak	Mohd Sulaiman Bin Salleh	Seberang Perak	Membeli peralatan kedai tayar dan naik taraf bengkel	100,000
9.	Perak	Muhammad Taufik Bin Rosli	Titi Gantong	Menaik taraf bengkel mengecat kenderaan	20,000
10.	Sabah	Alister Erry Dullah	Sandakan	Menaik taraf sebuah bengkel kenderaan dan kelengkapan peralatan bengkel, papan tanda	120,000
11.	Pulau Pinang	Ayu Hamiza Bt Abdul Halim	Ulu Sedim	Pembelian peralatan mekanik dan membina bangunan tambahan	60,000
12.	Pulau Pinang	Abdul Rahman Bin Che Mat	Ulu Sedim	Pembelian peralatan mekanik dan membina bangunan tambahan	60,000
13.	Selangor	Hamri Bin Mohamad	Banting	Membina bengkel baharu dan pembelian peralatan mekanik	120,000
14.	Pahang	Fakhruzzaki Bin Hassan	Pahang Tenggara	Membeli peralatan bengkel	60,000
15.	Pahang	Tengku Ab Hamid Bin Tengku Chik	Pahang Tenggara	Membeli peralatan dan membina premis bengkel yang baharu	60,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>960,000</b>

Jadual 26: Senarai Peserta Program Pemerkasaan Kerjaya Generasi Kedua di Bidang Automotif.



Menaik taraf bengkel kenderaan usahawan di kawasan Sandakan, Sabah.

## PENGURUSAN PEMBANGUNAN INSTITUSI PESERTA

### i. Pembangunan Koperasi

Penubuhan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan (KPR) di FELCRA Berhad telah bermula dari tahun 1984 dengan tujuan seperti berikut:

- Menggalakkan peserta mempelbagaikan sumber pendapatan melalui kerja-kerja di ladang
- Menggalakkan peserta membuat pelaburan dan simpanan daripada pendapatan mereka
- Memperkuuh dan menyatupadukan wang, tenaga dan fikiran peserta demi faedah bersama
- Menggalakkan peserta berkecimpung dalam bidang keusahawanan dan perniagaan
- Melibatkan peserta bersama dalam pengurusan pembangunan rancangan mereka

Sehingga tahun operasi Disember 2022, bilangan KPR FELCRA Berhad sebanyak 156 buah dengan bilangan anggotanya seramai 50,943 orang dengan modal syer saham anggota berjumlah RM121,078,877.31. Jumlah KPR mengikut wilayah adalah seperti berikut:

WILAYAH	JUMLAH KOPERASI MENGIKUT WILAYAH (BUAH)
Johor	27
Pahang	22
Perak	36
Sarawak	5
Tengah	23
Timur	25
Utara	16
<b>JUMLAH KOPERASI</b>	<b>156</b>

Jadual 27: Jumlah koperasi peserta (KPR) mengikut wilayah.

## ii. Pembangunan Wanita

Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) telah ditubuhkan di projek-projek berpetempatan dengan keahlian terbuka kepada isteri peserta, anak perempuan peserta dan masyarakat wanita tempatan. Institusi ini diurus tadbir oleh seorang Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, empat (4) orang ahli jawatankuasa yang bertindak sebagai Ketua Biro serta dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira.

Matlamat utama penubuhan WADIRA adalah untuk mewujudkan masyarakat wanita yang berpengetahuan, progresif dan dinamis serta mampu menjalankan peranan dengan lebih berkesan dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga peserta. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Mesyuarat Agung WADIRA, Mesyuarat Penyalaras WADIRA, Mesyuarat Jawatankuasa, Program Keusahawanan (Jahitan, Solekan), Program Pendidikan (Ceramah Kesihatan) dan Pembangunan Wanita. Sehingga tahun operasi Disember 2022, terdapat 79 buah WADIRA telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 12,450 orang.

## iii. Latihan Kemahiran

Peserta dan keluarga peserta berpeluang mengikuti pelbagai jenis kursus mengikut bidang yang diminati dalam meningkatkan pembangunan modal insan dan kemahiran peserta. Tumpuan semasa diberikan kepada generasi kedua.

Peserta dan keluarga FELCRA Berhad yang berminat dipelawa mengikuti pelbagai jenis kursus seperti kursus kepimpinan, kemahiran kraf tangan, teknologi maklumat, motivasi keibubapaan, pengurusan, keusahawanan dan sebagainya. Kemahiran dan pengalaman yang diperoleh membolehkan mereka menjayakan sesuatu projek dan aktiviti dengan berkesan.

#### **iv. Pembangunan Rohani**

Aktiviti ini dilaksanakan bagi mewujudkan masyarakat peserta yang berpegang teguh kepada akidah Islam serta mengamalkan nilai-nilai kerohanian yang mulia. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam, Bengkel Anak Soleh, Program Generasi Celik Al-Quran, Rakan Muda Masjid serta mengadakan majlis-majlis ilmu dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri atau Juru Perunding yang terpilih. Pelaksanaan aktiviti tersebut dibuat di kawasan berpetempatan. Selain itu, ia juga diadakan di projek-projek tiada petempatan tetapi perumahan pesertanya berdekatan antara satu dengan yang lain.

#### **v. Pembangunan Remaja/Belia**

Generasi kedua FELCRA Berhad daripada kalangan belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun merupakan kumpulan pelapis yang boleh bersama-sama menyumbang idea dan tenaga dalam menggalas peranan dan tanggungjawab sosial dalam masyarakat peserta. Persatuan Belia yang telah ditubuhkan di kawasan perkampungan FELCRA Berhad yang telah sedia ada di mana keahliannya majoriti daripada kalangan anak peserta.

Persatuan belia sebagai asas kelompok belia FELCRA Berhad untuk bergerak cergas dalam aktiviti-aktiviti yang positif dan sihat secara berpersatuhan. Pertubuhan Belia di FELCRA ialah sebuah pertubuhan yang didaftarkan. Persatuan ini biasanya menjadi ahli gabungan badan-badan belia yang utama di negara ini. Sehingga tahun operasi Disember 2022, terdapat 56 buah Persatuan Belia yang bergerak aktif di bawah pengurusan FELCRA Berhad dengan bilangan keahlian berdaftar seramai 5,144 orang. Usaha penubuhan persatuan belia baharu akan dilaksanakan dari masa ke masa.

Sepanjang tahun 2022 sebanyak dua (2) buah program di peringkat nasional telah dilaksanakan bagi memperkasa dan mengukuhkan Persatuan Belia FELCRA Berhad iaitu Kursus Mutawwif dan Kejohanan e-Sport PUBG Belia FELCRA.

#### **vi. Pembangunan Informasi Peserta**

Untuk membangunkan teknologi maklumat dan digital yang seiring dengan aspirasi KKDW dalam mewujudkan Data Raya, terdapat beberapa program yang telah dijalankan oleh Pembangunan Informasi Peserta bagi memberikan pendedahan serta kesedaran terhadap kepentingan maklumat secara digital kepada peserta supaya tidak ketinggalan dalam dunia moden hari ini.

Program-program yang dijalankan adalah seperti berikut:

**a) Pusat Digital Desa (PDD) Bukit Tampoi**

Projek ini bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan serta memantapkan kemahiran berhubung dengan penggunaan teknologi digital dalam kehidupan sehari-hari warga peserta supaya selaras dengan aspirasi "*Industrial Revolution 4.0*" yang menggunakan peruntukan pembangunan RMKe-12.

Konsep utama Pusat Digital Desa ini adalah untuk mempercepat pertumbuhan masyarakat digital bagi tujuan memudahkan kehidupan komuniti peserta dari segi penyaluran dan mendapatkan maklumat secara digital. Kemudahan tempat dan persekitaran yang kondusif disediakan untuk melaksanakan aktiviti di pelbagai ruang seperti Ruang *Learning Centre*, Ruang Digital dan Ruang Gunasama. Peralatan-peralatan digital juga disediakan seperti komputer, projektor, mesin pengimbas, skrin besar dan sebagainya.

Selain itu, terdapat program yang disediakan di Pusat Digital Desa iaitu Program Celik Digital yang berasaskan Modul Pengendalian Pusat Digital, Modul Asas Komputer, Modul Pengurusan Digital dan Modul Kemahiran Inovasi. Dengan adanya program ini sedikit sebanyak dapat memberikan manfaat seperti memudahkan kehidupan (peserta), menambahkan pendapatan (WADIRA), memperkasakan kerjaya (Belia) serta meluaskan perniagaan (Koperasi). Berikut merupakan aktiviti/kemudahan yang dapat disediakan di Pusat Digital Desa:

- Pusat pembelajaran dalam talian
- Pusat kursus, latihan dan mesyuarat
- pusat rujukan digital
- Pusat e-Dagang
- Menyediakan perkhidmatan dalam talian kerajaan
- Menjalankan aktiviti e-Sport
- Perkhidmatan mencetak dan membaiki peralatan komputer

Pusat Digital Desa ini dijangka dapat memberi manfaat kepada 550 orang penduduk setempat di kawasan petempatan Bukit Tampoi, 500 orang penduduk perkampungan berdekatan, 250 belia di kawasan setempat, pelajar kolej dan agensi kerajaan, swasta mahupun syarikat di sekitar Kuala Nerang.

**b) Program Semakan Fail Peribadi Peserta**



Bangunan Pusat Digital Desa di FELCRA Bukit Tampoi, Kedah.



Ruangan Kiosk Komputer.



Bilik Serbaguna.



Bilik Komputer.

Program ini diadakan bagi menyediakan serta memastikan fail peribadi peserta dilengkapi dengan maklumat yang terkini dan memenuhi keperluan pensijilan MSPO bagi memastikan jaminan pendapatan bagi ladang-ladang peserta.

Ia bertujuan untuk menjadikan rujukan dan sumber utama kepada maklumat peserta yang akan disimpan ke dalam sistem PPPLS (*Plantation Profiling, Participants, Land and Survey*) FELCRA.

Skop Program:

- Membuat semakan fizikal ke atas ruang penyimpanan fail peribadi Peserta samada dalam keadaan baik atau memerlukan penambahbaikan
- Membuat semakan ke atas maklumat yang terdapat dalam fail peribadi peserta yang melibatkan enam (6) lampiran di dalam fail tersebut
- Memastikan rujukan bagi maklumat peserta adalah benar, tepat dan betul serta memudahkan pengurusan di peringkat kawasan, wilayah dan ibu pejabat

Bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2022, sejumlah tujuh (7) buah kawasan yang melibatkan 6,217 orang peserta telah selesai disenaraikan mengikut wilayah sebagaimana berikut:

BIL.	WILAYAH	NAMA KAWASAN	BIL. PESERTA (ORANG)
1.	Pahang	Kerdau	1,468
2.		Kerangai Penagoh	598
3.		Purun	811
4.	Tengah	Lakai	189
5.		Lembah Bernam	920
6.		Banting	1,268
7.	Perak	Seberang Perak	963
JUMLAH PESERTA (ORANG)			6,217

Jadual 28: Pelaksanaan semakan fail peribadi peserta mengikut kawasan.

**c) Program Pembekalan Keperluan Komputer**

Dengan kepesatan teknologi maklumat pada masa kini, keperluan komputer dalam kerja seharian amat diperlukan oleh masyarakat peserta.

Pembekalan komputer kepada kawasan atau Pusat Digital Desa (PDD) FELCRA ini merupakan salah satu inisiatif FELCRA Berhad melalui Bahagian Pengurusan Informasi Peserta untuk memulakan langkah pertama dalam memastikan peserta tidak ketinggalan. Sembilan (9) buah komputer telah dibekalkan kepada dua wilayah seperti jadual berikut:

WILAYAH	BILANGAN (BUAH)
Johor	3
Perak	6
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>

Jadual 29: Bilangan komputer dibekalkan mengikut negeri.

**d) Program Pendaftaran Portal e-Peserta FELCRA**

Program ini bertujuan untuk memberikan penerangan kepada peserta tentang kepentingan untuk mendaftar dan mengemas kini maklumat dalam Portal e-Peserta FELCRA. Sehingga 31 Disember 2022, seramai 8,250 orang peserta telah mendaftar dengan Portal e-Peserta.

Promosi dan pendedahan terus giat dijalankan kepada peserta untuk mendaftar dan mendapatkan kebaikan daripada portal ini kerana peratusan peserta yang mendaftar masih rendah berikutan faktor umur peserta yang kebanyakannya 60 tahun ke atas.



Program Pendaftaran Portal e-Peserta di Darat Datok, Kemaman, Terengganu.

**e) Program Pendaftaran PAT-G bersama Lembaga Getah Malaysia (LGM)**

Program kolaborasi bersama Lembaga Getah Malaysia (LGM) bertujuan memupuk kesedaran dan kepentingan kepada peserta yang turut merupakan Pekebun kecil getah supaya mendaftar dalam sistem PAT-G oleh LGM. Ini akan membolehkan Peserta mendapatkan bantuan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) apabila diaktifkan yang bergantung apabila harga pasaran getah adalah rendah dari harga yang telah ditetapkan.

Sehingga 31 Disember 2022, seramai 2,709 orang peserta yang telah mendaftar dengan PAT-G. Program ini juga telah dijalankan bersama LGM Negeri iaitu negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Melaka. Program ini juga akan diteruskan pada tahun 2023 bagi memastikan peserta FELCRA tidak ketinggalan untuk mendapatkan insentif atau bantuan yang ditawarkan terkait dengan tanaman getah.



Program Pendaftaran PAT-G oleh LGM di Wisma FELCRA.

## PENGURUSAN TANAH DAN UKUR

**Pengurusan tanah dan ukur** merupakan pelengkap kepada program pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad di mana tanah-tanah Kerajaan dimajukan di bawah Akta Tanah (Kawasan Petempatan Berkelompok) sebelum diberikan suratan hak milik kepada peserta. Dasar urusan pengeluaran hak milik tanah peserta yang diurustadbirkan oleh FELCRA Berhad diselaraskan dengan peraturan negeri-negeri secara lebih berkesan.

Selain dari urusan pengeluaran hak milik, pengurusan tanah juga melibatkan perjanjian antara peserta dengan FELCRA Berhad, kaveat, pewartaan di bawah GSA, bayaran CAC (cukai tahunan disatukan) dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

### 1. Perjanjian Peserta

Proses pengurusan naskhah perjanjian dilaksanakan setelah peserta-peserta menandatangani perjanjian. Penerangan kaedah pengisian butiran peserta dilaksanakan untuk memenuhi peruntukan perundangan negara sebelum naskhah dilaksanakan proses duti setem. Setelah dilaksanakan duti setem, senaskhah perjanjian akan dimajukan kepada peserta sebagai rujukan.

Sehingga 31 Disember 2022, terdapat sejumlah 106,860 orang peserta (merangkumi peserta yang memiliki tanah GSA, 'Tanah Milik' dan 'Tanam Semula') telah menandatangani perjanjian sebagai peserta manakala sejumlah 4,094 orang peserta masih belum menandatangani perjanjian sebagai peserta disebabkan berlakunya peningkatan peserta-peserta baharu, waris peserta tidak meyelesaikan proses bicara Kuasa, lokasi sebenar peserta tidak dapat dikenal pasti dan terdapat peserta yang enggan menyertai Program Tanam Semula yang dianjurkan FELCRA Berhad.

### 2. Bayaran *Consolidated Annual Charge* (CAC)

Prasyarat pemberian suratan hak milik tanah kepada peserta adalah dengan penyelesaian bayaran CAC. Sehingga kini sejumlah **RM48,728,395.39** juta melibatkan **274 projek GSA** telah menyelesaikan jadual bayaran CAC. Pembayaran CAC mengikut kadar yang telah ditentukan hanya dilaksanakan setelah memperoleh kelulusan Pentadbir Tanah Daerah dan tertakluk kepada kawasan/projek yang telah diwartakan di bawah Seksyen 4, GSA 1960 mengikut lampiran tersebut:



Pelaksanaan Kerja Ukur oleh pasukan ukur Felcra.

Negeri	Bil. Projek	Jumlah (RM)
Perlis	2	311,238
Kedah	26	6,018,282.02
Pulau Pinang	-	-
Perak	46	7,956,981.16
Selangor	-	-
Negeri Sembilan	24	4,761,267.83
Melaka	5	1,505,765.50
Johor	37	7,390,301.10
Pahang	82	14,555,432.24
Kelantan	3	145,701.70
Terengganu	49	6,083,425.84
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>274</b>	<b>48,728,395.39</b>

Jadual 30: Bayaran CAC Mengikut Negeri Sehingga 31 Disember 2022.

### 3. Permohonan dan Pengeluaran Suratan Hak milik Projek GSA

Terdapat sejumlah 13,339 lot peserta melibatkan 126 projek dan tapak perkampungan yang telah memperoleh suratan hak milik. Kedudukan terperinci seperti di bawah:

Negeri	Bil. Projek	Bil. Lot	Jumlah Luas (Hek)
Pahang	12	1,417	3,655.74
Perak	22	3,992	11,628.89
Johor	31	2,883	10,320.09
Kedah	10	977	2,828.88
Perlis	2	154	357.00
Terengganu	28	1,566	6,721.12
Negeri Sembilan	16	1,873	6,137.99
Melaka	5	477	1,257.77
<b>JUMLAH</b>	<b>126</b>	<b>13,339</b>	<b>42,907.48</b>

Jadual 31: Bilangan Lot Tanah Diserahkan Hakmilik Kepada Peserta Mengikut Negeri.

Sepanjang tahun operasi 2022 sejumlah 11 buah projek melibatkan seramai 1,077 orang peserta telah menerima Suratan Hak milik.

#### 4. Prestasi Kerja-kerja Pengukuran

Terdapat empat (4) jenis pengukuran melibatkan Ukuran Akhir, Ukuran Keliling, Ukuran Butiran dan Ukuran Pelbagai yang dilaksanakan melibatkan 64 buah projek yang berkeluasan 8,340.068 hektar dalam fasa kerja ukur. Fokus utama ditumpukan kepada pengukuran hak milik kerana keperluan dan persediaan untuk proses pengeluaran Suratan Hak Milik.

Pecahan bilangan projek mengikut jenis ukuran adalah seperti Jadual dibawah:-

Bil	Jenis Ukuran	Bilangan Projek	Pendapatan Ukur (RM)	Luas (Hek)
1	Penyediaan Precom	9	23,621.95	518.00
2	Ukuran Keliling	14	298,962.54	2,176.158
3	Ukuran Akhir	39	2,208,770.88	5,331.91
4	Ukuran Pelbagai	2	36,400.41	314.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>64</b>	<b>2,567,755.78</b>	<b>8,340.068</b>

Jadual 32: Pecahan bilangan projek mengikut jenis ukuran.



Pelaksanaan kerja ukur dan penandaan sempadan oleh pasukan ukur Felcra.

## PEMBANGUNAN SUMBER SOSIOEKONOMI PESERTA

Seiring dengan misi kerajaan dalam memperluas liputan pembangunan menyeluruh ke luar bandar, pembangunan sumber sosioekonomi peserta dipertanggungjawabkan untuk membuka satu dimensi baharu bagi pembangunan di projek-projek berpetempatan dengan mengetengahkan konsep 3M (Maju, Menarik, Menguntungkan). Pembangunan menyeluruh bermaksud insannya maju dan bersyukur, prasarananya lengkap, kampungnya indah dan teras ekonominya kukuh dengan penglibatan institusi peserta daripada JKPP, KPR, WADIRA dan Belia untuk bersama-sama menggembeling tenaga memajukan kehidupan di kawasan petempatan FELCRA.

Sehingga 31 Disember 2022, terdapat dua (2) buah petempatan FELCRA yang telah dijadikan sebagai sebuah pusat *One Stop Rural Development Centre* di bawah pendekatan *Consolidated Profitable Business Unit (CPBU)*:

### a) CPBU Weng, Baling, Kedah

Tujuh (7) inisiatif CPBU Weng

- i. Taman Tema Mini menyediakan kemudahan riadah renang moden yang terletak di tengah-tengah kampung tradisi. Di samping itu, ia turut dilengkapi dengan kehijauan landskap serta pelbagai kiosk jualan dan kafe makanan dengan harga yang berpatutan.
- ii. 4 Golden Hours merupakan pakej empat (4) jam emas iaitu pelawat akan dibawa melawati pelbagai tempat sekitar kampung selama empat (4) jam. Pakej ini bermula dari pagi sehingga tengah hari yang membolehkan pengunjung mengalami sendiri kehidupan di desa secara singkat.
- iii. Kafe Weng Valley menyediakan pelbagai menu masakan tradisional yang menyelerakan dan bakal menggamit nostalgia kenangan pada zaman dahulu kala.
- iv. *Jungle trekking* merupakan satu pakej menyusuri denai hutan meliputi 4-6 km yang mencabar. Program ini mempunyai pakej berkumpulan yang menyediakan makan pagi, tengah hari dan cenderahati.
- v. *Nature exploring* merupakan satu pakej pelancongan setempat di tempat yang menarik dan terkenal di sekitar daerah Baling dan Sik. Terdapat dua (2) pakej yang disediakan iaitu pakej enam (6) orang dan dua belas (12) orang yang menawarkan harga yang berpatutan dan berbaloi.



Lokasi CPBU Weng, Baling, Kedah.

- vi. *Plantation exploring* merupakan satu pakej *education tourism* yang menerangkan perihal tanaman kelapa sawit dan getah. Pakej ini menawarkan dua (2) pakej iaitu Pakej A dengan menaiki traktor manakala Pakej B dengan menaiki ATV. Program ini merupakan program yang menawarkan pengalaman sambil belajar kepada peserta.
- vii. *Rural stay experience* merupakan satu pakej penginapan tiga (3) hari dua (2) malam bersama masyarakat setempat untuk merasai suasana serta pengalaman berada di kampung. Pakej ini melibatkan pelbagai aktiviti kampung yang menarik dan tidak dapat dirasai di bandar.

**b) CPBU Lekir, Sitiawan, Perak**

Tujuh (7) inisiatif CPBU Lekir:

- i. Medan Selera Ikan Bakar Lekir menyediakan pelbagai menu masakan berasaskan makanan laut yang dibakar menggunakan perapan tradisi yang mampu membangkitkan selera pengunjung. Ia juga menyediakan makanan bergoreng yang menjadi tarikan orang ramai untuk datang ke medan selera ikan bakar ini.
- ii. Empat (4) *Golden Hours* merupakan pakej empat (4) jam emas iaitu pelawat akan dibawa melawati pelbagai tempat sekitar kampung selama empat (4) jam. Pakej ini bermula dari pagi sehingga tengah hari yang membolehkan pengunjung mengalami sendiri kehidupan di desa secara singkat.
- iii. Karnival Orang Muda (KOM) merupakan satu program tahunan yang merangkumi pelbagai acara melibatkan belia seperti aktiviti memanah, pertandingan bola sepak, taman permainan belon, *carboot sale*, *busker/karaoke*, mewarna dan lain-lain.
- iv. *Fun run* merupakan program sukan lasak yang melibatkan aktiviti larian *iron man*, cabaran berbasikal, ATV dan aktiviti jualan. Program ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat untuk menyertainya.
- v. *Nature exploring* merupakan satu pakej pelancongan setempat di tempat yang menarik dan terkenal disekitar daerah Sitiawan. Terdapat 2 pakej yang disediakan iaitu pakej 6 orang dan 12 orang yang menawarkan harga yang berpatutan dan berbaloi.
- vi. *Plantation exploring* merupakan satu pakej *Education Tourism* yang menerangkan perihal tanaman kelapa sawit dan getah. Pakej ini



Lokasi CPBU Lekir, Sitiawan, Perak.

menawarkan 2 pakej iaitu Pakej A dengan menaiki traktor manakala Pakej B dengan menaiki ATV. Program ini merupakan program yang menawarkan pengalaman sambil belajar kepada peserta.

vii. *Rural stay experience* merupakan satu pakej penginapan tiga (3) hari dua (2) malam bersama masyarakat setempat dan merasai suasana serta pengalaman berada di kampung. Pakej ini melibatkan pelbagai aktiviti kampung yang menarik dan tidak dapat dirasai di bandar.

## **YAYASAN FELCRA**

FELCRA Berhad melalui Yayasan FELCRA turut menyumbang kepada program obligasi sosial kepada pembangunan Peserta dan generasi kedua. Aktiviti-aktiviti Yayasan FELCRA adalah bertumpu kepada :

**a) Kebajikan Dan Sumbangan**

Menyumbangkan dana, kewangan, derma untuk mangsa banjir kebakaran, kebuluran atau bencana menggunakan peruntukan mengikut situasi semasa.

**b) Pendidikan**

Menyediakan bantuan pendidikan bagi menyediakan kemudahan berhubung dengan pencapaian objektif penubuhan Yayasan FELCRA dan meningkatkan pengetahuan pendidikan termasuk penyaluran zakat FELCRA kepada asnaf yang telah dikenal pasti. Menyediakan dan menguruskan program latihan dan kursus jangka pendek/panjang dan program pendidikan kepada golongan yang telah disasarkan.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Smart FB. Seminar Motivasi Akademik Rakyat FELCRA Berhad (SMART FB) ini dijalankan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).



Seminar Motivasi Akademik Rakyat FELCRA Berhad (SMART FB) di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Program ini bertujuan memberi pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan untuk memantapkan jati diri, pembinaan intelektual dan pencapaian akademik pelajar sekolah terutamanya bagi yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2022. Program ini telah dilaksanakan melalui dua (2) fasa:

**Fasa Pertama** – Ceramah motivasi di 100 buah sekolah terpilih atau melibatkan 80 hingga 100 pelajar bagi satu tempat atau masa. **Fasa Dua** – Kursus/Kem tiga (3) hari dua (2) malam melibatkan 80 hingga 100 orang pelajar yang terpilih bagi setiap negeri (Sabah dan Sarawak melibatkan 150 orang pelajar terpilih).

### c) Kesihatan

Program ini adalah dengan memberi bantuan, kewangan atau sebaliknya, untuk faedah perubatan semua rakyat Malaysia yang memerlukan tanpa mengira bangsa, kepercayaan dan agama mereka.

- **Program Saringan Kesihatan**

Program ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara percuma di kawasan petempatan luar bandar secara profesional supaya warga sasar dapat menjimatkan masa, wang dan tenaga. Tindakan ini merupakan kesinambungan usaha pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat.

Antara pemeriksaan yang dijalankan ialah pemeriksaan kesihatan asas seperti pemeriksaan fizikal, pemeriksaan tekanan darah, *body mass index* (BMI) dan ujian darah asas. Seramai 5,000 orang warga petempatan FELCRA dan penduduk setempat yang disasarkan, manakala 5,268 orang telah menyertai program ini.

- **Bantuan Cermin Mata Menggunakan Konsep Spectruck**

Tujuan program ini adalah bagi membantu orang ramai khususnya golongan luar bandar untuk mendapatkan pemeriksaan mata dan cermin mata secara percuma.

Kaedah pelaksanaannya adalah dengan menggunakan trak mudah alih yang akan bergerak ke petempatan FELCRA dan kawasan terlibat untuk membuat pemeriksaan mata dan menyediakan cermin mata dalam masa tiga (3) minggu kepada golongan sasar.



Program Pemeriksaan Saringan Kesihatan Percuma anjuran Yayasan FELCRA.

## RUMUSAN

### Lampiran 1

#### ARTICLE 5

##### SOCIAL OBLIGATIONS

- 5.1 The COMPANY shall continue to provide social obligations as the Authority used to provide the Participants before the Vesting Date.
- 5.2 Social obligations of the COMPANY shall include the following:-
  - (a) provide the Participants liaison through the emplacement of participant liaison officers at the appropriate levels and through the promotion and establishment of scheme development committees (Jawatan Kuasa Kemajuan Projek-JKKP) in each Project;
  - (b) provide the Participants social development functions in each Project through the establishment of scheme cooperatives, women institution, and other voluntary bodies to develop the Participants through community and economic activities;
  - (c) provide training for the Participants' leaders in skills and leadership to enable them to provide able leadership to the Participants;
  - (d) provide training to the Participants in various fields of their interest to enable them to venture as contractors and small/medium industrials;
  - (e) encourage wider participation by bumiputra entrepreneurs in economic and commercial activities undertaken by the COMPANY in each Project and in this respect to give priority to such qualified bumiputra entrepreneurs in distributing commercial contracts to contractors;
  - (f) provide assistance in poverty eradication programme to include the hardcore poor (whose names are to be provided by the GOVERNMENT) as well as \*FELCRA's own participants;
  - (g) facilitate the necessary activities which contribute towards the general improvement of Participants in areas of training, community service, religious education and publication of relevant information relating to the Projects and Participants; and
  - (h) other social development activities that the COMPANY implements for the betterment of the Participants.
- 5.3 The COMPANY hereby agrees, for each financial year of FELCRA Berhad, to contribute RM4.3 million for the above mentioned purposes.
- 5.4 The COMPANY shall not later than the 31<sup>st</sup> day of December of each year, submit to the Ministry in charge of Rural Development a written report on activities the COMPANY has undertaken pursuant to aforesaid Clause 5.2.
- 5.5 The COMPANY shall in implementing the social obligations stipulated under Clause 5.1 be guided by the "Garis Panduan Obligasi Sosial Felcra Berhad" as annexed herewith as ANNEXURE III which shall be subject to amendment by the Government from time to time.

Artikel 5 Perjanjian Pengkorporatan FELCRA Berhad

# **PELAN TRANSFORMASI FELCRA BERHAD**

---

## **PELAN TRANSFORMASI FELCRA BERHAD**

Sebagai sebuah entiti korporat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan (Diperbadankan), FELCRA Berhad mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan dua (2) teras utama pengoperasian syarikat perlu dilunaskan iaitu operasi perniagaan komersial dan mandat sosial syarikat untuk rakyat khususnya kepada peserta FELCRA. Oleh itu, Pelan Transformasi FELCRA Berhad telah dirangka berdasarkan dua (2) terma utama iaitu mandat sosial dan perniagaan komersial.

FELCRA Berhad terus merangka idea strategik untuk mendepani masa hadapan dengan pelbagai cabaran yang berada diluar jangkaan. Cabaran-cabaran seperti turun naik harga komoditi di pasaran global, ancaman bencana alam dan cuaca serta kenaikan kos pengurusan ladang yang berupaya mempengaruhi produktiviti dan nilai perolehan syarikat, Pelan Transformasi telah dirangka sebagai perincian perancangan untuk memposisikan FELCRA Berhad sebagai sebuah konglomerat yang unggul dan pemain industri di Malaysia.

### **PELAN TRANSFORMASI FELCRA BERHAD DILANCARKAN BERDASARKAN EMPAT (4) ASAS UTAMA:**

#### **1. Caj Pengurusan Sebanyak 6.5% Tidak Menepati Nilai Pasaran**

FELCRA Berhad mengenakan caj pengurusan sebanyak 6.5% bagi pengurusan estet di bawah Projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P). Kadar caj pengurusan ladang ini telah bermula dari tahun 1997 serta tidak pernah dinaikkan. Namun, kadar ini tidak lagi relevan dengan peningkatan kos pengurusan ladang seperti kos pembajaan, upah tenaga buruh serta kos-kos lain yang terlibat. Justeru, ia menatihahkan jumlah perolehan untung rugi syarikat yang tidak seimbang.

#### **2. Tanggungan ke Atas Projek Peserta yang Tidak Menjana Keuntungan**

FELCRA Berhad terus membayai projek-projek yang tidak berdaya maju serta rugi menggunakan sumber dana dalaman. Tindakan ini memberikan kesan terhadap jumlah perolehan syarikat. Sehingga Disember 2020, terdapat 323 buah Projek Penyatuan & Pemulihan (P&P) yang kurang berdaya maju yang telah memberikan impak kewangan negatif kepada syarikat.

#### **3. Ketidakpadanan Hutang antara FELCRA-MOF Berbanding FELCRA-Projek Peserta**

FELCRA Berhad tetap perlu melunaskan pinjaman pembangunan kepada pemegang saham utama iaitu Kementerian Kewangan biarpun terdapat projek-projek yang dibangunkan mengalami kerugian dan peserta yang terbabit tidak mampu untuk membayar hutang pembangunan kepada FELCRA Berhad.

#### **4. Hutang-hutang Legasi**

Merujuk laporan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia yang menyatakan jumlah pinjaman pembangunan tanah peserta yang tertunggak sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM312.22 juta. Kesan daripada hutang ini, FELCRA Berhad berhadapan dengan laporan kewangan yang kurang memberangsangkan dalam aspek tunggakan hutang dan keupayaan membayar dividen kepada kerajaan.

### **PELAN TRANSFORMASI FELCRA BERHAD MELIPUTI TIGA (3) FASA UTAMA:**

#### **1. Transformasi 1.0 (2019-2020)**

Memfokuskan usaha-usaha pengukuhan teras pengurusan kewangan syarikat.

#### **2. Transformasi 2.0 (2021-2022)**

Memberikan penekanan kepada pengembangan bisnes dan budaya kerja berwibawa. Dalam tempoh ini, FELCRA Berhad telah menyusun empat (4) inisiatif utama iaitu inisiatif sosial, inisiatif komersial teras, inisiatif komersial sekuriti makanan dan inisiatif modal insan bisnes baharu.

#### **3. Transformasi 3.0 (2023-2027)**

Inisiatif komersial yang dilaksanakan dengan menumpukan fokus kepada aktiviti agromakanan secara domestik dan memberikan nilai tambah kepada syarikat.

### **PENCAPAIAN TRANSFORMASI 1.0**



## PENGAMATAN TRANSFORMASI 1.0

### PENCAPAIAN TRANSFORMASI 1.0

OBJETIF: DEMI PENGUKUHAN DALAMAN KE ARAH MENCAPAI STATUS SYARIKAT PERUSAHAAN SOSIAL TERMANTAP

#### Bantuan Kerajaan

Pengstrukturkan Pinjaman  
MOF - FELCRA  
Equity / Loan Restructuring RM2.84 B

Suntikan Dana  
Pembayaran Hutang Legas RM 1 billion.  
Funding Gap.

Perjanjian Pengkorporatan  
Penambahanbaikan  
Corporation Agreement 1997.

Geran Tanam Semula (Peserta)  
Geran Tanam Semula - Model  
Baru Peserta.

#### Inisiatif Dalaman

Meningkatkan Keuntungan  
(gross subsidized)  
Pengstrukturkan Syarikat Komersial.

Mengurangkan Kerugian Operasi  
Projek Rugi /  
Kurang Berdaya Maju (KBM).

Rebrand  
Semarak20


Teknologi Terkini  
Mekanikal/IRA.0:-  
Data driven business information system;  
Drone-assisted.

#### TRANSFORMASI 1.0

Inisiatif Transformasi Telah Dipulakan/Semenjak Tahun 2019  
Pelan Transformasi dan Hala Tuju Strategik FELCRA Berhad Telah  
Dituluskan Di Peringkat Kabinet Malaysia pada 11 Ogos 2021

## IMPAK TRANSFORMASI

Untung Sebelum Cukai Tahun 2020 sehingga Oktober 2022



**UNTUNG SEBELUM CUKAI**  
Nota :Impak kewangan ini melibatkan kumpulan anak syarikat estet JV, kilang, baja, harta tanah & pembinaan dan bisnes-bisnes lain.

## **PENCAPAIAN TRANSFORMASI 2.0**

Transformasi 2.0 memperlihatkan FELCRA Berhad menggerakkan operasinya dengan lebih serius dalam beberapa bidang baharu seperti berikut:

### **1. Projek Ternakan Ayam Sistem Tertutup**

Projek berskala besar ini bermula pada tahun ini dengan kapasiti satu pusingan sebanyak 600,000 ekor atau 3,000,000 ekor per tahun di FELCRA Tanjung Seratus, Rompin, Pahang. Projek ini mensasarkan pasaran ayam segar dengan harga bawah paras pasaran khusus untuk masyarakat desa, di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada warga peserta. Projek yang sama dijangka akan turut beroperasi pada tahun 2024 hingga 2025 di empat (4) buah kawasan lain iaitu Padang Terap, Kedah; Bagan Datuk, Perak; Lipis, Pahang; dan Machang, Kelantan.

### **2. Lembu Pedaging**

Projek Lembu pedaging dengan populasi stok lembu termasuk lembu integrasi melebihi 5,000 ekor meliputi kawasan-kawasan di Seberang Perak, Perak dan Tebing Tinggi, Johor di urus kendali oleh FELCRA Berhad manakala kawasan seperti Paloh, Johor; Sg. Sepuluh, Johor Sri Mahkota, Johor; Lakai, Negeri Sembilan; serta Ramuan China, Melaka diurus kendali oleh Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Berhad (KPR).

### **3. Kelapa Matag**

Projek tanaman baharu kelapa matag dan pandan seluas 59 hektar (123 ekar) akan dilaksanakan di FELCRA Seberang Perak dengan pengeluaran kelapa matag sebanyak 288,462 biji setahun dan kelapa pandan sebanyak 470,800 biji setahun.

### **4. Pengembangan Keluasan Estet Komersial**

Melalui strategi Transformasi 2.0 FELCRA Berhad menyasarkan perluasan estet komersial jangka panjang seluas 30,000 hektar . Sehingga kini, FELCRA Berhad telah berjaya menambah tiga (3) estet baharu seluas 2,412 hektar iaitu Estet Telupid di Sabah seluas 788 hektar, Estet Dabong seluas 1,311 hektar dan Estet Sungai Rawit seluas 313 hektar. Kedua-dua enstet ini terletak di Kelantan.

### **5. Aplikasi Data dan Digitalisasi**

Projek Digital Agriculture telah di laksanakan di ladang-ladang milik peserta dengan pemasangan peranti *Internet of Things* (IoT), pengumpulan pemetaan data secara digital, kerja-kerja meracun dan kawalan penyakit menggunakan drone dan artificial intelligence di estet padi, Seberang Perak serta analisis data dan maklumat melalui *dashboards management systems*.

Objektif utama pertanian digital ini dilaksanakan adalah untuk memanfaatkan teknologi digital bagi mengubah industri pertanian FELCRA Berhad dalam usaha menambahkan hasil tanaman dan meningkatkan kelestarian amalan pertanian dengan mengintegrasikan pelbagai teknologi seperti pertanian presisi, kecerdasan buatan (AI), analisis data, *Internet of Things* (IoT), dan automasi ke dalam operasi pertanian.

Usaha digitalisasi ini telah berjaya meningkatkan hasil padi daripada 3.82 metrik tan/hektar bagi musim 1/2021 kepada 5.50 metrik tan per hektar musim 1/2022. Teknologi padi digital telah menggantikan tenaga manusia apabila drone digunakan sepenuhnya untuk aktiviti semburan kawalan musuh penyakit padi dan kawalan rumpai iaitu 20 hektar sehari berbanding dua (2) hingga lapan (8) hektar sehari.

## **6. *Consolidated Profitable Business Unit (CPBU)***

Projek ini merupakan pendekatan baharu dalam membangunkan kawasan berpetempatan FELCRA Berhad supaya menjadi kawasan yang mempunyai nilai tarikan pengunjung yang tinggi. Projek ini menggembung semua sumber yang ada secara bersepadu (*consolidated*) di kawasan berpetempatan seperti sumber alami, *plantation exploring, rural stay experience, signature food, signature culture* dan gaya hidup desa yang boleh dipamerkan dan dikongsikan kepada para pengunjung dalam dan luar negara.

Sehingga kini, dua (2) buah projek CPBU akan dilancarkan pada bulan Jun 2023 iaitu CPBU Weng Valley, Baling, Kedah dan CPBU LikeYour (Lekir) Market, Sitiawan, Perak.

## **MELIHAT KE HADAPAN**

Transformasi 3.0 yang bakal bermula pada tahun 2023 sehingga 2027 meletakkan konglomerat sekuriti makanan negara sebagai agenda utama. Secara jelas FELCRA Berhad akan berkecimpung dalam pengeluaran makanan asas negara menerusi pelaksanaan program ternakan ayam pedaging, lembu pedaging, makanan ternakan, kelapa matang serta pemerkasaan pengeluaran benih padi dan benih sawit, bagi menyambung inisiatif yang telah bermula dalam Transformasi 2.0.

Dalam tempoh Transformasi 3.0 ini juga, FELCRA Berhad memberikan penekanan kepada kemajuan warga peserta dan koperasi milik peserta menerusi penerapan aspek madani warga peserta di dalam kursus-kursus kepimpinan dan program-program *community engagement* yang dilaksanakannya. Di samping itu, FELCRA Berhad terus memperkasakan empat (4) institusi sosialnya iaitu Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP), Koperasi Peserta Rancangan (KPR), Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) dan Belia supaya kesemuanya sealiran dan menyokong agenda FELCRA Berhad untuk merealisasikan agenda sekuriti makanan negara.

# **KELESTARIAN**

---

---

## VISI & MISI KELESTARIAN

---



---


### MISI KELESTARIAN

- Memperkasakan konsep pembangunan mampan di semua sektor aktiviti perladangan dan pentadbiran.
- Simbol taraf kesejahteraan pekerja dan kebolehpercayaan pihak berkepentingan dengan penekanan amalan kelestarian dan urus tadbir yang baik.

---

### VISI KELESTARIAN

Merealisasikan pembangunan mampan dengan matlamat mencapai kesejahteraan sosial, persekitaran lestari dan kelangsungan ekonomi secara berterusan.



## **1.1 LIMA (5) ELEMEN KELESTARIAN**



### **PEOPLE**

**Manusia**

Dalam sesebuah organisasi, manusia disebut sebagai pihak berkepentingan. Segala tindakan yang diambil perlu dilihat dari segenap sudut yang akan memberikan kesan positif atau negatif kepada pihak berkepentingan tersebut. Contoh pihak berkepentingan dalam sesebuah organisasi ialah pekerja, peserta, pelanggan, pembeli dan masyarakat sekeliling.



### **PLANET**

**Alam Sekitar**

Sebagai konglomerat yang menjalankan perniagaan berdasarkan industri perladangan, meletakkan kepentingan alam sekitar dalam setiap operasi syarikat merupakan perkara utama terutama yang melibatkan kesan kepada alam sekitar seperti pelepasan gas rumah hijau (GHG), pengawalan penggunaan sumber asli, pengawalan penggunaan bahan kimia serta pemuliharaan alam sekitar dan Kawasan Pemuliharaan Nilai Tinggi (HCV).



### **PARTNERSHIP**

**Rakan Kongsi**

Menguatkan cara pengamalan dan kerjasama antara semua pihak demi kemajuan yang mampan.



### **PROSPERITY**

**Kemakmuran**

Pengeluaran hasil yang baik dan berkualiti akan mendapat permintaan di peringkat antarabangsa. Ia akan membantu organisasi mencapai keuntungan yang tinggi dan memastikan perniagaan dapat berdaya maju pada masa hadapan.




### **PEACE**

**Keamanan**

Mempromosikan masyarakat yang aman dan secara menyeluruh demi pembangunan mampan, memberikan capaian keadilan kepada semua serta membina syarikat yang berkesan, dipercayai dan menyeluruh kepada semua pihak dan masyarakat.

## 1.2 TUJUH (7) CABARAN UTAMA KELESTARIAN





### 1.3 PEMANTAPAN AGENDA KELESTARIAN 2023

## MELESTARIKAN FELCRA

KESEJAHTERAAN SOSIAL

KEBERSAMAAN TANGGUNGJAWAB

PENJAGAAN ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI

PENINGKATAN MODAL INSAN DAN ORANG KOMPETEN

PENEKANAN INTEGRITI DALAM ELEMEN KELESTARIAN

PENINGKATAN KESELAMATAN PEKERJAAN

PEMANTAPAN AMALAN BAIK LADANG

KOMITMEN KEBOLEHJEJAKAN DAN KETELUSAN

## 1.4 RAKAN STRATEGIK KELESTARIAN

Kerjasama rakan strategik kelestarian bertujuan untuk:

- Memupuk kesedaran dan pemahaman terhadap keperluan dan kehendak pasaran antarabangsa industri sawit terutama sekatan-sekatan antarabangsa
- Meningkatkan pemahaman tentang kepentingan isu kelestarian terutama komitmen terhadap amalan sosial, alam sekitar dan tadbir urus yang baik
- Menambah baik kecekapan mekanisme kerja semasa dan sedia ada terutama berkaitan isu amalan sosial, alam sekitar dan tadbir urus
- Memberikan kesedaran terhadap kepentingan elemen kebolehjejakan terutama *Traceability to Plantation and Mill* (TPM)

PROGRAM  
KESEDARAN

GERAK KERJA  
KEBOLEHJEJAKAN

KERJASAMA  
ELEPHANT HUMAN  
*COEXISTENCE*  
FELCRA SG. ARA

RESPONSIBLE  
RESOURCES

FELCRA  
POLYGON  
SHAPEFILE

DEALER  
ENGAGEMENT



CARGILL

PROFOREST

EARTHWORM

TRANFORMASI  
KELESTARIAN

# **RANGKUMAN MENGENAI MSPO**

---



## 2.1 PENGENALAN MSPO

FELCRA Berhad merupakan sebuah badan korporat yang bertanggungjawab untuk meningkatkan taraf sosial masyarakat peserta serta penduduk luar bandar. Berbekalkan kemahiran dalam bidang pengurusan ladang dan aktiviti-aktiviti teras, FELCRA Berhad telah menguruskan ladang dengan keluasan 257,078 hektar yang terdiri daripada ladang kelapa sawit, ladang getah dan sawah padi. Namun demikian, pengurusan FELCRA Berhad lebih tertumpu kepada pengurusan ladang kelapa sawit.

Kelapa sawit merupakan salah satu tanaman utama yang dapat menjana ekonomi negara. Hal ini demikian kerana minyak sawit merupakan salah satu daripada 17 minyak sayuran utama yang diperdagangkan di pasaran global. Bagi memastikan perniagaan FELCRA Berhad di dalam

pengurusan ladang kelapa sawit terus teguh dan dapat dipasarkan di peringkat antarabangsa, FELCRA Berhad telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Kumpulan MSPO pada Jun 2017 yang terdiri daripada empat (4) bahagian iaitu Bahagian Pensijilan MSPO, Bahagian *Supply Chain*, Bahagian Alam Sekitar dan Biodiversiti serta Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pada tahun 2022 berlaku perubahan kumpulan kelestarian kini dijenamakan semula sebagai Bahagian MSPO.

Bahagian MSPO memikul tanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) bagi semua ladang dan kilang sawit yang berada di bawah pengurusan FELCRA Berhad.



### i) Pensijilan MSPO

Dibangunkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2013 yang mengambil kira kepentingan pengeluar sawit bersaiz kecil, sederhana dan besar. Pensijilan MSPO ini diperlukan bagi memastikan produk sawit Malaysia yang dihasilkan adalah mampan dan dapat diterima di pasaran global. Standard MSPO (MS 2530:2013) berkuat kuasa secara mandatori mulai tahun 2018 dan telah disemak semula menjadi MSPO 2.0 (MS 2530:2022). Ia juga terpakai kepada pembekal minyak sawit.

### ii) Objektif Pensijilan MSPO

- Melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP)
- Memelihara kebijakan dan keselamatan pekerja
- Memelihara alam sekitar
- Menunjukkan komitmen Malaysia terhadap kemampunan

FELCRA Berhad merupakan sebuah *Plantation House* yang mematuhi Pensijilan MSPO Bahagian Kedua dan Bahagian Ketiga yang patuh kepada prinsip-prinsip berikut:

### PRINSIP-PRINSIP MSPO



Rajah 6: Lima (5) prinsip MSPO yang perlu dipatuhi bagi pensijilan MSPO Bahagian Kedua dan Bahagian Ketiga.

## 2.2 PENSIJILAN MSPO

Standard MSPO dibahagikan kepada empat bahagian:

- i. **Bahagian Pertama** : Prinsip Am Minyak Sawit Mampan Malaysia
- ii. **Bahagian Kedua** : Prinsip Am untuk Pekebun Kecil Persendirian
- iii. **Bahagian Ketiga** : Prinsip Am untuk Ladang dan Pekebun Kecil Terancang
- iv. **Bahagian Keempat** : Prinsip Am untuk Kilang Sawit

Standard Pensijilan MSPO bagi ladang-ladang FELCRA dan kilang minyak sawit merangkumi bahagian kedua, ketiga dan keempat:

1. **Part 2-2** : General Principles for Organised Smallholders (less than 40.46 hectares)
2. **Part 3-1** : General Principles for Oil Palm Plantations (Above 40.46 hectares to 500 hectares)
3. **Part 3-2** : General Principles for Oil Palm Plantations (Above 500 hectares)
4. **Part 4-1** : General Principles for Palm Oil Mill including Supply Chain Requirements
5. **Part 4-2** : General Principles for Palm Oil Processing Facilities including Supply Chain Requirements



Rajah 7: Standard Pensijilan yang dipatuhi oleh FELCRA Berhad.

## **MINYAK SAWIT MAMPAK MALAYSIA (MSPO)**

Arahan Kerajaan Mandatori 01 Jan 2020

### **KENAPA PERLU PENSIJILAN MSPO**

Menangani persepsi negatif terhadap minyak sawit

Membuktikan industri sawit negara menitikberatkan isu sosial

Jaminan kepada pengurusan yang baik dan mengamalkan prinsip mampan

Mengambil berat berkaitan isu alam sekitar

Menjejasakan imej syarikat

Penggantungan dan penarikan semula sijil MSPO

Buah kelapa sawit tidak dapat dijual

Menimbulkan persepsi negatif terhadap minyak sawit

### **IMPAK KEGAGALAN PENSIJILAN MSPO**

Rajah 8: Arahan Kerajaan Mandatori 1 Jan 2020 berhubung sebab-sebab Pensijilan MSPO diperlukan dan impak kegagalannya.

## 2.3 PENCAPIAAN PENSIJILAN MSPO



Penanaman kelapa sawit yang meliputi estet peserta, estet FELCRA Berhad, estet anak syarikat seluas **220,729 hektar**



**Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC)** bertanggungjawab ke atas pensijilan MSPO.



Peruntukan kos pelaksanaan dan pengauditan MSPO adalah sebanyak **RM83 per hektar** bagi tahun pertama dan **RM50 per Hektar** bagi empat (4) tahun seterusnya



Dana insentif MSPO disediakan oleh kerajaan bagi merealisasikan pelaksanaan pensijilan MSPO mandatori pada Disember 2019.



Kilang FELCRA Berhad terdiri daripada **enam (6) buah kilang**.



## 2.4 KRONOLOGI DAN ROADMAP PENSIJILAN MSPO



Rajah 9: Kronologi dan *roadmap* pensijilan MSPO.

### GERAK KERJA PENSIJILAN MSPO 2.0

Proses aliran kerja pensijilan MSPO amatlah penting bagi memastikan pematuhan MSPO ini dilaksanakan secara menyeluruh dalam operasi perladangan dan perkilangan kelapa sawit.

Berkat kerjasama dan usaha semua warga kerja, FELCRA Berhad telah berjaya mencapai 100% skim pensijilan MSPO sehingga 31 Disember 2019. Tempoh sah laku pensijilan MSPO adalah selama lima (5) tahun yang bermula pada 2019 sehingga tahun 2024.

Gerak kerja bahagian MSPO melalui cawangan pensijilan ialah melakukan audit dalaman dan audit penguatkuasaan serta memastikan setiap NC (*non conformity*) dapat ditutup dalam jangka masa yang ditetapkan untuk memastikan ladang-ladang FELCRA mendapat pensijilan MSPO. Selain itu, melalui cawangan kelestarian dan *stakeholder engagement* dalam memastikan kesedaran terhadap

kelestarian, kehendak pasaran antarabangsa dan kesedaran NDPE di semua peringkat.




Rajah 10: Gerak kerja pensijilan MSPO 2.0.



## 2.5 PERALIHAN MSPO 1.0 – MSPO 2.0

Pada tahun 2022, pindaan terhadap skim pensijilan MSPO telah diluluskan dan dijenamakan semula sebagai pensijilan MSPO 2.0. Beberapa perkara utama telah dipindah seperti kewajipan pematuhan pensijilan ini kepada sektor peniaga berdasarkan

buah sawit, pembahagian kategori mengikut saiz ladang dan penyediaan garis panduan bagi penyeragaman dan memudahkan tindakan pematuhan yang ditetapkan.



Rajah 11: Penyediaan garis panduan bagi pensijilan MSPO 2.0.

## THE TRANSITIONS PROCESS

To assist user of this MS2530 standards under the MPSO Scheme to make the necessary preparation for a smooth transition, the following transition plan shall be applied.

### For current MSPO certificates holder (OPMC and SCCS)

Only one (1) Annual Surveillance Audit or Recertification Audit can be conducted against the MS 2530:2013 and or MSPO-SCCS-01 standards during the transition period. The subsequent audit shall be conducted against the MS 2530:2022 standard.

From 1 July 2022 until  
31 December 2023

### For New Applications

Before 1 JANUARY 2023, new MSPO applications shall be against the MS 2530:2013 and/or MSPO-SCCS-01 standards. The subsequent audit shall be conducted against the MS 2530:2022 standard.

From 1 January 2023 onwards, new MSPO applications shall be against the MS 2530:2022

From 1 July 2022 to 31  
December 2022


### All MSPO Audits

From 1 JANUARY 2024 onwards, all MSPO audits shall be against the MS 2530:2022.

January 2024 1  
onwards


Rajah 12: Proses transisi pengguna piawaian MS2530 di bawah Skim MPSO.

## PERBEZAAN MSPO 1.0 VS MSPO 2.0



Rajah 13: Perbezaan MSPO 1.0 dengan MSPO 2.0.

## 2.6 PRESTASI PENSIJILAN MSPO PADA TAHUN BERAKHIR 2022



Rajah 14: Pecahan Sijil MSPO ladang FELCRA mengikut zon.

“Bahagian MSPO bertanggungjawab untuk menguruskan perlaksanaan pensijilan minyak sawit mampan atau *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO) bagi semua ladang dan kilang sawit yang berada di bawah pengurusan FELCRA Berhad. Kami memastikan buah tandan segar dari ladang kami adalah buah yang mempunyai sijil MSPO, *certified resources*.



100% LADANG DAN BTS FELCRA BERHAD  
TELAH MENDAPAT PENSIJILAN:

- JUMLAH KELUASAN: 220,729 HEK
- JUMLAH BTS MSPO P&P: 1,959,089 MT
- JUMLAH BTS MSPO ESTET: 364,746 MT
- JUMLAH CPO MSPO: 251,818 MT
- JUMLAH PK MSPO: 68,914 MT



154 KAWASAN  
SIJIL MSPO



ENAM (6) KILANG SIJIL  
MSPO DAN SIJIL SCCS

## 2.7 PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Penambahbaikan berterusan terhadap pematuhan dari aspek dokumentasi jawatankuasa keselamatan, fizikal persekitaran perumahan pekerja dan pengurusan buangan terjadual diberi fokus utama. FELCRA Berhad amat memandang serius hal berkaitan pematuhan undang-undang, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta menjaga alam sekitar.

Empat (4) perkara yang akan difokuskan untuk tujuan penambahbaikan berterusan terutama melibatkan kerja-kerja menaik taraf pemberian dan penyelenggaraan kemudahan di kawasan dan rumah pekerja:

1 PENYELENGGARAAN DAN MENAMBAH BAIK RUMAH PEKERJA

2 PENYELENGGARAAN DAN MENAMBAH BAIK STOR KIMIA/STOR BAJA DI KAWASAN DAN LADANG

3 PENYELENGGARAAN BAHAN BUANGAN TERJADUAL

4 PENYEDIAAN *EMERGENCY EYE WASH* DI STOR KIMIA KAWASAN DAN LADANG



## KESEDARAN KEBOLEHJEJAKAN (TRACEABILITY)




Pihak NESTLE telah mengadakan program kebolehjejakan di Kilang Sawit FPESB Bidor. Program ini dikendalikan oleh syarikat Cargill dan Syarikat Control Union sebagai pihak juruaudit.

Program ini melibatkan ladang sawit FELCRA Berhad Estet Changkat Jong, FELCRA Berhad Changkat Sulaiman, MOCCIS, pembekal pekebun kecil dan peniaga buah.

Tujuan Pengauditan ini dilaksanakan adalah bagi mencapai sasaran bekalan *free deforestation* minyak sawit pada tahun 2022 dan mengenal pasti mana-mana pembekal (kilang) berisiko tinggi yang mendapat bekalan BTS daripada sumber yang tidak diketahui.

Pengauditan ini juga dapat memastikan ketepatan koordinat di setiap ladang dan pembekal yang berurusan dengan kilang FPESB Bidor ini diperakui benar oleh pihak auditor berdasarkan maklumat koordinat yang sedia ada di kilang FPESB Bidor.

Pelaksanaan audit ini memberi kesan yang baik terhadap sistem kebolehjejakan BTS kelapa sawit dari ladang-ladang ke kilang supaya dapat memenuhi kehendak semasa industri sawit dalam amalan kelestarian di setiap rantaian bekalan (*supply chain*).





## 2.8 AMALAN PERTANIAN BAIK

### 2.8 (i) PEMBAKARAN SIFAR

FELCRA Berhad telah melaksanakan amalan pembakaran sifar bagi projek-projek tanaman semula sejak tahun 2005. Jumlah keluasan ladang yang telah dilaksanakan amalan pembakaran sifar ialah 86,350 hektar dengan jumlah projek sebanyak 507.

Bagi program Baharu projek Penyatuan & Pemulihan (P&P) sebanyak 37 buah projek dengan

keluasan 10,781 hektar dan Projek Tanam Semula (TS) sebanyak 470 buah projek seluas 75,569 hektar. Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir berkata dasar pembakaran sifar ditetapkan di bawah Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MPSO).

## 2.8 (ii) PENGGUNAAN BURUNG HANTU BAGI PENGAWALAN TIKUS

Antara punca kehilangan hasil di setiap ladang kelapa sawit disebabkan oleh serangan tikus ke atas tandan sawit. Serangan tikus ini akan memberi kesan kepada pengurangan berat tandan dan kuantiti minyak yang terhasil daripada mesokap. Lebih malang lagi, tikus turut memakan kumbang pendebungaan iaitu *Elaeidobius kamerunicus* yang terdapat pada jambak bunga jantan sawit.

Justeru, bagi mengatasi masalah ini terdapat dua kaedah yang telah disyorkan untuk dilaksanakan di ladang iaitu menggunakan burung hantu (*Tyto Alba*) sebagai kawalan biologi atau menggunakan racun sebagai kawalan bahan kimia. Namun demikian, penggunaan kawalan biologi dengan membuat pembinaan rumah burung hantu di ladang-ladang kelapa sawit FELCRA Berhad terutamanya bagi projek-projek pramatang/prahasil telah ditekankan bagi mengamalkan aspek kelestarian dalam ladang.



Pembinaan rumah burung hantu di ladang-ladang kelapa sawit FELCRA Berhad sebagai penggunaan kawalan biologi bagi mengamalkan aspek kelestarian di dalam ladang.



Penggunaan burung hantu (*Tyto Alba*) sebagai kawalan biologi bagi menangani masalah serangan tikus pada tandan sawit.

Disebabkan oleh kekangan kos, pembinaan rumah burung hantu perlu dibina secara berperingkat atas nisbah sehektar sepertimana ketetapan di bawah:

- i) Umur pokok 1-3 tahun = 1:50 hektar
- ii) Umur pokok > 3 tahun = 1:20 hektar

Antara sebab utama penggunaan burung hantu dipilih sebagai kawalan biologi ialah burung hantu mampu memakan dua ekor tikus sehari berbanding seekor ular yang hanya mampu memakan seekor tikus seminggu. Selain itu, ia juga tidak akan membawa ancaman kepada ternakan dan lain-lain yang berisiko (aktif pada waktu siang) kerana burung hantu merupakan spesies yang aktif dan keluar pada waktu malam untuk berburu.

# **ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI**

---



Antara program pemberbaikan yang tetap perlu mengambil kira kelestarian alam sekitar.

### 3.1 ALAM SEKITAR

Sebagai sebuah konglomerat yang menjalankan perniagaan berdasarkan industri perladangan, segala keputusan dan tindakan yang diambil haruslah mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar. Pembangunan perladangan khususnya penanaman kelapa sawit sama ada pembukaan kawasan baharu atau aktiviti penanaman semula hendaklah menitikberatkan keperluan perundangan alam sekitar yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan. Antara keperluan perundangan alam sekitar di Malaysia yang perlu dipatuhi oleh FELCRA Berhad adalah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (2015) yang memerlukan pelaksanaan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA), Laporan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Laporan Kajian Pemantauan Alam Sekitar (EMR).



Berikut merupakan perundangan yang harus dipatuhi oleh FELCRA Berhad yang melibatkan penanaman baharu dan penanaman semula seperti rajah di bawah:

#### PERUNDANGAN YANG MELIBATKAN PENANAMAN BAHARU DAN PENANAMAN SEMULA

Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS)	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB)	Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS)
Semenanjung Malaysia	Sarawak	Sabah
Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015	<i>The Natural Resources and Environment Ordinance (Cap. 84 - Law of Sarawak, 1985 Ed) - The Natural Resources and Environment (Prescribed Activities) Order, 1994</i>	Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2022 - Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti yang Ditetapkan) Penilaian Kesan Alam Sekitar) 2005

### **3.2 LAPORAN PENILAIAN ALAM SEKITAR (EIA)**

Pada tahun 2022, sebanyak enam (6) projek yang terlibat di bawah penyediaan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) iaitu bagi projek penanaman baharu dan penanaman semula telah dilaksanakan. Pemantauan terhadap penyediaan laporan EIA adalah berkenaan pematuhan syarat-syarat kelulusan alam sekitar bagi projek tersebut. Antara projek yang terlibat adalah seperti berikut:

<b>Pahang</b>	<b>Johor</b>	<b>Sabah</b>
Projek Rekoh Fasa 2	Projek Bekok	<ul style="list-style-type: none"><li>• Estet Pertama</li><li>• Estet Danum</li><li>• Estet Sg. Lokan</li><li>• Estet Perdana</li></ul>



Penanaman pokok kekacang, Macuna Bracteata.

Tujuan semakan pematuhan alam sekitar diadakan adalah untuk memastikan kerja-kerja pertanian am (PA) mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Antara semakan yang dijalankan adalah berkenaan:

- i. Kawalan hakisan dan sedimen
- ii. Kawalan dan pengawasan kualiti air
- iii. Kawalan dan pengawasan kualiti udara
- iv. Kawalan dan pengawasan bunyi bising
- V. Pengurusan sisa buangan
- vi. Pelaporan alam sekitar
- vii. Audit alam sekitar



Kolam mendapan (*silt pond*) .

Pemeriksaan alam sekitar di ladang bersama Bahagian Pembangunan Ladang.



Antara contoh yang dapat ditunjukkan ialah pihak konsultan yang dilantik Eko Handal Sdn. Bhd. menjalankan kerja-kerja lapangan untuk penyediaan laporan EIA bagi Estet Danum.

Pemeriksaan alam sekitar untuk laporan EIA di Estet Danum oleh pihak konsultan yang dilantik Eko Handal Sdn. Bhd.



### 3.3 AUDIT ALAM SEKITAR

Berdasarkan salah satu syarat kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) No.48 bagi projek perladangan kelapa sawit merupakan keperluan untuk melaksanakan audit alam sekitar **setiap satu (1) tahun sekali**. Audit alam sekitar ini dijalankan untuk mematuhi salah satu syarat kelulusan EIA yang memerlukan audit dilaksanakan bagi menentukan status pematuhan dan pelaksanaan alam sekitar yang telah dijalankan di tapak projek berdasarkan syarat kelulusan EIA yang telah ditetapkan oleh pihak JAS.

Audit alam sekitar telah dijalankan di projek perladangan kelapa sawit FELCRA Berhad Bekok, Segamat, Johor pada 18 Oktober 2022. Laporan audit akan dihantar kepada JAS, Johor untuk pemakluman berkenaan status pematuhan syarat-syarat EIA di ladang. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan syarat-syarat EIA, maka **Non-Conformance (NC)** akan diberikan dan harus dikawal selia dengan kadar segera.


### 3.4 LAPORAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMP)

Sebarang aktiviti pertukaran atau penanaman semula pertanian yang bakal dijalankan turut memerlukan penyediaan laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang dilaksanakan mengikut keperluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Terdapat **empat (4) projek** yang terlibat dalam penyediaan laporan EMP pada tahun 2022. Senarai projek adalah seperti berikut:

Pahang	Sarawak
Semantan	
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Projek Matu</li><li>• Estet Balingian</li><li>• Estet Sundar Awat-awat</li></ul>



Contoh laporan EMP bagi projek yang terlibat.



### 3.5 LAPORAN KAJIAN PEMANTAUAN ALAM SEKITAR (EMR)

Laporan EMR pula perlu dilaksanakan bergantung pada kelulusan bersyarat yang diberikan oleh pihak NREB di mana laporan EMR sebagai langkah terakhir yang perlu dibuat secara berkala (**suku tahun dan separuh tahun**). Sebanyak **76 laporan** telah dihantar pada tahun 2022 kepada pihak JAS dan NREB:

- i. Sarawak – 58 laporan (NREB)
- ii. Perak – 6 laporan (JAS Perak)
- iii. Johor (Bekok) – 12 laporan (JAS Johor)

Berikut merupakan contoh laporan EMR yang dihantar kepada pihak berkuasa tempatan.



Contoh laporan EMR bagi projek yang terlibat.



### **3.6 KEMPEN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR FELCRA BERHAD 2022**

Kempen Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar telah dianjurkan pada 22 Disember 2022. Tujuan kempen alam sekitar ini dilaksanakan adalah bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan staf dan pekerja berkenaan pematuhan undang-undang alam sekitar.

Kempen alam sekitar yang dianjurkan pada tahun lalu bertemakan “Pembangunan Lestari: Program Kualiti Air Sungai” yang mana ceramahnya telah disampaikan oleh Pegawai Jabatan Alam Sekitar Johor, Encik Mohamad Amirul Shafiq.

Kempen tersebut digerakkan secara dalam talian dan seramai 194 orang peserta telah menyertai kempen tersebut.



Antara poster dan gambar sepanjang kempen tersebut berlangsung.

### **3.7 PELAN PERANCANGAN CPPAS BAGI TAHUN 2023**

Sasaran gerak kerja CPPAS yang dirancang bagi tahun 2023 adalah selari dengan objektif Bahagian *Conservation & Biodiversity* iaitu tindakan memelihara alam sekitar diberikan keutamaan oleh semua staf dan pekerja di FELCRA Berhad. Oleh hal yang demikian, matlamat gerak kerja CPPAS adalah seperti berikut:

- i. Pemantauan pematuhan perundangan
- ii. Pengurusan sumber dan pentadbiran alam sekitar yang sistematik
- iii. Pembangunan staf berkompetensi
- iv. Kesedaran dan pengukuhan pengetahuan
- v. Inisiatif kelestarian alam sekitar



# **KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

---

## Konsep



## Objektif

Meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada staf, pekerja dan pelawat di FELCRA Berhad.

## Jangkaan Impak

- Mewujudkan kemalangan sifar dan mengurangkan kejadian berbahaya di tempat kerja
- Tidak berlaku keracunan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja
- Peningkatan budaya kerja yang selamat dan sihat
- Peningkatan kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan staf dan pekerja

Rajah 15: Konsep, objektif dan jangkaan impak bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

## Rekod Kemalangan


Objektif utama keselamatan dan kesihatan pekerjaan FELCRA Berhad adalah untuk mewujudkan "tempat kerja selamat" dengan sasaran "kemalangan sifar".

Berdasarkan statistik kemalangan yang dilaporkan bermula dari tahun 2019 hingga 14 Mac 2023, terdapat peningkatan bilangan insiden yang berlaku di FELCRA Berhad. Namun demikian, keadaan ini berlaku disebabkan oleh peningkatan kesedaran dalam kalangan warga FELCRA Berhad bagi melaporkan sebarang insiden yang berlaku di tempat kerja selepas pelaksanaan Pensijilan MSPO.

STATISTIK INSIDEN YANG DILAPORKAN CKKP  
MENGIKUT TAHUN  
(DARI TAHUN 2019 HINGGA 14 MAC 2023)



ANALISA INSIDEN MENGIKUT LOKASI DARI  
TAHUN 2019 HINGGA 14 MAC 2023



Rajah 16: Statistik insiden yang dilaporkan dan analisis mengikut lokasi dari tahun 2019 hingga Mac 2023.

## **4.1 AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI LOKASI KERJA YANG TIDAK MENJALANKAN PENSIJILAN MSPO**

Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu Audit Dokumentasi dan Audit Fizikal (Lapangan). Pengauditan ini dijalankan di lokasi kerja yang tidak menjalankan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) merangkumi kawasan, estet dan anak syarikat FELCRA Berhad.

Di bawah Audit Dokumentasi antara perkara yang disemak adalah seperti berikut:

- a. Dasar
- b. Pengelolaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
- c. Latihan
- d. Penyimpanan rekod

Di bawah Audit Fizikal (Lapangan) pula antara perkara yang disemak adalah seperti berikut:

- a. Bahan kimia berbahaya
- b. Pengurusan bunyi bising
- c. Ergonomik
- d. Penilaian tempat kerja
- e. Pengurusan loji dan jentera
- f. Kebajikan
- g. Pelan tindakan kecemasan (ERP)



## **4.2 AKTIVITI BERKAITAN KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS TAHUN 2022**

### **Kursus Asas Pertolongan Cemas**

Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kompetensi staf yang mempunyai sijil ahli pertolongan cemas tetapi telah tamat tempoh dan staf yang tidak pernah menghadiri latihan supaya menjadi ahli pertolongan cemas yang kompeten.

Selain itu, kursus ini juga diadakan untuk memenuhi keperluan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) iaitu staf yang telah dilatih berkaitan asas pertolongan cemas hendaklah disediakan dalam setiap operasi dan perlulah dilatih oleh mereka yang kompeten.

Kursus Asas Pertolongan Cemas (*Refresher*) dan Kursus Asas Pertolongan Cemas telah diadakan seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Lokasi Kursus</b>	<b>Jumlah Peserta</b>
30 Mei 2022	Auditorium Wisma FELCRA	28 orang
30 Jun 2022		40 orang
29 Ogos 2022		36 orang
26 September 2022	Pejabat Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Sarawak	37 orang



Kursus Asas Pertolongan Cemas pada tahun 2022 yang dianjurkan oleh FELCRA Berhad.

### **4.3 AKTIVITI BERKAITAN KURSUS ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN (OKK) TAHUN 2022**

#### **Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)**

Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) merupakan keperluan di bawah Seksyen 27(A) (1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) (Pindaan) 2018 di mana pemunya, penghuni atau orang yang mengendalikan pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan hendaklah menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran. Merujuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), di bawah Seksyen 15(2)(c) pula menyatakan majikan perlu membekalkan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana perlu untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan dan kesihatan pekerjanya yang sedang bekerja.

Oleh yang demikian, bagi memenuhi keperluan akta tersebut, satu kursus telah diadakan bagi 59 orang ahli pasukan Tindak Balas Kecemasan / Organisasi Keselamatan Kebakaran Wisma FELCRA pada 6 hingga 8 September 2022 bertempat di Balai Bomba Penyelamat Malaysia (Setapak) serta Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia (Seputeh). Sijil kehadiran telah disampaikan kepada ahli-ahli pasukan yang menghadiri kursus tersebut.



## **4.4 AKTIVITI BERKAITAN LATIHAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022**

### **Latihan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar**

Pelaksanaan latihan di FELCRA Berhad amatlah penting untuk dilaksanakan sejajar dengan Prinsip 4.4.6.1 iaitu semua kakitangan dan kontraktor yang berkaitan perlu diberi latihan yang bersesuaian.

Tujuan latihan ini dilaksanakan adalah untuk melatih penyelaras yang mengendalikan tugas supaya lebih mahir dan memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai fungsi tugas mereka.

Latihan ini merangkumi prosedur dan garis panduan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar.

Latihan ini melibatkan semua kawasan atau estet FELCRA Berhad yang dilaksanakan mengikut wilayah di Pejabat Pengurus Besar Wilayah dan disampaikan kepada Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Penyelaras Alam Sekitar. Latihan ini telah diberikan kepada semua penyelaras bagi FELCRA Berhad wilayah Timur, Johor, Sarawak dan Perak pada tahun 2022. Latihan ulangan akan dijalankan secara berperingkat pada tahun 2023 bagi wilayah-wilayah lain.

Wakil staf cawangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang menjadi tenaga pengajar telah membentangkan modul-modul seperti berikut:

Pengenalpastian Hazard,  
Penilaian Risiko dan  
Kawalan Risiko (HIRARC)

Tindak Balas  
Kecemasan dan  
Persediaan

Jawatankuasa  
Keselamatan dan  
Kesihatan

Sistem Pengurusan  
Keselamatan  
Kontraktor

Pengurusan Keselamatan  
Bahan Kimia

Kelengkapan  
Pelindung Diri

Pengurusan  
Pertolongan Cemas

Pengurusan  
Insiden Industri



Latihan KKPAS di Pejabat Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Timur



Latihan KKPAS di Pejabat Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Johor



Latihan KKPAS di FELCRA Berhad *Centre of Excellence* bagi FELCRA Berhad Wilayah Pahang dan Kilang Sawit FELCRA Berhad

## **4.5 PENYEDIAAN ORANG YANG KOMPETEN DAN STAF YANG KHUSUS**

### **Orang yang Kompeten**

Penyediaan staf yang berkompetensi amat penting dalam pelaksanaan pematuhan perundangan di FELCRA Berhad ini termasuklah staf yang ditugaskan untuk melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan dengan keperluan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Dengan adanya orang yang kompeten ini, maka kerja-kerja berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dilakukan secara betul.



Kursus Orang Terlatih Ergonomik bagi Penilaian Risiko Ergonomik Awalan



Kursus Pentaksiran Risiko Kimia kepada Kesihatan



Orang Terlatih Ergonomik bagi Penilaian Risiko Ergonomik Lanjutan

### **Cadangan Penyediaan Orang yang Kompeten**

Cadangan penyediaan orang yang kompeten bagi tahun 2023 merangkumi empat (4) aktiviti utama:

Penilaian Kualiti  
Udara Dalaman

Penilaian Risiko  
Bising

Juruteknik  
Higien Industri  
(Permonitoran  
Kimia)

Pegawai  
Keselamatan dan  
Kesihatan



Wisma FELCRA,  
Lot 4780, Jalan Rejang, Setapak Jaya,  
Peti Surat 50772, 12254 Kuala Lumpur.